

Bil	Perkara	Muka surat
1.	PENTADBIRAN IJAZAH TINGGI ... ..	2
2.	IJAZAH SARJANA ANESTESIOLOGI (MAnaes) ... ..	4
3.	IJAZAH SARJANA FIZIK PERUBATAN (MMedPhysics) ... ..	10
4.	IJAZAH SARJANA KESIHATAN AWAM (MPH) ... ..	16
5.	IJAZAH SARJANA OBSTETRIKS DAN GINEKOLOGI (MObGyn) ... ..	21
6.	IJAZAH SARJANA OFTALMOLOGI (MOphthal) ... ..	27
7.	IJAZAH SARJANA ONKOLOGI KLINIKAL (MCO) ... ..	34
8.	IJAZAH SARJANA OTORINOLARINGOLOGI–SURGERI KEPALA & LEHER (MOri) ... ..	40
9.	IJAZAH SARJANA PATOLOGI (MPath) ... ..	46
10.	IJAZAH SARJANA PEDIATRIK (MPaeds) ... ..	52
11.	IJAZAH SARJANA PEMBEDAHAN KANAK-KANAK (MPaedSurg) ... ..	59
12.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN DALAMAN (MIntMed) ... ..	65
13.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN KECEMASAN (MEmed) ... ..	72
14.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN KELUARGA (MFamMed) ... ..	78
15.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN PEMULIHAN (MRehabMed) ... ..	85
16.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN PSIKOLOGI (MPM) ... ..	91
17.	IJAZAH SARJANA PERUBATAN SUKAN (MSpMed) ... ..	97
18.	IJAZAH SARJANA RADIOLOGI (MRad) ... ..	103
19.	IJAZAH SARJANA SAINS KEJURURAWATAN (MNSc) ... ..	110
20.	IJAZAH SARJANA SAINS PERUBATAN DALAM KESIHATAN AWAM (MMedSc (PH)) ... ..	114
21.	IJAZAH SARJANA SAINS PERUBATAN DALAM PATOLOGI KLINIKAL (MMedScClinPath) ... ..	118
22.	IJAZAH SARJANA SURGERI (MSurg) ... ..	125
23.	IJAZAH SARJANA SURGERI ORTOPEDIK (MOrthSurg) ... ..	132
24.	IJAZAH SARJANA SAINS PERUBATAN (MMedSc)	
-	SECARA PENYELIDIKAN ... ..	138
-	SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN ... ..	140
25.	DOKTOR KESIHATAN AWAM (DrPH) ... ..	143
26.	HADIAH UNTUK PELAJAR TERBAIK ... ..	183



**PROFESSOR DR. ADEEBA KAMARULZAMAN**  
Dekan  
[adeeba@ummc.edu.my](mailto:adeeba@ummc.edu.my)  
603-79492050



**PROFESSOR DATO DR. CHRISTOPHER  
BOEY CHIONG MENG**  
Timbalan Dekan  
[boeycm@ummc.edu.my](mailto:boeycm@ummc.edu.my)  
603-79492108



**HARIL MUZAMMIL AWANG**  
Penolong Pendaftar Kanan  
[haril@ummc.edu.my](mailto:haril@ummc.edu.my)  
603-79677503



**JUHaida MD DERUS**  
Penolong Pegawai Tadbir  
[juhaida67@um.edu.my](mailto:juhaida67@um.edu.my)  
603-79673146



**FARAHIYAH MOHAD KIDAR**  
Setiausaha Pejabat  
[farahiyah@ummc.edu.my](mailto:farahiyah@ummc.edu.my)  
603-79492108



**HAIRIAH HARAN**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[hairiah@ummc.edu.my](mailto:hairiah@ummc.edu.my)  
603-79673147



**NURAZLINA AZMI**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[nurazlina@ummc.edu.my](mailto:nurazlina@ummc.edu.my)  
603-79492072



**AILIN ABDULLAH**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[ailina@um.edu.my](mailto:ailina@um.edu.my)  
603-79676695



**MOHD HUZAIRI MOHD HUSSIN**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[huzairi@ummc.edu.my](mailto:huzairi@ummc.edu.my)  
603-79676695



**RAMLAH ABDULRAZAK**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[ramlahrazak@ummc.edu.my](mailto:ramlahrazak@ummc.edu.my)  
603-79677514



**GEETHA DEVI A/P M. RANGA NATHAN**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[geetha@ummc.edu.my](mailto:geetha@ummc.edu.my)  
603-79673147



**NURFAIZELA IBRAHIM**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
[faziela@um.edu.my](mailto:faziela@um.edu.my)  
603-79677514



**MOHAMAD SHAIFULNIZAM MD ANUAR**  
Pembantu Am Pejabat  
[apol@um.edu.my](mailto:apol@um.edu.my)  
603-79492072

# KEPERLUAN DAN SYARAT KHUSUS BAGI PROGRAM

Sarjana Tambahan Kepada  
Kaedah-Kaedah  
Universiti Malaya  
(Ijazah Sarjana) 2010

&

Peraturan-Peraturan  
Universiti Malaya  
(Ijazah Sarjana) 2010

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Anestesiologi  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Anestesiologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

Program Pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:

- (1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian yang merangkumi latihan klinikal dalam kemahiran asas dalam anestesia dan resasitasi untuk pengurusan pesakit.
- (2) Peringkat II mengandungi latihan dalam tahun kedua dan tahun ketiga pengajian dalam:
  - (a) penempatan anestesiologi klinikal dan bukan anestesiologi yang dijalani secara giliran seperti perubatan am, radiologi, perubatan kecemasan, atau mana-mana penempatan lain yang diluluskan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon; dan
  - (b) metodologi penyelidikan termasuk perjalanan projek penyelidikan dalam mana-mana bidang anestesia, rawatan rapi atau pengurusan kesakitan.
- (3) Peringkat III mengandungi latihan klinikal dalam tahun keempat pengajian dalam bidang pengkhususan anestesiologi atau rawatan rapi atau anestesiologi dan rawatan rapi.

- (4) Calon adalah dikehendaki menyelenggara buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugas yang dijalani.

## 5. Pendaftaran

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia mempunyai -
- (a) minimum dua tahun pengalaman dalam anesthesiologi klinikal di hospital yang diiktiraf oleh Fakulti dan telah lulus mana-mana satu peperiksaan yang disenaraikan di bawah:
- (i) *the primary Examination of the Royal College of Anaesthetists;*
  - (ii) *the Primary Examination of the Australian and New Zealand College of Anaesthetists;*
  - (iii) *the Primary Examination of the Faculty of Anaesthetists of the Royal College of Surgeons of Ireland;*
  - (iv) *the Primary Examination for the degree of Master of Medicine in Anaesthesia of the National University of Singapore;*
  - (v) *the Part II Examination of the Royal College of Anaesthetists;*
  - (vi) *the Part II Examination of the Faculty of Anaesthetists of the Royal College of Surgeons of Ireland;* atau
  - (vii) mana-mana peperiksaan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti.
- atau
- (b) minimum tiga tahun pengalaman dalam anesthesiologi klinikal di hospital yang diiktiraf oleh Fakulti, tetapi tidak lulus mana-mana peperiksaan tersebut di atas.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada programnya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan laporan penempatannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah –
  - (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus mana-mana satu peperiksaan yang disenaraikan di bawah:
    - (i) *the primary Examination of the Royal College of Anaesthetists;*
    - (ii) *the Primary Examination of the Australian and New Zealand College of Anaesthetists;*
    - (iii) *the Primary Examination of the Faculty of Anaesthetists of the Royal College of Surgeons of Ireland;*
    - (iv) *the Primary Examination for the degree of Master of Medicine in Anaesthesia of the National University of Singapore;*
    - (v) *the Part II Examination of the Royal College of Anaesthetists;*
    - (vi) *the Part II Examination of the Faculty of Anaesthetists of the Royal College of Surgeons of Ireland;* atau
    - (viii) mana-mana peperiksaan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti.
  - (b) menyerahkan buku log dan laporan penempatannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
  - (c) menyempurnakan dan menyerahkan laporan penyelidikannya enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (3)
  - (a) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung pengajian tahun 1. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.
  - (b) Peperiksaan teori akan diadakan dalam masa tidak melebihi 6 minggu sebelum peperiksaan VIVA.
  - (c) Hanya calon yang lulus peperiksaan teori sahaja akan dipanggil untuk menduduki peperiksaan VIVA.
- (4) Subjek Peperiksaan dan Pembahagian Markah

(a) Peperiksaan Bahagian I

Subjek Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap subjek hendaklah seperti berikut:

<b>Subjek</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
Subjek: Farmakologi		
A.	Seksyen Bertulis	
	MBGE6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan 30
	MBGE6102 Kertas 2	Esei dan Soalan Jawapan Pendek 30
B.	Seksyen Lisan	
	MBGE6121	Peperiksaan Viva 40
		Jumlah <u>100</u>
Subjek: Fisiologi dan Ukuran Klinikal		
A.	Seksyen Bertulis	
	MBGE6104 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan 30
	MBGE6105 Kertas 2	Esei dan Soalan Jawapan Pendek 30
B.	Seksyen Lisan	
	MBGE6122	Peperiksaan Viva 40
		Jumlah <u>100</u>

(b) Peperiksaan Akhir

Seksyen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap seksyen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MBGE6236 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan 20
	MBGE6237 Kertas 2	Soalan Esei 20
B.	Klinikal	
	MBGE6243	- Kes Panjang 20
	MBGE6250	- Viva Voce 40
		Jumlah <u>100</u>

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah: -

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) Mengambil kedua-dua subjek pada percubaan yang pertama; dan
- (ii) Memperolehi 50% atau lebih daripada markah bagi setiap subjek dalam Peperiksaan tersebut; dan
- (iii) Lulus kedua-dua seksyen (bertulis dan lisan) bagi setiap subjek dalam Peperiksaan tersebut.

(b) Peperiksaan Akhir

Memperolehi 50% atau lebih daripada markah bagi setiap seksyen dalam Peperiksaan tersebut.

Peperiksaan Bertulis akan diadakan dalam masa enam (6) minggu sebelum Peperiksaan Klinikal. Hanya calon yang lulus Peperiksaan Bertulis (Komponen A), akan dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Klinikal (Komponen B). Calon yang gagal Peperiksaan Klinikal dikehendaki menduduki Peperiksaan Semula Bertulis sebelum mengambil Peperiksaan Semula Klinikal.

(6) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak tiga kali selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi subjek yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
- (iii) Calon yang telah gagal Peperiksaan/Peperiksaan Semula Bahagian I tetapi memperolehi markah dalam satu di antara dua subjek, yang sama atau melebihi 50% dibenarkan mengambikira markahnya bagi subjek berkenaan kepada jumlah markah subjek dalam percubaan Peperiksaan Semula Bahagian I, tertakluk kepada kelulusan Fakulti. Calon perlu menduduki Peperiksaan Semula dalam subjek yang mana beliau telah gagal.
- (iv) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali ketiga hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula setiap enam bulan pada tiap-tiap kali sehingga tamat tempoh maksimum pengajian.
- (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
- (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula sehingga tamat tempoh maksimum pengajian, hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Anestesiologi melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

(1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia -



- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
  - (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
  - (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.
- (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Anestesiologi dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Anestesiologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Klinikal Program dalam bidang Anestesiologi dan/atau Rawatan Intensif</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Anestesiologi Klinikal dan penempatan giliran dalam bidang bukan Anestesiologi</li> </ul>	
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Anestesiologi Asas</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program :** Ijazah Sarjana Fizik Perubatan  
**Mod :** Secara Kursus  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Kelayakan Masuk

Jenis program Ijazah Sarjana Fizik Perubatan yang ditawarkan adalah Program secara Kursus di mana peruntukan jam kredit bagi bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus daripada jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian. Selepas penyempurnaan program pengajian yang berkaitan seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual ini, calon adalah layak untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Fizik Perubatan.

### 2. Syarat Kemasukan

#### (1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau setaraf dengannya dalam bidang sains fizikal; atau
- (b) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau setaraf dengannya di mana program pengajian mengandungi kursus-kursus sains fizikal yang signifikan; atau
- (c) Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya dalam bidang sains fizikal dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; atau
- (d) Kelayakan lain setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

#### (2) Syarat lain

Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua (2) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. Struktur Program

- (1) Program Sarjana Fizik Perubatan secara kursus mengandungi empat puluh (40) jam kredit yang terdiri daripada:
  - (a) empat (4) kursus teras yang setiap satunya berjumlah empat (4) jam kredit, semuanya berjumlah enam belas (16) jam kredit;
  - (b) satu kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit;
  - (c) dua (2) kursus teras yang setiap satunya berjumlah lima (5) jam kredit, semuanya berjumlah sepuluh (10) jam kredit;
  - (d) satu projek penyelidikan berjumlah dua belas (12) jam kredit.

- (2) Butir-butir kursus yang ditawarkan adalah seperti mana yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti dan calon akan dimaklumkan butir-butir tersebut pada permulaan setiap sesi.
- (3) Senarai kursus untuk program Sarjana Fizik Perubatan adalah seperti mana yang diperuntukan dalam Senarai 1.

## **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam minggu sebelum semester berkenaan bermula.
- (2) Calon adalah dikehendaki mendaftar sekurang-kurangnya enam (6) jam kredit kursus dalam mana-mana semester kecuali:
  - (a) pada semester terakhir program pengajiannya di mana ia boleh mendaftar kredit kurang daripada yang dinyatakan di atas; atau
  - (b) di mana calon telah dibenarkan menarik diri daripada semester berkenaan.
- (3) Calon hanya boleh mendaftar untuk Projek Penyelidikan Fizik Perubatan selepas ia telah mendapat sekurang-kurangnya sepuluh (10) jam kredit dalam kursus teras.

## **6. Penyeliaan**

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik semasa bidang penyelidikan diluluskan.
- (2) Penyelia bersama dan/atau perunding boleh dilantik pada bila-bila masa apabila diperlukan.

## **7. Tajuk Penyelidikan**

Bidang penyelidikan hendaklah ditetapkan sebelum calon memulakan bahagian penyelidikan bagi program pengajiannya.

## **8. Penyerahan**

Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan projek sebelum tamat tempoh maksimum pencalonannya.

## **9. Peperiksaan untuk Ijazah**

- (1) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Fizik Perubatan hendaklah terdiri daripada peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan dalam setiap kursus yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana Fizik Perubatan seperti berikut:
  - (a) empat (4) kursus teras yang setiap satunya berjumlah empat (4) jam kredit, semuanya berjumlah enam belas (16) jam kredit;
  - (b) satu kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit;
  - (c) dua (2) kursus teras yang setiap satunya berjumlah lima (5) jam kredit, semuanya berjumlah sepuluh (10) jam kredit;
  - (d) satu projek penyelidikan berjumlah dua belas (12) jam kredit.
- (2) Komponen Peperiksaan dan Agihan Markah
  - (a) Kursus yang diajar

- (i) Komponen kursus yang diajar dan pembahagian markah untuk setiap komponen seperti yang dinyatakan bagi peperiksaan hendaklah seperti berikut:

Komponen	Agihan Markah (Maksimum)
(A) Peperiksaan Akhir Semester	40%
(B) Penilaian Berterusan	60%
Jumlah	100%

- (ii) MQGQ6113 Perkomputeran dan Informatik Perubatan

Penilaian Berterusan	100%
----------------------	------

- (b) Senat boleh atas perakuan Fakulti, mengubah agihan markah untuk komponen sesuatu kursus bagi Peperiksaan.

- (3) Keperluan Gred Kursus

Gred kursus-kursus adalah tertakluk kepada peraturan Skim Pemarkahan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.

## 10. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan ijazah Sarjana Fizik Perubatan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### Senarai 1: Kursus-kursus Teras

Kod	Tajuk	Jam Kredit
MQGQ6101	Anatomi dan Fisiologi	4
MQGQ6112	Biostatistik	2
MQGQ6113	Komputer dan Informatik Perubatan	4
MQGQ6114	Fizik Radiasi Gunaan dan Dosimetri	4
MQGQ6115	Radiobiologi dan Perlindungan Sinaran	4
MQGQ6116	Pengimejan Perubatan dan Perubatan Nuklear	5
MQGQ6117	Fizik Radioterapi	5
MQGQ6189	Projek Penyelidikan Fizik Perubatan	12
Jumlah		40

\*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

**Ijazah Sarjana Fizik Perubatan  
Jadual Program**

Semester II	<ul style="list-style-type: none"> <li>• satu projek penyelidikan berjumlah dua belas (12) jam kredit. Calon hanya boleh mendaftar untuk projek penyelidikan fizik perubatan selepas ia telah mendapat sekurang-kurangnya sepuluh (10) jam kredit dalam kursus teras.</li> </ul>	Peperiksaan: (i) Akhir Semester I (ii) Akhir Semester II
Semester I	<ul style="list-style-type: none"> <li>• empat (4) kursus teras yang setiap satunya berjumlah empat (4) jam kredit, semuanya berjumlah enam belas (16) jam kredit;</li> <li>• satu kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit;</li> <li>• dua (2) kursus teras yang setiap satunya berjumlah lima (5) jam kredit, semuanya berjumlah sepuluh (10) jam kredit.</li> </ul>	

Pendaftaran  
(Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Fizik Perubatan  
**Mod :** Secara Penyelidikan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Jenis program Ijazah Sarjana Fizik Perubatan yang ditawarkan adalah Program secara Penyelidikan di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan seratus (100) peratus program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau setaraf dengannya dalam bidang sains fizikal atau dalam bidang yang berkaitan; atau
- (b) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau setaraf dengannya dalam program pengajian yang mengandungi kursus-kursus sains fizikal; atau
- (c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains fizikal dan –
  - (i) sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan; atau
  - (ii) bukti penerbitan dalam bidang yang berkaitan;atau
- (d) Kelayakan lain setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(2) Syarat Lain

Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua (2) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. Struktur Program

- (1) Program ini merupakan program penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penyerahan satu disertasi dan formatnya adalah seperti mana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.
- (2) Di mana Fakulti menganggap ianya perlu calon boleh dikehendaki mengikuti atau mengikuti dan lulus kursus atau kursus-kursus seperti mana yang ditentukan oleh Fakulti.

## 5. Pendaftaran Kursus

Melainkan ia telah dibenarkan menarik diri dari semester berkenaan, calon bagi program secara disertasi yang disyaratkan mengikuti atau mengikuti dan lulus mana-mana kursus atau kursus-kursus adalah dikehendaki mendaftar untuk kursus atau kursus-kursus berkenaan dalam semester di mana kursus atau kursus-kursus tersebut ditawarkan.

## 6. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik semasa bidang penyelidikan diluluskan.
- (2) Penyelia bersama dan/atau perunding boleh dilantik pada bila-bila masa apabila diperlukan.

## 7. Tajuk Penyelidikan

Bidang penyelidikan bagi disertasi hendaklah ditetapkan semasa calon diterima masuk ke program pengajian ini.

## 8. Penyerahan

- (1) Calon yang disyaratkan mengikuti mana-mana kursus yang ditetapkan tidak dibenar menyerahkan disertasinya sehingga disahkan oleh Dekan bahawa beliau telah mengikuti kursus atau kursus-kursus tersebut dengan memuaskan.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasinya untuk pemeriksaan dalam tempoh pencalonannya.

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Kesehatan Awam  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Kesehatan Awam adalah program secara kursus di mana peruntukan jam kredit bagi bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian. Selepas penyempurnaan program pengajian yang berkaitan seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual ini, calon adalah layak untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Kesehatan Awam.

### 2. **Syarat Kemasukan**

(1) Kelayakan masuk

(a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan

(b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman dalam bidang perubatan am selepas pendaftaran sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.

(2) Syarat lain

Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

(1) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua (2) semester.

(2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. **Struktur Program**

(1) Program pengajian Sarjana Kesehatan Awam merangkumi empat puluh (40) jam kredit yang terdiri daripada:

(a) tujuh kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya dua puluh satu (21) jam kredit;

(b) satu kursus teras berjumlah empat (4) jam kredit;

(c) lima kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya lima belas (15) jam kredit;  
atau

(d) tiga kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya sembilan (9) jam kredit dan satu kursus elektif yang membawa kepada satu Kertas Penyelidikan berjumlah enam (6) jam kredit.

(2) Butir-butir kursus yang ditawarkan adalah seperti mana yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti dan calon akan dimaklumkan butir-butir tersebut pada permulaan setiap sesi.



- (3) Senarai kursus untuk program Sarjana Kesihatan Awam adalah seperti mana yang dilampirkan dalam Senarai 1 dan Senarai 2.

## **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus akan bermula pada minggu sebelum permulaan semester yang berkaitan.
- (2) Calon perlu mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) jam kredit dalam setiap semester kecuali di mana calon telah dibenarkan menarik diri daripada semester berkenaan.
- (3) Calon dibenarkan mendaftar kursus Kertas Penyelidikan selepas ia telah menyempurnakan sekurang-kurangnya lima belas (15) jam kredit kursus teras.

## **6. Kehadiran**

Semasa program pengajiannya calon dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di institusi atau agensi lain yang diiktiraf oleh Fakulti.

## **7. Penyeliaan**

- (1) Fakulti hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia bagi setiap calon tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Penyelia bersama dan/atau pakar perunding boleh dilantik bila diperlukan.
- (3) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## **8. Tajuk Penyelidikan**

Kertas penyelidikan bagi calon akan ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada dua bulan sebelum permulaan kertas penyelidikan.

## **9. Penyerahan**

Calon adalah dikehendaki menyerahkan kertas penyelidikan tidak lewat daripada satu bulan sebelum akhir semester berkenaan untuk diperiksa.

## **10. Peperiksaan bagi Ijazah**

- (1) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Kesihatan Awam hendaklah terdiri daripada peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan dalam setiap kursus yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana Kesihatan Awam seperti berikut:
  - (a) tujuh kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah dua puluh satu (21) jam kredit;
  - (b) satu kursus teras berjumlah empat (4) jam kredit;
  - (c) lima kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah lima belas (15) jam kredit.atau
  - (d) tiga kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah sembilan (9) jam kredit dan satu kursus elektif yang membawa kepada satu Kertas Penyelidikan berjumlah enam (6) jam kredit.

(2) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

(a) Kursus yang diajar

Komponen kursus yang diajar dan pembahagian markah untuk setiap komponen seperti yang dinyatakan bagi peperiksaan hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
(i) Penilaian Berterusan	50 %
(ii) Peperiksaan Akhir Semester	50 %
<b>Jumlah</b>	<b>100 %</b>

(b) Kertas Penyelidikan

Pembahagian markah bagi komponen kertas penyelidikan hendaklah 100% daripada penyerahan laporan secara bertulis.

(c) Senat boleh atas perakuan Fakulti, mengubah agihan markah untuk komponen sesuatu kursus bagi peperiksaan.

(3) Keperluan Gred Kursus

Gred kursus-kursus tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Kesihatan Awam melainkan ia telah menyempurnakan semua bahagian kursus dan lulus dalam semua peperiksaan yang ditetapkan.

### Senarai 1 Kursus-Kursus Teras

<b>KOD</b>	<b>TAJUK</b>	<b>JAM KREDIT</b>
MOGB6107	Prinsip dan Kaedah-Kaedah Epidemiologi	3
MOGB6108	Metodologi Penyelidikan	3
MOGB6280	Penyediaan Cadangan Penyelidikan*	4
MOGB6109	Prinsip Biostatistik	3
MOGB6110	Pengurusan dalam Kesihatan	3
MOGB6105	Prinsip-Prinsip Kesihatan Keluarga	3
MOGB6106	Masyarakat, Tingkahlaku dan Kesihatan	3
MOGR6107	Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran	3
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>

\* Pra-syarat: MOGB6108 Metodologi Penyelidikan

## Senarai 2: Kursus Elektif

KOD	TAJUK	JAM KREDIT
MOGB6301	Epidemiologi Penyakit-Penyakit di Malaysia	3
MOGB6302	Analisis Perkadaran dan Nisbah	3
MOGB6303	Penghasilan Bukti Sainifik Yang Kukuh	3
MOGB6304	Konsep Biostatistik Tahap Lanjutan	3
MOGB6480	Kertas Penyelidikan*	6
MOGB6305	Ekonomi Kesihatan	3
MOGB6306	Undang-Undang dan Kesihatan	3
MOGB6307	Kesihatan Wanita, Kanak-Kanak dan Remaja	3
MOGB6308	Kesihatan Wanita	3
MOGB6309	Kesihatan Kanak-Kanak dan Remaja	3
MOGB6310	Kesihatan Lelaki	3
MOGB6311	Kesihatan Warga Tua	3
MOGB6312	Kesihatan Mental	3
MOGB6313	Demografi Perubatan	3
MOGB6314	Seksual dan Kesihatan Reproduktif	3
MOGB6315	Sains Tingkahlaku	3
MOGB6316	Promosi Kesihatan	3
MOGB6317	Perubatan Pekerjaan	3
MOGB6318	Survelan Perubatan dan Fitnes di Tempat Kerja	3
MOGR6301	Asas dalam Kesihatan Awam	3
MOGR6302	Pemakanan Kesihatan Awam	3
MOGR6303	Siasatan Kualitatif dalam Kesihatan Awam	3
MOGR6304	Penilaian Risiko Kesihatan	3

dan mana-mana kursus lain yang diluluskan oleh Fakulti

\* Pra-syarat: MOGB6108 Metodologi Penyelidikan

**JUMLAH: 15 jam kredit**

**Nota:** Kursus elektif dalam setiap semester akan berubah-ubah dari semester ke semester



**Nama Program:** Ijazah Sarjana Obstetriks dan Ginekologi  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Obstetriks dan Ginekologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Program Pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I melibatkan:
    - (i) dua belas (12) bulan latihan di dalam asas Klinikal Obstetriks dan Ginekologi.
    - (ii) merancang dan menjalankan projek penyelidikan.
  - (b) Peringkat II mengandungi latihan klinikal lanjutan dalam Obstetriks dan Ginekologi bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan di mana calon hendaklah -
    - (i) menunjukkan perkembangan yang memuaskan dalam proses penilaian berterusan dari Jabatan dan penyelia;
    - (ii) melengkapkan buku log yang mengandungi kes yang diuruskan di bawah penyeliaan dan prosedur praktikal yang telah dijalankan dan disah memuaskan oleh penyelia; dan

- (i) menyerahkan laporan penyelidikan atau artikel yang diterbitkan dan disah memuaskan oleh penilai tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon diwajibkan lulus Peperiksaan Bahagian I Ijazah Sarjana Obstetrik dan Ginekologi sebelum maju ke peringkat II program tersebut.
- (3) Calon dibenar menjalankan maksimum enam (6) bulan latihan elektif di dalam mana-mana disiplin yang bersesuaian samada di dalam atau luar jabatan seperti yang diluluskan oleh Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

#### **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

#### **6. Kehadiran**

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

#### **7. Penyeliaan**

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

#### **8. Tajuk Penyelidikan**

Projek penyelidikan bagi calon perlu diluluskan oleh Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan jawatankuasa etika perubatan (dimana projek dijalankan) sebelum projek dimulakan.

#### **9. Penyerahan**

- (1) Calon dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan atau artikel yang diterbitkan dan disah memuaskan oleh penilai tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon dikehendaki menyerahkan buku log yang mengandungi kes yang diuruskan di bawah penyeliaan dan prosedur praktikal yang telah dijalankan dan disah memuaskan oleh penyeliannya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

#### **10. Peperiksaan bagi Ijazah**

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut -
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Akhir.

- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
- (a) lulus Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) menunjukkan perkembangan yang memuaskan dalam proses penilaian berterusan dari Jabatan dan penyelia;
  - (c) menyerahkan buku log yang mengandungi kes yang diuruskan di bawah penyeliaan dan prosedur praktikal yang telah dijalankan dan disah memuaskan oleh penyeliannya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
  - (d) menyerahkan laporan penyelidikan atau artikel yang diterbitkan dan disah memuaskan oleh penilai tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (3) Peperiksaan Bahagian I akan diadakan pada dua belas (12) bulan Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun akhir Peringkat II program pengajian.
- (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

	Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis MGGG6103 MGGG6104	Soalan Pelbagai Pilihan Esei	60%
B.	Klinikal MGGG6105 MGGG6106	Penilaian Klinikal Objektif Berstruktur Viva	40%
		<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>

- (b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut (using the close marking system):

	Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis MGGG6236 (Obstetrik)	Kertas 1 Soalan Pelbagai Pilihan Soalan Pelbagai Esei Soalan Jawapan Pendek	40%
	MGGG6237 (Ginekologi)	Kertas 2 Soalan Pelbagai Pilihan Soalan Pelbagai Esei Soalan Jawapan Pendek	
B.	MGGG6243 (Obstetrik)	Klinikal I Kes Panjang Kes Pendek	40%
	MGGG6244 (Ginekologi)	Kes Panjang Kes Pendek	

C.	MGGG6255	Klinikal II	Penilaian Klinikal Objektif Berstruktur	20%
	MGGG6281	Viva Voce	Obstetrik	
	MGGG6282		Ginekologi	

**Jumlah 100%**

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya beliau ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat bagi komponen bertulis (Komponen A); dan
- (ii) 50% atau lebih daripada markah agregat bagi komponen klinikal (Komponen B).

(b) Peperiksaan Akhir

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat bagi komponen bertulis (Komponen A); dan
- (ii) 50% atau lebih daripada markah agregat bagi komponen klinikal (Komponen B); dan
- (iii) 50% atau lebih daripada markah agregat bagi komponen klinikal (Komponen C).

Calon diwajibkan lulus komponen bertulis (Komponen A) sebelum dibenarkan menduduki komponen klinikal.

Calon akan dimaklumkan keputusan komponen bertulis (Komponen A) sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum permulaan komponen klinikal.

(6) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan Peperiksaan Semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas tempoh enam bulan.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
- (iii) Calon yang telah gagal Peperiksaan Semula Bahagian I pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir

- (i) Calon yang telah lulus komponen bertulis (Komponen A) tetapi gagal di dalam komponen klinikal (Komponen B dan/ atau Komponen C), dibenarkan untuk menduduki DUA (2) kali lagi komponen klinikal tersebut tanpa menduduki komponen bertulis (Komponen A). Jika calon gagal pada kali ketiga komponen klinikal (Komponen B dan/ atau Komponen C) atau tidak hadir peperiksaan tanpa sebab yang



munasabah, maka calon dimestikan mengulangi keseluruhan Peperiksaan Akhir Sarjana Obstetrik dan Ginekologi (Komponen A, B dan C).

- (ii) Tiada had jumlah percubaan dalam Peperiksaan Akhir, selagi masih tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun dari tarikh mula mendaftarkan diri ke Universiti.
  - (iii) Selepas tempoh maksimum pengajian selesai, calon hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Obstetrik dan Ginekologi melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Obstetrik dan Ginekologi dengan Cemerlang jika ia-

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Obstetrik dan Ginekologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan klinikal lanjutan dalam Obstetrik dan Ginekologi bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
	Tahun 3		
	Tahun 2		
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan di dalam asas Klinikal Obstetrik dan Ginekologi bagi tempoh dua belas (12) bulan di mana mungkin melibatkan maksimum enam (6) bulan latihan elektif di dalam mana-mana disiplin yang bersesuaian</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Oftalmologi  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Oftalmologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I, dalam tahun pertama pengajian, mengandungi latihan dalam asas sains perubatan, asas sains okular, asas oftalmologi dan disiplin perubatan serta pembedahan yang berkaitan;
  - (b) Peringkat II, dalam tahun kedua dan ketiga pengajian, mengandungi latihan klinikal oftalmologi, penempatan di Unit Perubatan dan penyediaan laporan kajian kes, bilangan kes yang mana hendaklah sepertimana yang ditentukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa; dan
  - (c) Peringkat III, dalam tahun keempat mengandungi latihan klinikal lanjutan dalam oftalmologi dan projek penyelidikan.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyimpan buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugas yang dijalani.
- (3) Tiada calon boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.

- (4) Tiada calon boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat III program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian II.

## **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Semua calon hendaklah menjalani latihan minimum selama 4 tahun sebelum menamatkan pengajian.

## **6. Kehadiran**

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## **7. Penyeliaan**

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## **8. Tajuk Penyelidikan**

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## **9. Penyerahan**

Calon adalah dikehendaki menyerahkan –

- (1) laporan kajian kes tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir dan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
- (2) buku lognya satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## **10. Peperiksaan bagi Ijazah**

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah-
  - (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya:

- (i) telah lulus *the Part III Examination for the Membership of the Royal College of Ophthalmologists (London)*; atau
  - (ii) telah lulus *the Part III Examination of the Royal College of Surgeons of Edinburgh*; atau
  - (iii) memegang ijazah atau diploma yang setaraf dengannya yang diterima oleh Senat.
- (b) membentangkan protokol laporan penyelidikan yang diterima pakai oleh Jabatan 6 bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (c) menyerahkan draf pertama laporan kajian kes 3 bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah-
- (a) lulus Peperiksaan Bahagian II;
  - (b) menyerahkan laporan penyelidikan tidak lewat daripada enam bulan dan laporan kajian kes tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir;
  - (c) menyerahkan buku log yang telah disahkan memuaskan oleh Jabatan satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (4) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung tahun kedua Peringkat II program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

(a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	% Markah
<b>A. Bertulis</b>		
MHGM6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan	} 30
MHGM6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan	
MHGM6103 Kertas 3	Soalan Esei	
	Jumlah	<u>50</u>
<b>B. Praktikal</b>		
MHGM6122	Peperiksaan Viva	15
MHGM6126 OSPE	Peperiksaan Praktikal Objektif Berstruktur	<u>15</u>
	Jumlah	<u>30</u>
<b>C. Refraksi</b>		
MHGM6111	Refraksi Klinikal	10
MHGM6127 OSPE	Peperiksaan Praktikal Objektif Berstruktur (Optiks dan refraksi)	<u>10</u>
		<u>20</u>
<b>Jumlah Besar</b>		<b><u>100</u></b>

(b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>% Markah</b>
A.	Bertulis	
MHGM6236	Kertas 1 Soalan Pelbagai Pilihan	20
MHGM6237	Kertas 2 Soalan Esei	}
MHGM6238	Kertas 3 Soalan Esei	
	Jumlah	<u>40</u>
B.	Klinikal	
MHGM6243	Kes Panjang Oftalmologi	15
MHGM6244	Kes Pendek 1 Oftalmologi	15
MHGM6245	Kes Pendek 2 Perubatan Am berkaitan dengan Oftalmologi	10
	Jumlah	<u>40</u>
C.	Peperiksaan Viva	
MHGM6251	Viva 1 Oftalmologi	10
MHGM6252	Viva 2 Perubatan berkaitan dengan Oftalmologi	10
	Jumlah	<u>20</u>
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>100</b>

(c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut -

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	MHGM6371 Laporan Berdasarkan Kajian Kes, Kajian Kes bilangannya akan ditentukan oleh Jabatan	100
B.	MHGM6372 Laporan Penyelidikan	<u>100</u>
	Jumlah	<u>200</u>

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi –

(a) Peperiksaan Bahagian I

(i) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan

(ii) 45% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen kecil.

(b) Peperiksaan Bahagian II

(i) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan

(ii) calon dibenarkan markah pinggir (45.0 - 49.9%) untuk satu komponen kecil sahaja di bawah komponen yang sama.

- (iii) Bagi setiap komponen kecil markah peperiksaan tidak boleh kurang dari 45%
  - (iv) Peperiksaan teori (komponen A) akan diadakan 1 bulan sebelum peperiksaan klinikal dan peperiksaan viva (komponen B dan C). Hanya calon yang lulus peperiksaan teori (komponen A) akan dibenarkan menduduki peperiksaan klinikal (komponen B) dan viva (komponen C).
  - (v) Calon yang gagal komponen B dan/atau C tidak perlu menduduki Komponen A pada peperiksaan ulangan. Komponen B dan C mesti diulang bersama.
- (c) Peperiksaan Akhir
- 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.
- (7) Mengulang Peperiksaan
- (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuai dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (b) Peperiksaan Semula Bahagian II
    - (i) Calon yang telah gagal Komponen A (teori) Peperiksaan Bahagian II boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Calon yang lulus Komponen A tetapi gagal Komponen B (Klinikal) dan/atau C (Viva), dibenarkan menduduki peperiksaan semula sebanyak 2 kali dalam jangka masa 2 tahun, pada jarak waktu 6 bulan, tanpa perlu menduduki Komponen A.
    - (iii) Calon yang gagal Komponen B sahaja atau Komponen C sahaja perlu menduduki kedua-dua komponen pada peperiksaan semula.
    - (iv) Calon yang menduduki Komponen B & C selepas 2 tahun lulus Komponen A, perlu menduduki Komponen A semula.
    - (v) Calon yang gagal Komponen A pada kali ke 3 hendaklah dianggap telah gagal peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuai di atas alasan munasabah tertakluk kepada kelulusan Senat.
    - (vi) Calon yang lulus Komponen A pada percubaan ketiga dibenarkan menduduki Komponen B & C sebanyak tiga kali. Calon yang gagal Komponen B & C sebanyak tiga kali, tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuai di atas alasan munsabah tertakluk kepada kelulusan Senat.

- (vii) Calon mestilah lulus Peperiksaan Bahagian II sebelum/pada tahun ke enam pengajian bagi memberi ruang setahun pengajian sebelum Peperiksaan Akhir.
- (c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
  - (i) Calon yang mempunyai laporan penyelidikan atau laporan kajian kes yang dianggap tidak memuaskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa boleh dirujuk untuk kajian lanjut dalam laporan penyelidikannya atau laporan kajian kes bagi tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat bahawa tempoh sepertimana yang ditentukan itu tidak melebihi enam bulan pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditetapkan calon adalah dikehendaki untuk menyerahkan laporan penyelidikan atau laporan kajian kesnya untuk pemeriksaan semula. Calon yang gagal menyerahkan laporan penyelidikan atau laporan kajian kesnya pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal laporan penyelidikan atau laporan kajian kesnya.
  - (ii) Calon dibenarkan menyerahkan laporan penyelidikan atau laporan kajian kesnya sama ada secara berasingan atau bersamaan untuk pemeriksaan semula tidak lebih daripada dua kali.
  - (iii) Calon yang gagal laporan penyelidikan atau laporan kajian kes yang diambil secara berasingan atau bersamaan selepas peperiksaan semula kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Oftalmologi melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Oftalmologi dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan



- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Oftalmologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Oftalmologi Klinikal Lanjutan</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Oftalmologi Klinikal</li> <li>▪ Oftalmologi Klinikal</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sains Perubatan Asas</li> <li>▪ Sains Okular Asas</li> <li>▪ Oftalmologi Asas</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Onkologi Klinikal  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Onkologi Klinikal adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat di mana sekurang-kurangnya satu tahun dari tempoh tersebut hendaklah di dalam satu atau lebih disiplin berikut:

Perubatan Dalaman  
Kepakaran Surgeri  
Obstetrik dan Ginekologi  
Pediatrik

(2) Syarat lain

- (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
- (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

Program pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:

- (1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian mengandungi –
  - (a) pengajaran dalam sains onkologi asas, patologi kanser, fizik radioterapi dan statistik perubatan;
  - (b) latihan klinikal dengan penilaian berterusan dan buku log.
- (2) Peringkat II dalam tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian mengandungi –

- (a) latihan klinikal dengan penilaian berterusan untuk meliputi semua aspek rawatan kanser selain dari kaedah surgikal bagi pelbagai jenis kanser dengan penekanan terhadap radioterapi dan penggunaan sitotoksik;
- (b) penyelidikan; dan
- (c) catitan dalam buku log mengenai prosedur dan kemahiran klinikal yang dijalani.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya –

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada dua minggu sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon boleh diterima masuk ke Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I sekurang-kurangnya enam bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (3) Tiada calon boleh meneruskan ke Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -

- (a) lulus Peperiksaan Bahagian II;
- (b) menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada dua minggu sebelum Peperiksaan Akhir; dan
- (c) menyempurnakan dan menyerahkan laporan penyelidikan tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (4) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung dua puluh empat bulan Peringkat II program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tiga puluh enam bulan Peringkat II program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

No	Subjek Deskripsi	Komponen/Deskripsi/Pembahagian Markah (Maksimum)			
		MAGT6101 Soalan Jawapan Pendek	MAGT6102 Soalan Pelbagai Pilihan	MAGT6121 Peperiksaan Viva	JUMLAH MARKAH
1	MAGT6107 Fizik Radioterapi	100	100	100	300
2	MAGT6108 Statistik Perubatan	100	100	100	300
3	MAGT6109 Biologi Molekul	100	100	100	300
4	MAGT6110 Patologi	100	100	100	300
5	MAGT6111 Farmakologi	100	100	100	300
6	MAGT6112 Radiobiologi	100	100	100	300
				<b>Jumlah Besar</b>	<b>1800</b>

- (b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MAGT6236 Kertas 1 Soalan Pelbagai Pilihan	100
	MAGT6237 Kertas 2 Soalan Berbentuk Kes	100
	Jumlah	200
B.	MAGT6243 Kes Klinikal	-
C.	MAGT6250 Peperiksaan Viva	-
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>400</b>

- (c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Pembahagian Markah (Maksimum)
A. MAGT6371 Laporan Penyelidikan	100
B. MAGT6386 Buku Log Penilaian Berterusan	100
Jumlah	200

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi komponen dalam setiap Subjek dalam Peperiksaan tersebut dan tidak kurang daripada 45% markah bagi setiap komponen dalam subjek tersebut.

Calon yang tidak memenuhi syarat di atas bagi sesuatu subjek hendaklah dianggap telah gagal subjek berkenaan tetapi hendaklah dikredit dengan subjek atau subjek-subjek yang ia telah lulus dan hendaklah mengulang hanya subjek yang ia telah gagal.

(b) Peperiksaan Bahagian II

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

(c) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

(7) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi semua subjek yang gagal sebelum ini dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.

(iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Bahagian II

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian II boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas satu tahun pada tiap-tiap kali.

(ii) Peperiksaan Semula Bahagian II hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian II.

(iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir

- (i) Calon hendaklah diperiksa hanya dalam komponen yang ia telah gagal.
  - (ii) Calon yang telah gagal dalam laporan penyelidikan dan/atau komponen buku log penilaian berterusan boleh dirujuk untuk kajian lanjut dalam komponen yang ia telah gagal, bagi tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat tempoh seperti mana yang ditentukan itu tidak melebihi enam bulan pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditentukan calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan dan/atau dokumen berkaitan untuk pemeriksaan semula. Calon yang gagal menyerahkan laporan penyelidikan dan/atau dokumen yang berkaitan pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan tersebut.
  - (iii) Calon dibenarkan menyerahkan semula laporan penyelidikan dan/atau dokumen yang berkaitan untuk pemeriksaan semula tidak lebih daripada satu kali.
  - (iv) Calon yang gagal komponen atau komponen-komponen selepas penyerahan semula hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Penganugerahan Ijazah

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Onkologi Klinikal melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Bahagian II sekiranya ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan pada kali pertama menduduki peperiksaan;
- (b) tidak mengulang mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Onkologi Klinikal dengan Cemerlang jika ia telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I dan Peperiksaan Bahagian II.

**Ijazah Sarjana Onkologi Klinikal  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Klinikal seperti pada tahun kedua dan ketiga dan ditambah dengan projek penyelidikan</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan klinikal dengan penilaian berterusan untuk meliputi semua aspek rawatan kanser selain dari kaedah surgikal, bagi pelbagai jenis kanser dengan penekanan terhadap radioterapi dan penggunaan sitotoksik.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengajaran dalam sains onkologi asas, patologi kanser, fizik radioterapi dan statistik perubatan dan latihan klinikal dengan penilaian berterusan;</li> <li>▪ Dokumentasi dalam buku log berkenaan prosedur dan kemahiran klinikal yang dijalankan akan dilaksanakan sepanjang keseluruhan program ini</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Otorinolaringologi – Surgeri Kepala & Leher  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Otorinolaringologi – Surgeri Kepala & Leher adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat. (Keutamaan diberi kepada calon yang telah mengikuti latihan enam (6) bulan dalam Surgeri Am sebagai Pegawai Perubatan selepas latihan Pegawai Perubatan Siswazah di mana-mana hospital kerajaan).
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Program pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I mengandungi –
    - (i) lapan belas (18) bulan pengajian (bagi calon bukan warganegara dan warganegara Malaysia yang belum mengikuti latihan enam bulan (6) dalam Surgeri Am seperti yang disyaratkan dalam syarat kemasukan); atau
    - (ii) dua belas (12) bulan pengajian (bagi calon warganegara Malaysia yang telah mengikut latihan enam bulan (6) dalam Surgeri Am seperti yang disyaratkan dalam syarat kemasukan) dalam Otorinolaringologi Asas termasuk –
      - (A) enam (6) bulan dalam Sains Perubatan Asas dan Gunaan dan Prinsip Surgeri;



- (B) enam (6) bulan dalam Surgeri Am (bagi calon bukan warganegara dan warganegara Malaysia yang belum mengikuti latihan enam bulan (6) dalam Surgeri Am seperti yang disyaratkan dalam syarat kemasukan); dan
  - (C) penyimpanan buku log prosedur surgikal calon.
- (b) Peringkat II mengandungi –
- (i) tiga puluh (30) bulan pengajian (bagi calon bukan warganegara dan warganegara Malaysia yang belum mengikuti latihan enam (6) bulan dalam Surgeri Am seperti yang disyaratkan dalam syarat kemasukan); atau
  - (ii) tiga puluh enam (36) bulan pengajian (bagi calon warganegara Malaysia yang telah mengikuti latihan enam bulan (6) dalam Surgeri Am seperti yang disyaratkan dalam syarat kemasukan) dalam Otorinolaringologi Lanjutan termasuk penempatan giliran dalam Pembedahan Mulut dan Maksilofasial, Neurosurgeri dan Surgeri Plastik dan Rekonstruktif serta projek penyelidikan dalam bidang Otorinolaringologi.
- (2) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya –

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan dan buku lognya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
- (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah –
- (a) menyerahkan laporan penyelidikan dan buku lognya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
  - (b) lulus peperiksaan Bahagian I. Calon yang telah lulus peperiksaan Bahagian I yang telah didudukinya bagi kali yang ketiga adalah dikehendaki menjalani tempoh pengajian minimum selama 3 tahun dahulu sebelum calon tersebut boleh mengambil peperiksaan akhir buat pertama kalinya; atau
  - (c) dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.

Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus -

- (A) Final Examination for the Membership mana-mana satu daripada Royal Colleges yang berikut:-

The Royal College of Surgeons of Edinburgh  
The Royal College of Surgeons of England  
The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow  
The Royal College of Surgeons in Ireland  
atau

- (B) Sections B and C or Part II Examination for the Fellowship mana-mana satu daripada Royal Colleges yang berikut:

The Royal College of Surgeons of Edinburgh  
The Royal College of Surgeons of England  
The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow  
The Royal College of Surgeons in Ireland  
atau

- (C) Part I Examination of the Royal Australasian College of Surgeons.

- (3) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung enam bulan yang pertama Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat II program pengajian.
- (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MIGL6101 Kertas 1	Esei 300
	MIGL6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan 200
	MIGL6103 Kertas 3	Soalan Pelbagai Pilihan <u>200</u>
		Jumlah 700

B.	MIGL6121	Peperiksaan Viva	
	MIGL6122	Anatomi	100
	MIGL6123	Fisiologi dan Prinsip Surgeri	100
	MIGL6124	Patologi (termasuk Mikrobiologi Perubatan)	100
			<u>300</u>
		<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>1000</u></b>

Calon yang memperolehi markah kurang daripada 50% dalam komponen teori bagi peperiksaan Bahagian I tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan vica-voce.

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MIGL6236 Kertas 1 Esei dan Soalan Jenis Jawapan Pendek	100
	MIGL6237 Kertas 2 Soalan Pelbagai Pilihan	<u>100</u>
		Jumlah 200
B.	MIGL6243 Klinikal	
	MIGL6244 Kes Panjang	100
C.	MIGL6245 Kes Pendek	100
	MIGL6246 Otologi	
	MIGL6247 Rinologi	
	MIGL6248 Laringologi	
	MIGL6249 Surgeri Kepala & Leher	
D.	MIGL6250 Peperiksaan Viva	
	MIGL6251 Otologi termasuk Audiologi dan Otoneurologi	100
	MIGL6252 Rinolaringologi dan Pembedahan Kepala dan Leher	<u>100</u>
		Jumlah <u>200</u>
		<b>Jumlah Besar <u>600</u></b>

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi –

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam peperiksaan tersebut; dan
- (ii) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan tersebut; dan
- (iii) markah minimum 45% dalam setiap viva; dan
- (iv) markah 50% atau lebih dalam sekurang-kurangnya dua viva.

(b) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

- dan;
  - (ii) Tidak memperoleh markah kurang daripada 50% dalam tiga kes pendek
  - dan;
  - (iii) Tidak memperoleh markah kurang daripada 40% dalam satu kes pendek
- (6) Mengulang Peperiksaan
- (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I. Walau bagaimanapun, calon yang pernah lulus komponen bertulis tidak perlu menduduki semula komponen ini semasa Peperiksaan Semula Bahagian I.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula selepas enam bulan secara berasingan selagi tidak melepasi tujuh (7) tahun akademik.
    - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula melebihi tujuh (7) tahun akademik hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Otorinolaringologi – Bedah Kepala & Leher melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia –

- (a) telah memperoleh 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;

- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

(2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Otorinolaringologi – Surgeri Kepala & Leher dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Otorinolaringologi – Surgeri Kepala & Leher  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan 30 bulan dalam Otorinolaringologi Lanjutan termasuk penempatan giliran dalam Pembedahan Mulut dan Maksilofasial, Neurosurgeri dan Surgeri Plastik dan Rekonstruktif serta Projek Penyelidikan dalam bidang Otorinolaringologi</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Otorinolaringologi Asas (18 bulan) termasuk:               <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sains Perubatan Asas dan Gunaan dan Prinsip-prinsip Surgeri (6 bulan)</li> <li>(ii) Surgeri Am (6 bulan)</li> </ul> </li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I (6 bulan selepas pendaftaran permulaan program)  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Patologi (Patologi Anatomi/Hematologi/Patologi Kimia/Mikrobiologi Perubatan/Patologi Forensik)  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Patologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

Selepas penyempurnaan program pengajian yang berkaitan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual ini, calon adalah layak untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Patologi dalam Pengkhususan yang dipilih oleh calon, mengikut mana yang berkenaan.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Program Pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I merangkumi:
    - (i) latihan klinikal dalam tahun pertama pengajian secara penempatan giliran dalam setiap empat disiplin Patologi seperti berikut:
      - (A) Patologi Anatomi termasuk Autopsi;
      - (B) Hematologi termasuk Perubatan Transfusi;
      - (C) Patologi Kimia termasuk Imunologi; dan
      - (D) Mikrobiologi Perubatan (Bakteriologi, Mikologi, Imunologi, Virologi) dengan Parasitologi;

- (ii) tugas seperti yang ditetapkan dalam buku log termasuk laporan penempatan.
- (b) Peringkat II merangkumi tiga tahun pengajian yang mengandungi:
  - (i) latihan lanjutan dalam satu daripada disiplin Patologi seperti berikut:
    - (A) Patologi Anatomi
    - (B) Hematologi
    - (C) Patologi Kimia
    - (D) Mikrobiologi Perubatan
    - (E) Patologi Forensik
  - dan
  - (ii) projek penyelidikan
- (2) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian sehingga ia telah lulus atau telah dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik;
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia mempunyai -
  - (a) ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dari Universiti atau kelayakan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat.
  - (b) lulus *Part I Examination for the Membership of the Royal College of Pathologists, United Kingdom*; atau
  - (c) lulus *Part I Examination for the Fellowship of the Royal College of Pathologists of Australasia*.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya:

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan di Fakulti yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan laporan penempatannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyempurnakan dengan memuaskan semua penempatan yang ditetapkan bagi tahun pertama program pengajian, menyempurnakan semua tugas yang dikehendaki sepertimana yang ditentukan dalam buku log dan telah menyerahkan buku log dan laporan penempatan kepada Jabatan Patologi tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
  - (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia mempunyai satu daripada kelayakan berikut:
    - (i) Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal daripada Universiti atau kelayakan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat;
    - (ii) *Part I Examination for the Membership of the Royal College of Pathologists, United Kingdom*; atau
    - (iii) *Part I Examination for the Fellowship of the Royal College of Pathologists of Australasia*.
  - (b) menyerahkan Laporan Penyelidikannya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (4) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun akhir Peringkat II program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Peperiksaan Bahagian I  
  
Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A. Bertulis	Soalan Pelbagai Pilihan &	
MKGA6104 Kertas 1		



		Esei	150
MKGA6105	Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan & Esei	<u>150</u>
		Jumlah	300

B.	MKGA6111	Praktikal	
	MKGA6112	Kertas 1	Peperiksaan Objektif Berstrukturu 150
	MKGA6113	Kertas 2	Peperiksaan Objektif Berstruktur <u>150</u>
		Jumlah	<u>300</u>
		<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>600</u></b>

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MKGA6238 Kertas 1	Esei atau Soalan Jawapan Pendek 225
	MKGA6237 Kertas 2	Esei atau Soalan Jawapan Pendek 225
		Jumlah <u>450</u>
B.	MKGA6243 Praktikal	Soalan Objektif Berstruktur, Praktikal Khusus Berkenaan dan Lain-lain 450
C.	MKGA6250 Peperiksaan Viva	<u>100</u>
		<b>Jumlah Besar <u>1000</u></b>

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi komponen bertulis dan praktikal dalam Peperiksaan tersebut;
- (ii) sekurang-kurangnya 50% markah bagi komponen bertulis dan tidak kurang daripada 40% markah bagi komponen bertulis untuk setiap disiplin Patologi; dan
- (iii) sekurang-kurangnya 50% markah bagi komponen praktikal dan tidak kurang daripada 40% markah bagi komponen praktikal untuk setiap disiplin Patologi.

(b) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut dan tidak kurang daripada 50% markah bagi komponen bertulis dan praktikal dalam Peperiksaan tersebut.

(7) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan hanya satu peperiksaan semula selepas tempoh satu tahun.
  - (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama sepertimana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula selepas tempoh satu tahun.
  - (iv) Peperiksaan Semula Peperiksaan akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai serta digred mengikut cara yang sama sepertimana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
  - (iii) Calon yang telah gagal Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir pada kali kedua tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (iv) Walau apapun yang dinyatakan dalam peraturan 10(7)(b) di atas, calon yang telah gagal sama ada komponen bertulis atau praktikal bagi Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak empat kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali. Dalam keadaan itu, peperiksaan semula hendaklah mengandungi komponen bertulis atau praktikal yang ia gagal dalam Peperiksaan utama atau peperiksaan semula yang pertama dan peperiksaan viva. Peperiksaan hendaklah dalam disiplin Patologi yang dipilih pada permulaannya oleh calon bagi Peperiksaan utama.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Penganugerahan Ijazah

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Patologi (Patologi Anatomik/Hematologi/Patologi Kimia/Mikrobiologi Perubatan/Patologi Forensik) dengan pengkhususan berikut, melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I dan Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan;  
Dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

(2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Patologi (Patologi Anatomik/Hematologi/Patologi Kimia/Mikrobiologi Perubatan/Patologi Forensik) dengan Pengkhususan dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Patologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	<p>Tahun 4</p> <p>Tahun 3</p> <p>Tahun 2</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengkhususan dalam mana-mana satu disiplin Patologi seperti Patologi Anatomik, Hematologi, Patologi Kimia, Mikrobiologi Perubatan, Patologi Forensik, Imunologi; dan</li> <li>Projek Penyelidikan dalam bidang berkenaan</li> </ul>	Peperiksaan Akhir		
<b>P E R I N G K A T  I</b>	<p>Tahun 1</p>	<p style="text-align: center;">Program intensif (3 minggu)</p> <hr style="border: 0.5px solid black;"/> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="border: none; width: 50%;">                     Penempatan bergilir-gilir selama 10 minggu tiap-tiap satunya                 </td> <td style="border: none; width: 50%;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Patologi Anatomik</li> <li>Hematologi</li> <li>Patologi Kimia</li> <li>Mikrobiologi Perubatan</li> <li>Parasitologi</li> </ul> </td> </tr> </table>	Penempatan bergilir-gilir selama 10 minggu tiap-tiap satunya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Patologi Anatomik</li> <li>Hematologi</li> <li>Patologi Kimia</li> <li>Mikrobiologi Perubatan</li> <li>Parasitologi</li> </ul>	<p>Peperiksaan Bahagian I</p> <p>Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)</p>
Penempatan bergilir-gilir selama 10 minggu tiap-tiap satunya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Patologi Anatomik</li> <li>Hematologi</li> <li>Patologi Kimia</li> <li>Mikrobiologi Perubatan</li> <li>Parasitologi</li> </ul>				

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Pediatrik  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Pediatrik adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.

(2) Syarat lain

- (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
- (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti atau telah lulus *Part I (a & b) Examination for the Membership of the Royal College of Paediatrics and Child Health, the Royal College of Physicians of the United Kingdom, the Royal College of Physicians of Ireland* atau yang setaraf dengannya.
- (c) Kelulusan dalam Penilaian Kemasukan sah selama dua tahun untuk mendaftar ke program ini.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun kecuali dalam keadaan khas.

### 4. Struktur Program

(1) Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:

- (a) Peringkat I mengandungi latihan klinikal asas dalam Sains Perubatan Asas dan Pediatrik Am & Kecemasan dalam tahun pertama pengajian;
- (b) Peringkat II dalam tahun kedua dan ketiga pengajian mengandungi
  - (i) latihan lanjutan dalam bidang Pediatrik; dan
  - (ii) Projek Penyelidikan;

dan

- (c) Peringkat III mengandungi latihan lanjutan tambahan dalam bidang Pediatrik dan menyempurnakan projek penyelidikan.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyimpan buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugas yang dijalankan.
- (3) Tiada calon boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.
- (4) Tiada calon boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat III program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian II.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk tahun kedua Peringkat II program pengajian sekiranya ia telah lulus *Part II (theory a & b) Examination for the Membership of*
  - (a) *the Royal College of Paediatrics and Child Health;*
  - (b) *the Royal College of Physicians of the United Kingdom;*
  - (c) *the Royal College of Physicians of Ireland;* atau
  - (d) kelayakan yang setaraf dengannya seperti mana yang disenaraikan di atas dalam (a), (b) atau (c) yang diluluskan oleh Senat.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku lognya bagi tempoh pengajian berkenaan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I dan Bahagian II serta Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Akhir.
  
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah -
  - (a) menyempurnakan dengan memuaskan Peringkat I program pengajian;
  - (b) memperolehi pengesahan secara bertulis daripada Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajiannya untuk mengesahkan bahawa ia telah menyempurnakan dengan memuaskan latihan yang ditetapkan di bawah penyeliaan; dan
  - (c) menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
  - (d) menyempurnakan setahun pengajian (untuk percubaan pertama) tetapi tidak lewat daripada dua tahun selepas pendaftaran permulaan.
  
- (3) Peperiksaan Bahagian II
  - (a) Calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II telah -
    - (i) menyempurnakan dengan memuaskan Peringkat II program pengajian; dan
    - (ii) memperolehi pengesahan secara bertulis daripada Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajiannya untuk mengesahkan bahawa ia telah menyempurnakan dengan memuaskan latihan yang ditetapkan di bawah penyeliaan; dan
    - (iii) menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
  - (b) Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus *Part II (theory a & b) Examination for the Membership of –*
    - (i) *the Royal College of Paediatrics and Child Health;*
    - (ii) *the Royal College of Physicians of the United Kingdom;*
    - (iii) *the Royal College of Physicians of Ireland;* atau
    - (iv) kelayakan yang setaraf dengannya sepertimana yang disenaraikan di atas dalam (i), (ii) atau (iii) yang diluluskan oleh Senat.
  - (c) Peperiksaan Bahagian II boleh diambil kali pertama enam minggu selepas lulus peperiksaan Bahagian I tetapi tidak lewat tiga tahun selepas memasuki program.
  
- (4) Tiada calon dibenarkan meneruskan ke Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
  - (a) menyempurnakan dengan memuaskan Peringkat III program pengajian;
  - (b) memperolehi pengesahan secara bertulis daripada Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajiannya untuk mengesahkan bahawa ia telah menyempurnakan dengan memuaskan latihan yang ditetapkan di bawah penyeliaan;

- (c) menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
  - (d) menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir dan
  - (e) lulus Peperiksaan Bahagian II.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

(a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
Bertulis		
MLGH6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan	150
MLGH6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Esei	200
	Data Interpretasi	100
	Slaid	50
	Jumlah	500

(b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II adalah seperti berikut:

- 1 Kes Panjang
- 1 Kes Panjang diperhati
- 5 Kes Pendek
- 1 Stesen Komunikasi
- 1 Stesen Kes Kecemasan

(c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut -

MLGH6371	Laporan Penyelidikan	100
----------	----------------------	-----

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi –

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan Bahagian I.

(b) Peperiksaan Bahagian II

- (i) markah keseluruhan  $\geq 90$ ; dan
- (ii) lulus satu kes panjang atau satu kes panjang diperhati.

Pembahagian Markah

Lulus Cemerlang	- 12
Lulus	- 10
Gagal Pinggiran	- 8
Gagal	- 4

- (c) Peperiksaan Akhir
  - 50% atau lebih markah bagi laporan penyelidikan.
- (7) Mengulang Peperiksaan
  - (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
    - (i) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
    - (ii) Bilangan cubaan kepada calon untuk menduduki peperiksaan tidak dihadkan tetapi calon mesti lulus Peperiksaan Bahagian I dalam tempoh tiga tahun selepas mendaftar program.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan Bahagian I dalam tempoh 3 tahun pengajian dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan meneruskan pengajian kecuali dalam keadaan khas di atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (b) Peperiksaan Semula Bahagian II
    - (i) Calon yang telah gagal peperiksaan Bahagian II dibenarkan mengambil peperiksaan semula selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Calon dikehendaki mengulangi semula peperiksaan Bahagian II (1 Kes Panjang Biasa, 1 Kes Panjang yang diperhati, 5 Kes Pendek, 1 Stesen Komunikasi dan 1 Stesen Kes Kecemasan).
    - (iii) Bilangan cubaan kepada calon untuk menduduki peperiksaan Bahagian II tidak dihadkan tetapi jangkamasa jumlah program mestilah tidak melebihi tahun termasuk pengajian Tahun Akhir untuk Projek Penyelidikan.
    - (iv) Calon dikehendaki lulus Peperiksaan Bahagian II dalam tempoh dua tahun selepas lulus Bahagian I. Sekiranya calon gagal Bahagian II melebihi dua tahun selepas lulus Bahagian I, calon dikehendaki mengulang semula Bahagian I, tetapi jangkamasa jumlah program mestilah tidak melebihi tujuh tahun.
  - (c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
    - (i) Calon yang mempunyai laporan penyelidikan yang dianggap tidak memuaskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa boleh dirujuk untuk kajian lanjut dalam laporan penyelidikannya bagi tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat bahawa tempoh sepertimana yang ditentukan itu tidak melebihi enam bulan pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditetapkan calon adalah dikehendaki untuk menyerahkan laporan penyelidikannya untuk pemeriksaan semula. Calon yang gagal menyerahkan laporan penyelidikannya pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal laporan penyelidikan.
    - (ii) Calon dibenarkan menyerahkan laporan penyelidikannya untuk pemeriksaan semula tidak lebih daripada dua kali.



- (iii) Calon yang gagal laporan penyelidikan selepas pemeriksaan semula kali yang kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Pediatrik melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan dan Penilaian Akhir.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Pediatrik dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Pediatrik  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Lanjutan tambahan dalam Bidang Pediatrik dan menyempurnakan projek penyelidikan</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Lanjutan dalam bidang Pediatrik dan penyediaan Projek Penyelidikan</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Klinikal Asas dalam Sains Perubatan Asas dan Pediatrik Am &amp; Kecemasan.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Pembedahan Kanak-Kanak  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Pembedahan Kanak-Kanak adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diselia dalam surgeri (termasuk subspecialiti) yang diluluskan oleh Senat.

(2) Syarat lain

- (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
- (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. **Struktur Program**

Program pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:

- (1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian yang mengandungi Sains Asas Gunaan dan Prinsip Am Surgeri dan/atau subspecialiti dalam Surgeri.
- (2) Peringkat II dalam tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian yang mengandungi:
  - (a) Enam (6) bulan dalam Pediatrik Perubatan dengan penempatan giliran di Neonatologi, Rawatan Rapi Pediatrik dan Onkologi Pediatrik. Bahagian ini mesti disempurnakan di dalam tahun kedua program pengajian.
  - (b) 2½ tahun berikutnya (30 bulan): Latihan di dalam Sains Asas Gunaan yang berkaitan dengan Pembedahan Kanak-Kanak, termasuk Embriologi, Prinsip dan Amalan Pembedahan Kanak-Kanak dan Masalah Klinikal dalam Pembedahan Kanak-Kanak dengan giliran di Universiti Malaya atau mana-mana Unit Pediatrik Surgeri yang diakreditasi. Tempoh enam (6) bulan terakhir pengajian mesti disempurnakan di Universiti.

- (c) Laporan projek penyelidikan atau buku kes:
- Pada permulaan Peringkat II calon diwajibkan sama ada
- (i) menjalankan projek penyelidikan dan menghantar laporan penyelidikan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir; atau
  - (ii) menyerahkan buku kes yang mengandungi 12 kes menarik secara mendalam dengan ulasan kajian yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia mempunyai -
  - (a) Ijazah Sarjana Surgeri atau mana-mana satu *Fellowship of Royal Colleges of Surgeons* atau kelayakan yang setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; atau
  - (b) tiga (3) tahun latihan yang diselia sebagai Pegawai Perubatan dalam Surgeri, buku log yang diperakui oleh perunding dan telah lulus Peperiksaan Bahagian I Ijazah Sarjana Surgeri atau FRCS atau MRCS Part II.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya –

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada jumlah tempoh latihan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan laporan penempatannya pada setiap enam bulan untuk penilaian oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
- (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus:
- (a) *Section A or Primary Fellowship* mana-mana satu *Royal Colleges* yang berikut:
    - (i) *The Royal College of Surgeons of Edinburgh*
    - (ii) *The Royal College of Surgeons of England*
    - (iii) *The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow*
    - (iv) *The Royal College of Surgeons in Ireland*
    - (v) *The Royal Australasian College of Surgeons*atau
  - (b) *Final Examination for the Membership* mana-mana satu *Royal Colleges* yang berikut:
    - (i) *The Royal College of Surgeons of Edinburgh*
    - (ii) *The Royal College of Surgeons of England*
    - (iii) *The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow*
    - (iv) *The Royal College of Surgeons in Ireland*
    - (v) *The Royal Australasian College of Surgeons*
    - (vi) Ijazah Sarjana Surgeri (Universiti Malaya) atau kelulusan setaraf yang diiktiraf oleh Senatatau
  - (c) *Section B and C of Primary Fellowship* mana-mana satu *Royal Colleges* yang berikut:
    - (i) *The Royal College of Surgeons of Edinburgh*
    - (ii) *The Royal College of Surgeons of England*
    - (iii) *The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow*
    - (iv) *The Royal College of Surgeons in Ireland*
- (3) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat II program pengajian.
- (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MSGU6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan
	MSGU6102 Kertas 2	Soalan Jenis Jawapan Pendek
		Jumlah
		<u>150</u>
		<u>300</u>
B.	MSGU6121 Peperiksaan Anatomi Gunaan	100

	Viva	Fisiologi Gunaan & Prinsip-prinsip Surgeri	100
		Patologi Gunaan (termasuk Mikrobiologi)	<u>100</u>
		Jumlah	<u>300</u>
C.	Penilaian Berterusan		<u>400</u>
		<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>1000</u></b>

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MSGU6236 Kertas 1	Soalan Jawapan Pendek & Esei (Sains Asas Gunaan dalam Pediatrik Surgeri)
		100
	MSGU6237 Kertas 2	Soalan Jawapan Pendek & Esei (Prinsip Amalan dalam Pediatrik Surgeri)
		100
	MSGU6238 Kertas 3	Soalan Jawapan Pendek & Esei (Masalah Klinikal dalam Pediatrik Surgeri)
		<u>100</u>
		Jumlah
		<u>300</u>
B.	MSGU6243 Klinikal	Kes Panjang
	MSGU6244	Kes Pendek
	MSGU6245	Rondaan Wad
		150
		150
		<u>250</u>
		Jumlah
		550
C.	MSGU6250 Peperiksaan Viva	150
D.	Penilaian Berterusan	<u>500</u>
		<b>Jumlah Besar</b>
		<b><u>1500</u></b>

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
- (ii) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan tersebut.

(b) Peperiksaan Akhir

- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
- (ii) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan tersebut.
- (iii) Tahap yang memuaskan dalam laporan penyelidikan atau laporan kes.

- (6) Mengulang Peperiksaan
- (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam (6) bulan pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti dan dengan kelulusan Senat.
- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti dan dengan kelulusan Senat.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Pembedahan Kanak-Kanak melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia –

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Pembedahan Kanak-Kanak dengan Cemerlang jika ia –

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan

- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Pembedahan Kanak-Kanak  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3 & 4 (24 bulan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sains Asas Gunaan yang berkaitan dengan Pediatrik Surgeri termasuk Embriologi, Prinsip dan Amalan Pembedahan Kanak-Kanak, Masalah Klinikal dalam Pembedahan Kanak-Kanak dengan penempatan giliran di Universiti atau mana-mana Unit Pediatrik Surgeri yang diakreditasi. Tempoh 6 bulan terakhir pengajian mesti dijalankan di Universiti.</li> <li>▪ Menjalankan projek penyelidikan/menyimpan buku kes. Menyerahkan laporan enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
	Tahun 2 (6 bulan)		
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 2 (6 bulan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 6 bulan di Pediatrik Perubatan dengan penempatan giliran di Neonatologi, Rawatan Rapi Pediatrik dan Onkologi Pediatrik. Bahagian ini mesti disempurnakan di dalam tahun kedua program pengajian.</li> <li>▪ Memulakan projek penyelidikan atau buku kes.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I (12 bulan selepas pendaftaran)
	Tahun 1		
			(Penilaian Kemasukan) Pendaftaran



**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Dalamam  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Perubatan Dalamam adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian mengandungi -
    - (i) kajian sains asas yang berkaitan dengan amalan dalam perubatan dalaman; dan
    - (ii) kerja klinikal di wad di bawah penyeliaan dengan penekanan kepada perubatan kecemasan.
  - (b) Peringkat II dalam tahun kedua dan ketiga mengandungi –
    - (i) penempatan giliran bagi tempoh tiga bulan dalam setiap lapan disiplin perubatan klinikal seperti berikut:  
Kardiologi  
Nefrologi  
Neurologi  
Perubatan Respiratori  
Gastroenterologi dan Hepatologi

Hematologi dan Onkologi  
Endokrinologi  
Rheumatologi dan Penyakit Berjangkit serta Dermatologi

dan

- (ii) projek penyelidikan
  - (c) Peringkat III dalam tahun keempat mengandungi latihan dalam satu bidang pengkhususan kecil atau dalam Perubatan Am di Fakulti atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (2) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I.
  - (3) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat III program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian II.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan empat (4) laporan kes sebulan sebelum menduduki Peperiksaan Bahagian II.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyempurnakan, menyerahkan dan menjalani dengan memuaskan dalam penilaian berterusan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah –
  - (a) Lulus Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) menjalani dengan memuaskan Peringkat II program pengajian yang mengandungi penilaian oleh penyelia dan memperolehi gred yang memuaskan bagi empat (4) laporan kes mengikut format yang boleh diterbitkan. Penyerahan kesemua empat (4) laporan kes hendaklah dilakukan sebelum menduduki Peperiksaan Bahagian II.
- (4) Tiada calon dibenarkan mengambil Peperiksaan Akhir kecuali ia telah menyerahkan Laporan Penyelidikannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (5) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung tahun ketiga program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.
- (6) Peperiksaan teori akan dijalankan pada 6 minggu sebelum peperiksaan klinikal. Peperiksaan Teori kebiasaannya akan dijalankan pada Mac/ April dan September/Oktober. Peperiksaan Klinikal akan di adakan selepas Peperiksaan Teori iaitu pada Mei/Jun dan November/Disember.
- (7) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

(a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MPGF6104 Kertas 1	Jawapan Paling Tepat 35%
	MPGF6105 Kertas 2	Soalan Penyelesaian Masalah 25%
		Jumlah <u>60%</u>
B.	MPGF6111	Peperiksaan Klinikal
		Objektif Berstruktur 40%
		Jumlah <u>40%</u>
		<b>Jumlah Besar <u>100%</u></b>

(b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MPGF6239 Kertas 1 Jawapan Paling Tepat	20%
	MPGF6240 Kertas 2 Soalan Pelbagai Esei	10%
	MPGF6238 Kertas 3 Peperiksaan Praktikal Objektif Berstruktur	<u>10%</u>
	Jumlah	<u>40%</u>
B.	MPGF6243 Klinikal	
	MPGF6244 Klinikal 1 Kes Panjang	25%
	MPGF6245 Klinikal 2 Kes Pendek	25%
	MPGF6250 Peperiksaan Viva	<u>10%</u>
	Jumlah	<u>60%</u>
	<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>100%</u></b>

(c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut –

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	MPGF6371 Laporan Penyelidikan	- 100
B.	MPGF6381 Peperiksaan Viva	- <u>100</u>
	Jumlah	<u>200</u>

(8) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi –

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.
- (ii) Mesti Lulus sekurang-kurangnya 2 Kes OSCE dari Komponen B (MPGF6111).

Peperiksaan teori akan diadakan 6 minggu sebelum peperiksaan klinikal. Hanya pelajar yang telah lulus peperiksaan teori, iaitu Komponen A, akan dibenarkan untuk mengambil peperiksaan klinikal, iaitu Komponen B. Pelajar yang gagal dalam peperiksaan klinikal tidak perlu menduduki semula peperiksaan teori sebelum mengambil peperiksaan klinikal di masa depan.

(b) Peperiksaan Bahagian II

- (i) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
- (ii) Mesti Lulus sekurang-kurangnya 2 kes pendek dari Komponen B (MPGF6245); dan
- (iii) 2 atau lebih kes pendek markah tidak boleh kurang daripada 4/10; dan
- (iv) Memperolehi sekurang-kurangnya 45% dalam kes panjang (MPGF6244)

Peperiksaan teori akan diadakan 6 minggu sebelum peperiksaan klinikal. Hanya calon yang telah lulus peperiksaan teori, iaitu

Komponen A, akan dibenarkan untuk mengambil peperiksaan klinikal, iaitu Komponen B. Calon yang gagal dalam peperiksaan klinikal tidak perlu menduduki semula peperiksaan teori sebelum mengambil peperiksaan klinikal di masa depan.

(c) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah dalam Peperiksaan Akhir.

(9) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I Komponen A (bertulis) boleh dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula Komponen A (bertulis) sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(ii) Calon yang lulus Peperiksaan Bahagian I Komponen A (bertulis) tetapi gagal Komponen B (klinikal dan viva) adalah dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula untuk Komponen B (klinikal dan viva) sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali dalam tempoh dua tahun selepas lulus peperiksaan Komponen A (bertulis) tanpa perlu mengambil peperiksaan Komponen A (bertulis) sekali lagi.

(iii) Calon yang lulus Peperiksaan Bahagian I Komponen A (bertulis) tetapi menduduki Peperiksaan Semula Bahagian I Komponen B (klinikal dan viva) selepas dua tahun, dikehendaki menduduki semula Peperiksaan Bahagian I Komponen A (bertulis).

(iv) Calon yang gagal Peperiksaan Semula Bahagian I dalam Komponen A (bertulis) sebanyak tiga kali adalah dianggap gagal Peperiksaan Bahagian I keseluruhannya dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(v) Calon yang lulus peperiksaan semula dalam Bahagian I Komponen A (bertulis) pada percubaan kali ke tiga adalah dibenarkan mengambil Peperiksaan Bahagian I Komponen B (klinikal dan viva) dengan percubaan sebanyak tiga kali. Sekiranya calon gagal dalam Peperiksaan Bahagian I Komponen B (klinikal dan viva) pada percubaan kali ketiga adalah dianggap gagal Peperiksaan Bahagian I keseluruhannya dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Bahagian II

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian II Komponen A (bertulis) boleh dibenarkan menduduki peperiksaan Komponen A (bertulis) semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(ii) Calon yang lulus Peperiksaan Bahagian II Komponen A (bertulis) tetapi gagal Komponen B (klinikal dan viva) adalah dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula untuk Komponen B (klinikal dan viva) sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali dalam tempoh dua tahun selepas lulus peperiksaan Komponen A (bertulis) tanpa perlu mengambil peperiksaan Komponen A (bertulis) sekali lagi.

- (iii) Calon yang lulus Peperiksaan Bahagian II Komponen A (bertulis) tetapi menduduki Peperiksaan Semula Bahagian II Komponen B (klinikal dan viva) selepas dua tahun, dikehendaki menduduki semula Peperiksaan Komponen A Bahagian II (bertulis).
  - (iv) Calon yang gagal Peperiksaan Semula Bahagian II dalam Komponen A (bertulis) sebanyak tiga kali adalah dianggap gagal Peperiksaan Bahagian II keseluruhannya dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (v) Calon yang lulus peperiksaan semula dalam Bahagian II Komponen A (bertulis) pada percubaan kali ke tiga adalah dibenarkan mengambil Peperiksaan Bahagian II Komponen B (klinikal dan viva) dengan percubaan sebanyak tiga kali. Sekiranya calon gagal dalam Peperiksaan Bahagian II Komponen B (klinikal dan viva) pada percubaan kali ke tiga adalah dianggap gagal Peperiksaan Bahagian II keseluruhannya dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
- (i) Calon yang mempunyai laporan penyelidikan yang dianggap tidak memuaskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa boleh dirujuk untuk kajian lanjut bagi tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat bahawa tempoh sepertimana yang ditentukan itu tidak melebihi enam bulan pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditetapkan calon adalah dikehendaki untuk menyerahkan laporan penyelidikannya untuk pemeriksaan semula. Calon yang gagal menyerahkan laporan penyelidikannya pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal laporan penyelidikan.
  - (ii) Calon dibenarkan menyerahkan laporan penyelidikan untuk pemeriksaan semula tidak lebih daripada dua kali.
  - (iii) Calon yang gagal laporan penyelidikan selepas penyerahan semula kali yang kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Perubatan Dalam melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) telah memperolehi tidak kurang daripada 70% markah dalam peperiksaan klinikal masing-masing bagi Peperiksaan Bahagian I dan Peperiksaan Bahagian II;

- (c) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (d) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.
- (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang
- Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Perubatan Dalam dengan Cemerlang jika ia-
- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubahan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Perubatan Dalam  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  III</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Pengkhususan dalam salah satu bidang pengkhususan kecil dengan sekurang-kurangnya 6 bulan dalam Perubatan Am</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  II</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penempatan bergilir-gilir dalam Pengkhususan Kecil</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II (Peperiksaan teori akan dijalankan pada 6 minggu sebelum peperiksaan klinikal)
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perubatan Sains Asas Gunaan dan Perubatan Am dan Perubatan Kecemasan</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I (Peperiksaan teori akan dijalankan pada 6 minggu sebelum peperiksaan klinikal)  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Kecemasan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Perubatan Kecemasan adalah program secara kursus klinikal di mana bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat (4) tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh (7) tahun.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Program Pengajian terdiri daripada tiga peringkat di mana peringkat I adalah di tahun pertama, peringkat II di tahun kedua dan ketiga dan peringkat III di tahun keempat. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:
  - (a) Peringkat I hendaklah dilakukan di Universiti Malaya. Ia terdiri daripada:
    - (i) Pembelajaran Sains Asas yang bersesuaian dengan Perubatan Kecemasan.
    - (ii) Penempatan klinikal yang diselia dengan penekanan kepada keadaan kecemasan di dalam pengkhususan Anestesia dan Perubatan Kecemasan
  - (b) Peringkat II hendaklah dilakukan di Universiti Malaya atau pusat lain yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Bersama Sarjana Perubatan (bagi pengkhususan). Peringkat ini melibatkan penempatan klinikal di tahun kedua dan ketiga:
    - (i) Penempatan klinikal pada tahun kedua dalam perubatan dalaman, pembedahan am, perubatan kecemasan dan pediatrik.



- (ii) Penempatan klinikal pada tahun ketiga dalam disiplin perubatan kecemasan, obstetrik dan ginekologi, radiologi, otorinolaringologi, oftalmologi, elektif, pembedahan ortopedik dan neurosurgeri.
  - (iii) Projek penyelidikan mestilah dimulakan awal dalam peringkat II.
  - (iv) Wajib lulus kursus 'Advanced Cardiac Life Support Course (ACLS)', 'Advanced Trauma Life Support Course (ATLS)', 'Paediatric Advanced Life Support Course (PALS)' dan/atau kursus lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (c) Peringkat III dalam tahun keempat mengandungi penempatan dalam Perubatan Kecemasan di Universiti Malaya.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyimpan buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugasan yang dijalani.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik, adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti tertakluk kepada jumlah tempoh latihan tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding akan dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon dikehendaki menyerahkan satu laporan kajian kes bagi setiap penempatannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon dikehendaki menyerahkan buku lognya dan laporan penempatan setiap enam bulan untuk dinilai oleh Jabatan yang bertanggungjawab untuk pengajian calon.
- (3) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada Ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah:
  - (a) lulus Peperiksaan Bahagian I.
  - (b) menyempurnakan dan menyerahkan laporan penyelidikannya enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
  - (c) lulus kursus 'Advanced Cardiac Life Support Course (ACLS)', 'Advanced Trauma Life Support Course (ATLS)', 'Pediatric Advanced Life Support Course (PALS)' dan/atau kursus-kursus lain yang diiktiraf oleh Fakulti.
  - (d) Menyerahkan dua (2) laporan kajian kes bagi setiap penempatannya tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
  - (e) Menyerahkan buku log tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
  - (f) Memperolehi laporan yang memuaskan dalam setiap komponen penilaian berterusan.
- (3) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat III program pengajian.
- (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Penilaian berterusan	Laporan penyelia-penyelia Ulasan kes Penilaian buku log Penyertaan dalam program <i>Continuous Medical Education (CME)</i>
		Laporan yang memuaskan
B.	Bertulis	
	MEGV6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan 400
	MEGV6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Esei <u>200</u>
		Jumlah <u>600</u>
C.	Klinikal	
	MEGV6111 Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur	200
	MEGV6121 Peperiksaan Viva	<u>200</u>
		Jumlah <u>400</u>
		<b>Jumlah Besar <u>1000</u></b>

- (b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Penilaian berterusan Laporan penyelia-penyelia Ulasan kes Penilaian buku log Penyertaan dalam program <i>Continuous Medical Education (CME)</i>	Laporan yang memuaskan
B.	Bertulis MEGV6236 Kertas 1 MEGV6237 Kertas 2 MEGV6238 Kertas 3	Soalan Pelbagai Pilihan Soalan Pelbagai Esei Soalan Jawapan Pendek
		200 50 <u>150</u> Jumlah <u>400</u>
C.	Klinikal MEGV6243 MEGV6244 MEGV6250	Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur Kes Pendek Peperiksaan Viva
		150 300 <u>150</u> Jumlah <u>600</u> <b>Jumlah Besar <u>1000</u></b>

(5) Keperluan untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan.

(b) Peperiksaan Akhir

(i) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan.

(ii) Calon mestilah lulus dalam Projek Penyelidikan.

(6) Mengulangi Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I -

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam (6) bulan pada tiap-tiap kali.

(ii) Calon dikehendaki lulus dalam komponen bertulis sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan komponen klinikal.

(iii) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I komponen bertulis dikehendaki mengambil peperiksaan bagi komponen bertulis dan komponen klinikal sebanyak dua kali secara berasingan lepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(iv) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I untuk komponen klinikal tetapi telah lulus komponen bertulis dibenarkan untuk mengambil peperiksaan bagi komponen klinikal sahaja sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(v) Calon yang gagal Peperiksaan Semula Bahagian I dalam komponen bertulis sebanyak tiga kali adalah dianggap gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali

dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti dan dengan kelulusan Senat.

- (vi) Calon yang gagal Peperiksaan Semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulangi program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti dan dengan kelulusan Senat.
- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
  - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan Peperiksaan Semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam (6) bulan pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
  - (iii) Calon yang gagal Peperiksaan Semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulangi program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti dan kelulusan Senat.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Perubatan Kecemasan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus dalam semua peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan. Tiada calon layak mendapatkan penganugerahan lulus dengan cemerlang berdasarkan pelaksanaan di Peperiksaan Semula.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Perubatan Kecemasan dengan cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I dan Peperiksaan Akhir.
- (b) tidak gagal atau mengulangi dalam mana-mana bahagian kursus atau peperiksaan

**Ijazah Sarjana Perubatan Kecemasan  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  III</b>	Tahun 4 (di UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• penempatan dalam Perubatan Kecemasan di Universiti Malaya</li> <li>• Laporan Penyelidikan dikemukakan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum Peperiksaan Akhir</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  IIb</b>	Tahun 3 (di UM atau pusat-pusat lain)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penempatan Klinikal dalam             <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perubatan kecemasan</li> <li>▪ Obstetrik dan ginekologi</li> <li>▪ Radiologi</li> <li>▪ Otorinolaringologi</li> <li>▪ Oftalmologi</li> <li>▪ Elektif</li> <li>▪ Pembedahan ortopedik</li> <li>▪ Neurosurgeri.</li> </ul> </li> <li>• Wajib lulus kursus 'Paediatric Advanced Life Support Course (PALS)', 'Advanced Cardiac Life Support Course (ACLS)', 'Advanced Trauma Life Support Course (ATLS)', dan/atau kursus lain yang diiktiraf oleh Fakulti.</li> </ul>	
<b>P E R I N G K A T  IIa</b>	Tahun 2 (di UM atau pusat-pusat lain)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• penempatan klinikal dalam:             <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ perubatan dalaman</li> <li>▪ pembedahan am</li> <li>▪ perubatan kecemasan</li> <li>▪ pediatrik.</li> </ul> </li> <li>• Projek penyelidikan mestilah dimulakan awal dalam peringkat ini.</li> </ul>	
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1 (di UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelajaran Sains Asas yang bersesuaian dengan Perubatan Kecemasan.</li> <li>• Penempatan klinikal yang diselia dengan penekanan kepada keadaan kecemasan di dalam pengkhususan Anestesia dan Perubatan Kecemasan</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Keluarga  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Perubatan Keluarga adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I mengandungi -
    - (i) latihan klinikal dalam tahun pertama pengajian di hospital yang diiktiraf secara rasmi oleh Fakulti dalam disiplin seperti berikut:

Perubatan Am;  
Pediatrik; dan  
Obstetrik dan Ginekologi

dan
    - (ii) kajian kes keluarga
  - (b) Peringkat II mengandungi enam bulan penempatan pengkhususan dan lapan belas (18) bulan latihan klinikal dalam Perubatan Keluarga dalam tahun kedua dan ketiga pengajian di pusat yang diiktiraf secara rasmi oleh Fakulti.

- (c) Peringkat III dalam tahun keempat pengajian yang mengandungi -
  - (i) latihan lanjutan dalam Perubatan Keluarga;
  - (vii) kajian kes keluarga;
  - (viii) penyimpanan Diari Amalan kes terpilih daripada latihan klinikalnya; dan
  - (ix) penyelidikan.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyelenggara buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugas yang dijalani.
- (3) (a) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I.
- (b) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat III program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian II.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia mempunyai kelayakan lepasan ijazah dalam Perubatan Keluarga atau lain-lain kelayakan yang berkenaan yang diiktiraf oleh Senat.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log, kajian kes keluarga dan laporan penempatannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan tidak lewat daripada 4 minggu sebelum Peperiksaan Bahagian I. Calon juga dikehendaki menyerahkan kajian kes keluarga satu minggu selepas tamat penempatan kecuali penempatan yang terakhir.

- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penempatannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (3) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penempatan, kajian kes keluarga, diari amalan dan laporan penyelidikannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

#### **10. Peperiksaan bagi Ijazah**

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Bahagian III
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyempurnakan dengan memuaskan dan menyerahkan buku log, kajian kes keluarga dan laporan penempatannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan tidak lewat daripada 4 minggu sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah –
  - (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia mempunyai kelayakan lepasan ijazah dalam Perubatan Keluarga atau kelayakan yang setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) menyempurnakan dengan memuaskan dan menyerahkan laporan penempatannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (4) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian III kecuali ia telah –
  - (a) lulus Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (b) menyempurnakan dengan memuaskan dan menyerahkan laporan penempatan, kajian kes keluarga serta laporan penyelidikan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian III -
    - (i) Calon yang mempunyai laporan penyelidikan yang dianggap tidak memuaskan boleh dirujuk untuk kajian lanjut bagi tempoh yang ditentukan oleh Jabatan dengan syarat bahawa tempoh sepertimana yang ditentukan itu tidak melebihi satu tahun pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditetapkan calon adalah dikehendaki untuk menyerahkan laporan penyelidikan untuk pemeriksaan semula.
    - (ii) Calon yang gagal menyerahkan laporan penyelidikannya pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal laporan penyelidikan.
    - (iii) Calon dibenarkan menyerahkan semula laporan penyelidikan untuk pemeriksaan semula tidak lebih daripada dua kali. Diari praktis perlu dihantar tidak lewat dari satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian III.
- (5) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung tahun pertama program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung tahun ketiga program pengajian. Peperiksaan Bahagian III hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.



- (6) Peperiksaan Komponen A Bahagian I akan diadakan tidak lewat dari empat (4) minggu sebelum peperiksaan Komponen B. Calon yang gagal Komponen A tidak dibenarkan mengambil peperiksaan Komponen B.

Peperiksaan Komponen A Bahagian II akan diadakan tidak lewat dari empat (4) minggu sebelum peperiksaan Komponen B. Calon yang gagal Komponen A tidak dibenarkan mengambil peperiksaan Komponen B.

- (7) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah serta nilai peratusan untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A. Bertulis MMGK6101	Kertas Pelbagai Pilihan (MCQ)	60%
	Jumlah	60%
B. Klinikal MMGK6126	Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur (OSCE)	40%
	Jumlah	100%

- (b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah serta nilai peratusan untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A. Bertulis MMGK6238	Kertas Pelbagai Pilihan (MCQ)	16%
	MMGK6239 Kertas Pengendalian Pesakit (PMP)	24%
	Jumlah	40%
B. Klinikal MMGK6255	Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur (OSCE)	60%
	Jumlah	60%

- (c) Peperiksaan Bahagian III

Komponen Peperiksaan Bahagian III dan pembahagian markah serta nilai peratusan untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
MMGK6381	Viva Voce/Practice Diary	100%

- (8) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi –

- (a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

- (b) Peperiksaan Bahagian II
 

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.
  - (c) Peperiksaan Bahagian III
 

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.
- (9) Mengulang Peperiksaan
- (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
    - (i) Calon yang telah gagal Komponen A bagi Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Calon yang telah lulus Komponen A bagi Peperiksaan Bahagian I tetapi gagal Komponen B boleh dibenarkan peperiksaan semula Komponen B selepas tempoh enam bulan setiap kali.
    - (iii) Jumlah bilangan menduduki kesemua komponen Bahagian I tidak boleh melebihi tiga (3) kali. Calon yang gagal peperiksaan selepas kali ketiga hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (b) Peperiksaan Semula Bahagian II
    - (i) Calon yang telah gagal Komponen A Peperiksaan Bahagian II boleh mengambil peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Calon yang telah lulus Komponen A Peperiksaan Bahagian II tetapi gagal Komponen B boleh dibenarkan mengambil peperiksaan semula dalam Komponen B sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (iii) Calon yang telah gagal peperiksaan semula Komponen A Peperiksaan Bahagian II pada percubaan ketiga dianggap gagal Peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali di dalam keadaan tertentu atas cadangan Fakulti Perubatan dan kelulusan Senat.
    - (iv) Calon yang lulus peperiksaan semula Komponen A Peperiksaan Bahagian II pada percubaan ketiga dibenarkan menduduki Komponen B sebanyak tiga kali. Jika calon gagal Komponen B Peperiksaan Bahagian II pada percubaan ketiga, beliau dianggap gagal Peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulangi program kecuali di dalam keadaan tertentu atas cadangan Fakulti Perubatan dan kelulusan Senat.
  - (c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Bahagian III
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian III boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

- (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Bahagian III hendaklah mengandungi komponen yang sama dimana calon telah gagal dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian III.
- (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian III dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuai dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan ijazah Sarjana Perubatan Keluarga melainkan ia telah menyempurnakan dengan memuaskan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Bahagian III jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuai atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Perubatan Keluarga dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Bahagian III;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuai atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Perubatan Keluarga  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan Vokasional Lanjutan dalam Perubatan Keluarga</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian III
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Klinikal dalam Perubatan Keluarga - 18 bulan</li> <li>▪ Penempatan Pengkhususan - 6 bulan</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan Klinikal bergilir-gilir dalam:-  Perubatan Am Pediatrik Obstetrik &amp; Ginekologi</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Pemulihan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Perubatan Pemulihan adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat di mana sekurang-kurangnya satu tahun adalah dalam rawatan *in-patient*.

(2) Syarat lain

- (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
- (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

Program pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:

(1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian mengandungi:

- (a) Sains Asas dan Gunaan Perubatan Pemulihan;
- (b) Prinsip, Konsep dan Amalan Perubatan Pemulihan;
- (c) Penempatan bergilir dalam disiplin berkaitan dengan Perubatan Pemulihan;
- (d) penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan tugas yang dijalani;
- (e) penilaian berterusan sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan.

(2) Peringkat II pengajian mengandungi:

- (a) penempatan bergilir dalam disiplin pengkhususan Perubatan Pemulihan dan disiplin yang berkaitan dengan Perubatan Pemulihan;
- (b) laporan penyelidikan;
- (c) tugas;
- (d) penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan tugas yang dijalani; dan
- (e) penilaian berterusan sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan.

- (3) Calon tidak dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program melainkan ia telah lulus atau dikecualikan dari Peperiksaan Bahagian I.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I bagi mana-mana satu daripada ijazah Universiti berikut atau telah memperolehi kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat:

Sarjana Perubatan Dalaman  
Sarjana Perubatan Keluarga  
Sarjana Bedah Ortopedik  
Sarjana Pediatrik  
Sarjana Bedah

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan tugasannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan tugasannya bagi tempoh pengajian yang berkenaan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (3) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
- (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah -
- (a) menyempurnakan dengan memuaskan penilaian berterusan yang ditetapkan oleh Jabatan; dan
  - (b) menyerahkan buku log dan tugasannya yang dianggap memuaskan oleh Jabatan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
- (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia -

telah lulus Peperiksaan Bahagian I bagi mana-mana satu daripada ijazah Universiti berikut atau telah memperolehi kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat:

Sarjana Perubatan Dalaman  
Sarjana Perubatan Keluarga  
Sarjana Surgeri Ortopedik  
Sarjana Pediatrik  
Sarjana Surgeri

- (b) menyempurnakan dengan memuaskan komponen penilaian berterusan sepertimana yang ditentukan oleh Jabatan;
- (c) menyerahkan buku log dan tugasannya yang dianggap memuaskan oleh Jabatan tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan
- (d) menyerahkan laporan penyelidikan mengenai suatu aspek Perubatan Pemulihan tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir. Calon hendaklah memperolehi gred lulus dalam laporan penyelidikan sebelum ia dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir.

### (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

#### (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MTGP6101 Kertas 1 Soalan Pelbagai Pilihan	150
	MTGP6102 Kertas 2 Soalan Jenis Jawapan Pendek	150
	MTGP6126 Praktikal Peperiksaan Praktikal	
		Objektif Berstruktur <u>200</u>
		Jumlah <u>500</u>
B.	MTGP6121 Peperiksaan Klinikal Viva	<u>500</u>
	<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>1000</u></b>

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MTGP6236 Kertas 1	Esei 100
	MTGP6237 Kertas 2	Soalan Jenis Jawapan Pendek 100
	MTGP6238 Kertas 3	Soalan Pelbagai Pilihan 100
	MTGP6286 Praktikal	Peperiksaan Praktikal
		Objektif Berstruktur <u>200</u>
		Jumlah 500
B.	Klinikal	
	MTGP6243 Klinikal	400
	MTGP6250 Peperiksaan Viva	<u>100</u>
		<b>Jumlah Besar <u>1000</u></b>

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Peperiksaan Teori akan diadakan 4 minggu sebelum Peperiksaan Klinikal. Hanya calon yang lulus peperiksaan teori, Komponen A, dibenarkan menduduki Peperiksaan Klinikal, iaitu Komponen B. Calon yang gagal Peperiksaan Klinikal tidak perlu mengulangi Peperiksaan Teori sebelum menduduki semula Peperiksaan Klinikal.

(b) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Peperiksaan Teori akan diadakan 4 minggu sebelum Peperiksaan Klinikal. Hanya calon yang lulus peperiksaan teori, Komponen A, dibenarkan menduduki Peperiksaan Klinikal, iaitu Komponen B. Calon yang gagal Peperiksaan Klinikal tidak perlu mengulangi Peperiksaan Teori sebelum menduduki semula Peperiksaan Klinikal.

(6) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

(i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

(ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.

(iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan



mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
  - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 10. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Perubatan Pemulihan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Perubatan Pemulihan dengan Cemerlang jika ia-

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Perubatan Pemulihan  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	<p style="text-align: center;">Tahun 4</p> <p style="text-align: center;">Tahun 3</p> <p style="text-align: center;">Tahun 2 (36 bulan)</p>	<p>(a) Penempatan pusingan di dalam disiplin berkaitan Perubatan Pemulihan serta disiplin bersangkutan dengan Perubatan Pemulihan.</p> <p>(b) Laporan penyelidikan;</p> <p>(c) Tugasan;</p> <p>(d) Penyimpanan buku log oleh calon untuk mendokumentasikan kerja yang dilakukan</p> <p>(e) Penilaian berterusan seperti yang dipreskripsikan oleh Jabatan.</p>	<p>Peperiksaan Akhir</p>
<b>P E R I N G K A T  I</b>	<p style="text-align: center;">Tahun 1 (12 bulan)</p>	<p>(a) Sains Asas dan Gunaan Perubatan Pemulihan.</p> <p>(b) Prinsip, Konsep dan Amalan Perubatan Pemulihan.</p> <p>(c) Penempatan bergilir dalam disiplin berkaitan dengan Perubatan Pemulihan.</p> <p>(d) Penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan tugasan yang dijalani;</p> <p>(e) Penilaian berterusan seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan.</p>	<p>Peperiksaan Bahagian I</p> <p>Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)</p>

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Psikologi  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Perubatan Psikologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Program Pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian yang mengandungi:
    - (i) latihan klinikal dalam asas sikap;
    - (ii) latihan dalam kemahiran klinikal dan pengurusan psikiatri;
    - (iii) latihan dalam sains asas berkaitan dengan psikiatri dan latihan dalam pengurusan psikiatri;
    - (iv) penyediaan dua kes protokol dalam psikiatri am.
  - (b) Peringkat II dalam tahun kedua dan ketiga pengajian yang mengandungi:
    - (i) latihan dalam psikiatri klinikal dan penempatan giliran dalam pengkhususan kecil psikiatri;
    - (ii) penyediaan kes protokol bagi beberapa kes yang akan ditentukan oleh jabatan dari masa ke semasa.

- (c) Peringkat III dalam tahun keempat pengajian yang mengandungi latihan lanjut dalam psikiatri dan melengkapkan laporan penyelidikan.
- (2) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II Program pengajian sehingga ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat III program pengajian sehingga ia telah lulus Peperiksaan Bahagian II.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian. Cadangan projek penyelidikan hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Etika tidak lewat dari empat bulan sebelum peperiksaan Bahagian II.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan dua kes protokolnya bagi Peringkat I program pengajian tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan kes protokol bagi Peringkat II program pengajian tidak lewat daripada empat bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II.
- (3) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan tidak lewat daripada empat bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan Bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I
  - (b) Peperiksaan Bahagian II
  - (c) Peperiksaan Akhir.

- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyempurnakan dengan memuaskan dan menyerahkan kes protokolnya bagi Peringkat I program tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah -
- lulus Peperiksaan Bahagian I; dan
  - melengkapkan dan menyerahkan kes protokolnya bagi Peringkat II program tidak lewat daripada empat bulan sebelum Peperiksaan Peringkat II dan memperolehi markah purata 50% atau lebih bagi kes-kes protokol tersebut.
- (4) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah
- lulus Peperiksaan Bahagian II; dan
  - melengkapkan dan menyerahkan laporan penyelidikan tidak lewat daripada empat bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (5) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung tahun pertama program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung tahun ketiga program pengajian dan Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.
- (6) Peperiksaan Komponen bertulis Bahagian I & II akan diadakan sebelum peperiksaan klinikal. Calon yang gagal Komponen Bertulis tidak dibenarkan mengambil Peperiksaan Komponen Klinikal.
- (7) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah:
- Peperiksaan Bahagian I  
Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A. Bertulis		
MNGC6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan	40
MNGC6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan	60
MNGC6103 Kertas 3	Soalan Esei Pendek	<u>100</u>
B. Klinikal		
MNGC6111 Kes Pendek Psikiatri		<u>100</u>
<b>Jumlah Besar</b>		<b><u>300</u></b>

- Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A. Bertulis		
MNGC6236 Kertas 1	Soalan Esei dan kertas ulasan kritikal	100
MNGC6237 Kertas 2	Soalan Esei Pendek	<u>100</u>
<b>Jumlah</b>		<b>200</b>
B. Klinikal		
MNGC6244 Kes Panjang Psikiatri		100
MNGC6245 Kes Pendek Psikiatri		50
MNGC6246 Kes Panjang Neurologi/ Perubatan		50

Jumlah 200  
Jumlah Besar 400

(c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

- |                                   |    |
|-----------------------------------|----|
| (i) MNGC6261 Laporan penyelidikan | 70 |
| MNGC6250 Viva Disertasi           | 30 |

ATAU Jika calon telah menerbitkan hasil penyelidikannya di dalam jurnal saintifik yang berindeks (sekurang-kurangnya SCOPUS), calon akan dikecualikan dari menyerahkan laporan penyelidikan dan viva disertasi

100

- |                               |     |
|-------------------------------|-----|
| (ii) MNGC6247 Viva Konsultasi | 100 |
|-------------------------------|-----|

Jumlah Besar 200

(8) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

- (i) 50% atau lebih komponen bertulis;
- (ii) 50% atau lebih purata markah komponen klinikal; dan
- (iii) tidak kurang daripada 45% markah bagi setiap kes klinikal dari komponen klinikal.

(b) Peperiksaan Bahagian II

- (i) 50% atau lebih komponen bertulis;
- (ii) 50% atau lebih markah kes panjang klinikal Psikiatri;
- (iii) 50% atau lebih purata markah bagi kes-kes pendek klinikal; dan
- (iv) tidak kurang daripada 45% markah dalam setiap kes-kes pendek klinikal.

(c) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah di dalam semua komponen Peperiksaan tersebut.

(9) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I. Sekiranya calon telah mencapai sekurang-kurangnya 50% (100/200) daripada jumlah markah komponen "Bertulis" semasa peperiksaan yang terdahulu, calon akan dikecualikan daripada menduduki komponen "Bertulis" semasa Peperiksaan Semula.
- (iii) Calon yang telah lulus Komponen Bertulis tetapi gagal Komponen Klinikal boleh dibenarkan mengambil Peperiksaan Semula dalam Komponen Klinikal sahaja.

- (b) Peperiksaan Semula Bahagian II
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian II boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Bahagian II hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama sepertimana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian II.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
    - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
    - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah hanya komponen yang gagal dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
    - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  - (d) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.
- (10) Laporan penyeliaan

Jika terdapat laporan yang tidak memuaskan terhadap calon, Jabatan berkenaan boleh menubuhkan jawatankuasa khas bagi membuat keputusan dan cadangan bahawa calon akan ditamatkan daripada pengajian, mengulangi tahun pengajian, menanggungkan pengajian selama 6 bulan atau dibenarkan menduduki peperiksaan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Perubatan Psikologi melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

(2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Perubatan Psikologi dengan Cemerlang jika ia-

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Perubatan Psikologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ latihan lanjut dalam psikiatri dan melengkapkan laporan penyelidikan.</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ latihan dalam psikiatri klinikal dan penempatan giliran dalam pengkhususan kecil psikiatri;</li> <li>▪ penyediaan kes protokol bagi beberapa kes yang akan ditentukan oleh jabatan dari masa ke semasa.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ latihan klinikal dalam asas sikap;</li> <li>▪ latihan dalam kemahiran klinikal dan pengurusan psikiatri;</li> <li>▪ latihan dalam sains asas berkaitan dengan psikiatri dan latihan dalam pengurusan psikiatri;</li> <li>▪ penyediaan dua kes protokol dalam psikiatri am.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)



**Nama Program:** Ijazah Sarjana Perubatan Sukan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Perubatan Sukan adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

Program pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:

- (1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian mengandungi:
  - (a) Sains Asas berkaitan dengan Perubatan Sukan dan mana-mana disiplin klinikal lain berkaitan dengan Perubatan Sukan; dan
  - (b) tugas.
- (2) Peringkat II dalam tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian mengandungi:
  - (a) latihan lanjutan dan penempatan klinikal dalam bidang berkaitan dengan Perubatan Sukan termasuk penempatan atau penempatan-penempatan elektif mengikut pilihan calon tertakluk kepada kelulusan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon;
  - (b) latihan lanjutan dalam bidang Pengurusan Sukan, Etika dan Populasi Khas;
  - (c) tugas;

- (d) penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan tugas yang dijalani; dan
- (e) penyelidikan

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I bagi mana-mana satu daripada ijazah Universiti berikut atau telah memperolehi kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat:

Sarjana Perubatan Dalaman  
Sarjana Bedah Ortopedik  
Sarjana Perubatan Keluarga  
Sarjana Perubatan Pemulihan  
Sarjana Pediatrik  
Sarjana Perubatan Psikologi  
Sarjana Bedah  
Sarjana Radiologi

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan tugasannya satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan kertas penerbitan atau laporan penyelidikan enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir. Calon juga dikehendaki menghantar laporan penilaian penempatan dan elektif dari penyelia berserta buku log tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
- Peperiksaan Bahagian I; dan
  - Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyerahkan tugasannya satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
- lulus atau telah dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I bagi mana-mana satu daripada ijazah Universiti berikut atau telah memperolehi kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat:
    - Sarjana Perubatan Keluarga
    - Sarjana Perubatan Dalaman
    - Sarjana Surgeri Ortopedik
    - Sarjana Pediatrik
    - Sarjana Perubatan Psikologi
    - Sarjana Perubatan Pemulihan
    - Sarjana Surgeri
    - Sarjana Radiologi
  - menyerahkan samada kertas penerbitan atau laporan penyelidikan memuaskan enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir dan buku lognya tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (4) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung tahun pertama program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung tahun keempat program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A. Bertulis MTGO6104	Jawapan Paling Tepat	<u>100</u>
	Jumlah	100
B. <b>Bertulis</b> MTGO6105	Soalan Jenis Jawapan Pendek 1	300
MTGO6106	Soalan Jenis Jawapan Pendek 2	300
<b>Klinikal</b> MTGO6107	Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur	100
<b>Viva</b> MTGO6121	Anatomi	50
MTGO6122	Fisiologi	50
MTGO6123	Patologi, Mikrobiologi dan Farmakologi	50
MTGO6124	Prinsip Surgeri dan Perubatan Am	<u>50</u>
	Jumlah	900
	<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>1000</u></b>

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MTGO6236 Soalan Esei	100
	MTGO6237 Soalan Jenis Jawapan Pendek	<u>100</u>
	Jumlah	<u>200</u>
B.	<b>Klinikal</b>	
	MTGO6243 Kes Panjang	100
	MTGO6244 Kes Pendek	200
	MTGO6245 Peperiksaan Klinikal Berstruktur Objektif	<u>100</u>
	Jumlah	<u>400</u>
	Viva	
	MTGO6250 Prinsip Perubatan Sukan	100
	MTGO6251 Prinsip Pemulihan Sukan	100
	MTGO6252 Prinsip Pemeriksaan Senaman dan Preskripsi Senaman	100
	MTGO6253 Prinsip Kecemasan Dalam Sukan	<u>100</u>
	<b>Jumlah</b>	<b>800</b>
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>1000</b>

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah bagi setiap sub komponen dalam Peperiksaan Bahagian I.

Hanya calon yang lulus dalam Komponen A akan dibenarkan untuk menduduki Komponen B.

(b) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap sub komponen dalam Peperiksaan Akhir.

Hanya calon yang lulus dalam Komponen A, akan dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Komponen B.

Untuk peperiksaan klinikal kes panjang dan kes pendek, kriteria untuk lulus akan ditentukan oleh undi majoriti pemeriksa dan bukannya berdasarkan markah yang diperolehi. Tetapi di dalam keadaan undian adalah sama banyak, purata markah akan diambilkira sebagai kriteria untuk lulus.

(7) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang gagal dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
- (i) Tiada had jumlah percubaan dalam Peperiksaan Akhir, selagi masih tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun dari tarikh mula mendaftarkan diri ke Universiti.
  - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi Komponen yang gagal dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Perubatan Sukan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Perubatan Sukan dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam kedua-dua Peperiksaan Bahagian I dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.



**Nama Program:** Ijazah Sarjana Radiologi  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Radiologi adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

(1) Kelayakan masuk

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.

(2) Syarat lain

- (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
- (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. **Struktur Program**

Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:

(1) Peringkat I dalam tahun pertama pengajian mengandungi -

- (a) latihan asas dalam Fizik Perubatan Radiologi, Anatomi Radiologi dan Radiografi, Teknik Radiologi, Kontras dan ubat-ubatan, Radiologi untuk Trauma Asas dan mana-mana disiplin lain dalam Radiologi yang ditentukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa;
- (b) latihan dalam matapelajaran radiologi yang relevan yang ditentukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa; dan
- (c) penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan pemeriksaan-pemeriksaan radiologi yang dijalankan oleh beliau.

(2) Peringkat II dalam tahun kedua dan ketiga pengajian mengandungi:

- (a) latihan dalam semua aspek radiologi diagnostik, teknik-teknik pengimejan dan radiologi intervensi;

- (b) latihan dalam mata pelajaran yang relevan yang ditentukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa;
  - (c) penyimpanan buku log oleh calon untuk mencatatkan pemeriksaan-pemeriksaan radiologi yang dijalankan oleh beliau; dan
  - (d) permulaan projek penyelidikan.
- (3) Peringkat III dalam tahun keempat pengajian mengandungi:
- (a) latihan lanjutan dalam semua aspek radiologi diagnostik, teknik pengimejan dan radiologi intervensi;
  - (b) latihan lanjutan dalam matapelajaran yang relevan yang ditentukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa;
  - (c) kajian kes; dan
  - (d) projek penyelidikan.

#### **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian sekiranya ia mempunyai kelayakan yang setaraf dengan Bahagian I Sarjana Radiologi yang diperakukan oleh Fakulti dan diterima oleh Senat.

#### **6. Kehadiran**

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian atau keseluruhan daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

#### **7. Penyeliaan**

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian atau keseluruhan daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

#### **8. Tajuk Penyelidikan**

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

#### **9. Penyerahan**



- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log pemeriksaan-pemeriksaan radiologi yang telah dijalankan, disahkan oleh penyeliannya bagi tempoh pengajian berkenaan satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log yang terdiri daripada pemeriksaan-pemeriksaan radiologi khas yang telah diperhatikan dan dijalankan, disahkan oleh Penyeliannya bagi tempoh pengajian berkenaan dua bulan sebelum peperiksaan Bahagian II.
- (3) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan dan laporan kajian kes bagi tempoh pengajian berkenaan tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

#### 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I;
  - (b) Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (c) Peperiksaan Akhir.
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian I kecuali ia telah menyerahkan buku log yang mengandungi pemeriksaan-pemeriksaan radiologi yang telah dijalankan, disahkan oleh penyeliannya bagi tempoh pengajian berkenaan satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian I.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Bahagian II kecuali ia telah
  - (a) menyerahkan buku log pemeriksaan-pemeriksaan radiologi khas, yang telah diperhatikan dan dijalankan, disahkan oleh penyeliannya bagi tempoh pengajian berkenaan satu bulan sebelum Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (b) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia mempunyai kelayakan yang setaraf dengan Bahagian I Sarjana Radiologi yang diperakukan oleh Fakulti dan diterima oleh Senat.
- (4) Tiada calon dibenarkan mengambil Peperiksaan Akhir kecuali ia telah -
  - (a) lulus Peperiksaan Bahagian II; dan
  - (b) menyerahkan laporan kajian kes dan laporan penyelidikan tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (5) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Bahagian II hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat II program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat III program pengajian.
- (6) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan Pembahagian Markah untuk komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A. MQGN6102 MCQ	Soalan Pelbagai Pilihan	100
B. MQGN6121	Peperiksaan Viva	100
C. MQGN6126 OSCE	Peperiksaan Klinikal Objektif Berstruktur	100

D. MQGN6127 OSPE	Peperiksaan Praktikal Objektif Berstruktur	Jumlah	<u>100</u> <u>400</u>
------------------	---	--------	--------------------------

(b) Peperiksaan Bahagian II

Komponen Peperiksaan Bahagian II dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MQGN6236 Kertas 1 Soalan Pelbagai Pilihan	100
	MQGN6237 Kertas 2 Soalan Pelbagai Pilihan	100
B.	MQGN6266 Pelaporan Pemeriksaan Radiologi	100
C.	MQGN6250 Peperiksaan Viva	<u>100</u>
	Jumlah	<u>400</u>

(c) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	MQGN6371 Laporan Kajian Kes	100
B.	MQGN6372 Laporan Penyelidikan	100
C.	MQGN6374 Peperiksaan Viva	100
D.	MQGN6373 Laporan Filem Pantas	<u>100</u>
	Jumlah	<u>400</u>

(7) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

(a) Peperiksaan Bahagian I

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Calon yang tidak memenuhi syarat di atas bagi komponen hendaklah dianggap telah gagal komponen berkenaan tetapi hendaklah dikredit dengan komponen atau komponen-komponen yang ia telah lulus dan hendaklah mengulang hanya komponen yang ia telah gagal.

(b) Peperiksaan Bahagian II

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Calon yang tidak memenuhi syarat di atas bagi komponen hendaklah dianggap telah gagal komponen berkenaan tetapi hendaklah dikredit dengan komponen atau komponen-komponen yang ia telah lulus dan hendaklah mengulang hanya komponen yang ia telah gagal.

(c) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Calon yang tidak memenuhi syarat di atas bagi komponen hendaklah dianggap telah gagal komponen berkenaan tetapi hendaklah dikredit dengan komponen atau komponen-komponen yang ia telah lulus dan hendaklah mengulang hanya komponen yang ia telah gagal.

(8) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
- (iii) Calon yang telah lulus satu atau lebih daripada komponen dalam Peperiksaan Bahagian I hendaklah dianggap telah lulus komponen tersebut dan tidak dikehendaki mengulang komponen tersebut.
- (iv) Calon adalah dikehendaki mengulang komponen berkenaan yang ia telah gagal dalam Peperiksaan Bahagian I.
- (v) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Bahagian II

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian II boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian II hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian II.
- (iii) Calon yang telah lulus satu atau lebih daripada komponen dalam Peperiksaan Bahagian II hendaklah dianggap telah lulus komponen tersebut dan tidak dikehendaki mengulang komponen tersebut.
- (iv) Calon adalah dikehendaki mengulang komponen berkenaan yang ia telah gagal dalam Peperiksaan Bahagian II.
- (v) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian II dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(c) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.

- (iii) Calon yang telah lulus satu atau lebih daripada komponen dalam Peperiksaan Akhir hendaklah dianggap telah lulus komponen tersebut dan tidak dikehendaki mengulang komponen tersebut.
- (iv) Calon adalah dikehendaki mengulang komponen berkenaan yang ia telah gagal dalam Peperiksaan Akhir.
- (v) Calon yang mempunyai laporan penyelidikan dan/atau laporan kajian kes yang dianggap tidak memuaskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa boleh dirujuk untuk kajian lanjut bagi tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat tempoh seperti mana yang ditentukan itu tidak melebihi enam bulan pada setiap kali. Pada akhir tempoh yang ditentukan calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikan dan/atau laporan kajian kes untuk pemeriksaan semula. Calon yang telah gagal menyerahkan laporan penyelidikan dan/atau laporan kajian kesnya pada penghujung tempoh yang ditetapkan bagi pemeriksaan semula hendaklah dianggap telah gagal laporan penyelidikan dan/atau laporan kajian kes.
- (vi) Calon dibenarkan menyerahkan semula laporan penyelidikan dan/atau laporan kajian kes untuk pemeriksaan semula sama ada secara berasingan atau bersamaan tidak lebih daripada dua kali.
- (vii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Radiologi melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I, Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana Komponen dalam Peperiksaan Bahagian I, atau komponen dalam Peperiksaan Bahagian II atau Peperiksaan Akhir; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Radiologi dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian II dan Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Radiologi  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan lanjutan dalam semua aspek Radiologi Diagnostik, Teknik Pengimejan dan Radiologi Intervensi.</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan dalam semua aspek Radiologi Diagnostik, Teknik Pengimejan dan Radiologi Intervensi.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian II
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan asas dalam Fizik Perubatan Radiologi, Anatomi Radiologi dan Radiografi, Teknik Radiologi, Kontras dan Ubat-ubatan, Radiologi untuk Trauma Asas dan mana-mana disiplin lain dalam Radiologi.</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Sains Kejururawatan adalah program secara kursus di mana peruntukan jam kredit bagi bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. **Syarat Kemasukan**

Kelayakan masuk

- (1) Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan dengan kepujian PNGK 3.0 dan ke atas atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat; dan
- (2) Berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan mempunyai lesen pendaftaran yang terkini; dan
- (3) Mempunyai pos basik dalam klinikal pengkhususan sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan; atau
- (4) Mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat (4) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Kursus teras yang dikenalpasti bagi program Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan adalah seperti berikut:
  - (a) tujuh (7) kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit; semuanya berjumlah dua puluh satu (21) jam kredit;
  - (b) dua (2) kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit; semuanya berjumlah empat (4) jam kredit;
  - (c) Praktikum Kejururawatan berjumlah sepuluh (10) jam kredit; dan
  - (d) Projek Penyelidikan Kejururawatan I & II berjumlah sembilan (9) jam kredit
- (2) Butir-butir kursus yang ditawarkan adalah seperti mana yang diluluskan oleh Senat dari masa ke semasa atas perakuan Fakulti dan calon akan dimaklumkan butir-butir tersebut pada permulaan setiap sesi.
- (3) Senarai kursus untuk program Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan adalah seperti mana yang dilampirkan dalam Senarai 1.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran kursus akan bermula pada minggu sebelum permulaan semester yang berkaitan.
- (2) Calon perlu mendaftar sekurang-kurangnya dua (2) jam kredit dalam setiap semester.
- (4) Calon hanya boleh mendaftar untuk kursus Projek Penyelidikan Kejururawatan I selepas beliau lulus sekurang-kurangnya tiga belas (13) jam kredit kursus teras yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (5) Calon hanya boleh mendaftar untuk kursus Projek Penyelidikan Kejururawatan II selepas beliau lulus Projek Penyelidikan Kejururawatan I.

## 6. Penyeliaan

- (1) Fakulti hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia bagi setiap calon untuk komponen penyelidikan. Penyelia-penyelia untuk calon akan dilantik selepas bidang penyelidikan diluluskan.
- (2) Penyelia bersama dan/atau pakar perunding akan dilantik apabila diperlukan.

## 7. Tajuk Penyelidikan

Bidang penyelidikan akan ditentukan sebelum calon memulakan bahagian penyelidikan dalam program pengajiannya.

## 8. Penyerahan

Calon perlu menyerahkan laporan Projek Penyelidikan Kejururawatan II sebelum tamat tempoh maksimum pencalonannya.

## 9. Peperiksaan Bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan bagi Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan hendaklah terdiri daripada satu peperiksaan atau peperiksaan bagi setiap kursus yang ditetapkan untuk program Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan seperti berikut:
  - (a) tujuh (7) kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit; semuanya berjumlah dua puluh satu (21) jam kredit;
  - (b) dua (2) kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit; semuanya berjumlah empat (4) jam kredit
  - (c) Praktikum Kejururawatan berjumlah sepuluh (10) jam kredit; dan
  - (d) projek Penyelidikan Kejururawatan I & II berjumlah sembilan (9) jam kredit.
- (2) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Kursus Yang Diajar

Komponen kursus dan markah yang diagihkan kepada komponen kursus yang ditetapkan bagi Peperiksaan hendaklah:

Komponen	Pembahagian Markah (Maksimum)
(i) Penilaian Berterusan	30% - 40%
(ii) Peperiksaan Akhir Semester	60% - 70%
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>

- (b) Kertas Penyelidikan dan Projek Praktikum
    - (i) Pembahagian markah bagi komponen kertas penyelidikan hendaklah 100% daripada penyerahan laporan secara bertulis.
    - (ii) Pembahagian markah bagi komponen projek praktikum hendaklah 100% daripada penyerahan laporan secara penilaian berterusan.
  - (c) Senat boleh atas perakuan Fakulti mengubah pembahagian markah untuk komponen sesuatu kursus bagi peperiksaan.
- (3) Keperluan Gred Kursus

Gred kursus-kursus adalah tertakluk kepada peraturan Skim Pemarkahan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.

## 10. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan lulus dalam semua peperiksaan yang ditetapkan.

**Senarai 1: Kursus-Kursus Teras**

KOD	TAJUK	JAM KREDIT
MTGW6101	Penyelidikan Kejururawatan I – Kaedah Kualitatif	3
MTGW6102	Penyelidikan Kejururawatan II – Kaedah Kuantitatif	3
MTGW6103	Asesmen Kesihatan	3
MTGW6104	Isu & Tren dalam Kejururawatan & Jagaan Kesihatan	3
MTGW6105	Praktis Reflektif dalam Kejururawatan	3
MTGW6106	Statistik Perubatan	3
MTGW6112	Modul Statistik Komputer	2
MTGW6108	Prinsip & Kaedah Epidemiologi	2
MTGW6109	Promosi Kesihatan	3
MTGW6113	Praktikum Kejururawatan	10
MTGW6160	Projek Penyelidikan Kejururawatan I	3
MTGW6161	Projek Penyelidikan Kejururawatan II	6
<b>JUMLAH</b>		<b>44</b>

Tertakluk kepada perubahan-perubahan dari masa ke masa



**Ijazah Sarjana Sains Kejururawatan  
Jadual Program**

<b>T A H U N  I I</b>	Semester II	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Satu Projek Penyelidikan Kejururawatan II berjumlah enam (6) jam kredit. Tiada calon dibenar mendaftar untuk Projek Penyelidikan Kejururawatan II kecuali beliau telah lulus Projek Penyelidikan Kejururawatan I.</li> </ul>	Peperiksaan
	Semester I	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Satu Praktikum Kejururawatan berjumlah sepuluh (10) jam kredit.</li> <li>▪ Satu Projek Penyelidikan Kejururawatan I berjumlah tiga (3) jam kredit. Tiada calon dibenar mendaftar untuk Projek Penyelidikan I kecuali beliau telah lulus sekurang-kurangnya tiga belas (13) jam kredit ditetapkan oleh Jabatan</li> </ul>	Akhir Semester II Akhir Semester I
<b>T A H U N  I</b>	Semester II	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Empat kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga (3) jam kredit, semuanya berjumlah dua belas (12) jam kredit;</li> </ul>	Peperiksaan
	Semester I	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tiga kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga (3) jam kredit, semuanya berjumlah sembilan (9) jam kredit;</li> <li>▪ Dua kursus teras berjumlah dua (2) jam kredit; semuanya berjumlah empat (4) jam kredit.</li> </ul>	Akhir Semester II Akhir Semester I  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Sains Perubatan Dalam Kesihatan Awam  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam adalah program secara kursus di mana peruntukan jam kredit bagi bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian. Selepas penyempurnaan program pengajian yang berkaitan seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual ini, calon adalah layak untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam.

### 2. **Syarat Kemasukan**

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti; atau
  - (b) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dari Universiti; atau
  - (c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dari Universiti dengan sekurang-kurangnya kepujian kelas kedua; atau
  - (d) Kelayakan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (e) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman kerja yang berkaitan.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua (2) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. **Struktur Program**

- (1) Program pengajian Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam merangkumi empat puluh (40) jam kredit yang terdiri daripada:
  - (a) tujuh kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya dua puluh satu (21) jam kredit;
  - (b) satu kursus teras berjumlah empat (4) jam kredit;
  - (c) lima kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya lima belas (15) jam kredit;atau
  - (d) tiga kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya sembilan (9) jam kredit dan satu kursus elektif yang membawa kepada satu Kertas Penyelidikan berjumlah enam (6) jam kredit.
- (2) Butir-butir kursus yang ditawarkan adalah seperti mana yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti dan calon akan dimaklumkan butir-butir tersebut pada permulaan setiap sesi.

- (3) Senarai kursus untuk program Sarjana Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam adalah seperti mana yang dilampirkan dalam Senarai 1 dan Senarai 2.

## **5. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus akan bermula pada minggu sebelum permulaan semester yang berkaitan.
- (2) Calon perlu mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) jam kredit dalam setiap semester kecuali di mana calon telah dibenarkan menarik diri daripada semester berkenaan.
- (3) Calon dibenarkan mendaftar Kertas Penyelidikan selepas ia telah menyempurnakan sekurang-kurangnya lima belas (15) jam kredit kursus teras.

## **6. Kehadiran**

Semasa program pengajiannya Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di institusi atau agensi lain yang diiktiraf oleh Fakulti.

## **7. Penyeliaan**

- (1) Fakulti hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia bagi setiap calon tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Penyelia bersama dan/atau pakar perunding boleh dilantik bila diperlukan.

## **8. Tajuk Penyelidikan**

Kertas penyelidikan bagi calon akan ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada dua bulan sebelum permulaan kertas penyelidikan.

## **9. Penyerahan**

Calon adalah dikehendaki menyerahkan kertas penyelidikan tidak lewat daripada satu bulan sebelum akhir semester berkenaan untuk diperiksa.

## **10. Peperiksaan bagi Ijazah**

- (1) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam hendaklah terdiri daripada peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan dalam setiap kursus yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam seperti berikut:
  - (a) tujuh kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah dua puluh satu (21) jam kredit;
  - (b) satu kursus teras berjumlah empat (4) jam kredit;
  - (c) lima kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah lima belas (15) jam kredit.atau
  - (d) tiga kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah sembilan (9) jam kredit dan satu kursus elektif yang membawa kepada satu Kertas Penyelidikan berjumlah enam (6) jam kredit.
- (2) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Kursus yang diajar

Komponen kursus yang diajar dan pembahagian markah untuk setiap komponen seperti yang dinyatakan bagi peperiksaan hendaklah seperti berikut:

Komponen	Pembahagian Markah (Maksimum)
(i) Penilaian Berterusan	50 %
(ii) Peperiksaan Akhir Semester	50 %
	<b>Jumlah 100 %</b>

(b) Kertas Penyelidikan

Pembahagian markah bagi komponen kertas penyelidikan hendaklah 100 % daripada penyerahan laporan secara bertulis.

(c) Senat boleh atas perakuan Fakulti, mengubah agihan markah untuk komponen sesuatu kursus bagi peperiksaan.

(3) Keperluan Gred Kursus

Gred kursus-kursus tertakluk kepada peraturan-peraturan menguasai Skim Pemarkahan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam melainkan ia telah menyempurnakan semua bahagian kursus dan lulus dalam semua peperiksaan yang ditetapkan

### Ijazah Sarjana Sains Perubatan Dalam Kesihatan Awam Jadual Program

#### Senarai 1 Kursus-Kursus Teras

KOD	TAJUK	JAM KREDIT
MOGB6107	-Prinsip dan Kaedah-Kaedah Epidemiologi	3
MOGB6108	-Metodologi Penyelidikan	3
MOGB6280	-Penyediaan Cadangan Penyelidikan*	4
MOGB6109	-Prinsip Biostatistik	3
MOGB6110	-Pengurusan dalam Kesihatan	3
MOGB6105	-Prinsip Kesihatan Keluarga	3
MOGB6106	-Masyarakat, Tingkahlaku dan Kesihatan	3
MOGR6107	-Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran	3
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>

\* Pra-syarat: MOGB6108 Metodologi Penyelidikan

**Senarai 2**  
**Kursus-Kursus Elektif**

KOD	TAJUK	JAM KREDIT
MOGB6301	Epidemiologi Penyakit-Penyakit di Malaysia	3
MOGB6302	Analisis Perkadaran dan Nisbah	3
MOGB6303	Penghasilan Bukti Saintifik Yang Kukuh	3
MOGB6304	Konsep Biostatistik Tahap Lanjutan	3
MOGB6480	Kertas Penyelidikan*	6
MOGB6305	Ekonomi Kesihatan	3
MOGB6306	Undang-Undang dan Kesihatan	3
MOGB6307	Kesihatan Wanita, Kanak-Kanak dan Remaja	3
MOGB6308	Kesihatan Wanita	3
MOGB6309	Kesihatan Kanak-Kanak dan Remaja	3
MOGB6310	Kesihatan Lelaki	3
MOGB6311	Kesihatan Warga Tua	3
MOGB6312	Kesihatan Mental	3
MOGB6313	Demografi Perubatan	3
MOGB6314	Seksual dan Kesihatan Reproduktif	3
MOGB6315	Sains Tingkahlaku	3
MOGB6316	Promosi Kesihatan	3
MOGR6301	Asas dalam Kesihatan Awam	3
MOGR6302	Pemakanan Kesihatan Awam	3
MOGR6303	Siasatan Kualitatif dalam Kesihatan Awam	3
MOGR6304	Penilaian Risiko Kesihatan	3

dan mana-mana kursus lain yang diluluskan oleh Fakulti

\* Pra-syarat: MOGB6108 Metodologi Penyelidikan

JUMLAH: 15 jam kredit

**Nota:**

Kursus elektif dalam setiap semester akan berubah-ubah dari semester ke semester.

**Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Kesihatan Awam**  
**Jadual Program**

Semester 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuh kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah dua puluh satu (21) jam kredit.</li> <li>• Satu kursus teras berjumlah empat (4) jam kredit.</li> <li>• Lima kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya berjumlah lima belas (15) jam kredit.</li> </ul> <p>atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiga kursus elektif yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit, semuanya sembilan (9) jam kredit dan satu kursus elektif yang membawa kepada satu Kertas Penyelidikan berjumlah enam (6) jam kredit.</li> </ul>	Peperiksaan
Semester 1		<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Akhir Semester 1</li> <li>(ii) Akhir Semester 2</li> </ul> <p>Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)</p>

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian. Selepas penyempurnaan program pengajian yang berkaitan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual ini, calon adalah layak untuk dianugerahkan ijazah seperti berikut:

- (a) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal; dan
- (b) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan yang dipilih oleh calon, mengikut mana yang berkenaan.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun latihan yang diselia selepas pendaftaran penuh perubatan, dalam makmal perubatan patologi yang diluluskan oleh Fakulti, atau sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman alternatif seperti yang di perakukan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal
  - (a) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua tahun.
  - (b) Tempoh maksimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan
  - (a) Tempoh minimum pengajian adalah selama tiga tahun.
  - (b) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal  
Program Pengajian mengambil masa dua tahun dan mengandungi:

- (a) pengajian dan kerja praktikal bergilir dalam disiplin Patologi Klinikal seperti berikut:
    - (i) Patologi Anatomi termasuk Autopsi;
    - (ii) Hematologi termasuk Perubatan Transfusi;
    - (iii) Patologi Kimia;
    - (iv) Mikrobiologi Perubatan (termasuk Bakteriologi, Mikologi, Imunologi dan Virologi) dengan Parasitologi;
 dan
  - (b) tugas seperti yang ditetapkan dalam buku log termasuk laporan penempatan.
- (2) Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan
- Program Pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:
- (a) Peringkat I yang membawa kepada ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dan mengikuti program pengajian seperti diperuntukan di bawah perenggan 4(1) Jadual ini.
  - (b) Peringkat II yang mengambil masa satu tahun dan mengandungi pengajian lanjutan serta kerja praktikal dalam mana-mana satu bidang pengkhususan dalam bidang patologi klinikal yang berikut:

Histopatologi  
 Hematologi  
 Patologi Kimia  
 Mikrobiologi Perubatan  
 Patologi Forensik  
 Sitopatologi

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.
- (2) Calon boleh dibenarkan mendaftar terus untuk Peringkat II program pengajian bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan sekiranya ia:
  - (a) (i) mempunyai ijazah Sarjana dalam Patologi Klinikal atau kelayakan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (ii) mempunyai, pada tahun sebelumnya, sekurang-kurangnya enam bulan pengalaman praktikal dalam subjek pengkhususan yang ia telah pilih untuk diikuti bagi Peringkat II program pengajian;
 atau
- (b) dalam sesi akademik sebelumnya, telah lulus Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (3) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Penyerahan

Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan laporan penempatannya pada penghujung latihan, tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal.

## 9. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal
  - (b) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan
- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal kecuali ia telah menyempurnakan dengan memuaskan semua penempatan bagi Peringkat I program pengajian, menyempurnakan semua tugas yang dikehendaki sepertimana yang ditentukan dalam buku log dan telah menyerahkan buku log dan laporan penempatan kepada Jabatan Patologi tidak lewat daripada satu bulan sebelum Peperiksaan tersebut.
- (3) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan kecuali ia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan bagi Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal. Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal sekiranya ia mempunyai ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal daripada Universiti atau kelayakan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat.
- (4) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat I program pengajian. Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat II program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
  - (a) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal

Komponen Peperiksaan dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MKGS6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan/Esei 100
	MKGS6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan/Esei 100
		Jumlah 200
B.	Praktikal	
	MKGS6111 Praktikal 1	Ujian Objektif Berstruktur 100
	MKGS6112 Praktikal 2	Ujian Objektif Berstruktur 100
		Jumlah 200



C.	MKGS6121	Peperiksaan Viva	100
D.	MKGS6131	Kerja Kursus Penilaian Penempatan	100
<b>Jumlah Besar</b>			<b><u>600</u></b>

- (b) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan.

Komponen Peperiksaan dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis	
	MKGS6236 Kertas 1	Esei dan/atau Soalan Jawapan Pendek 200
	MKGS6237 Kertas 2	Esei dan/atau Soalan Jawapan Pendek <u>200</u>
		Jumlah 400
B.	MKGS6243	Praktikal 400
C.	MKGS6250	Peperiksaan Viva 100
D.	MKGS6266	Kerja kursus Penilaian Penempatan <u>100</u>
<b>Jumlah Besar <u>1000</u></b>		

- (6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi -

- (a) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal -
- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
  - (ii) tidak kurang daripada 50% markah bagi komponen praktikal dalam Peperiksaan tersebut.
- (b) Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan
- (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
  - (ii) tidak kurang daripada 50% markah bagi komponen praktikal dalam Peperiksaan tersebut.

- (7) Mengulang Peperiksaan

- (a) Peperiksaan Semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal
- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal boleh dibenarkan peperiksaan semula selepas tempoh satu tahun.
  - (ii) Peperiksaan Semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal hendaklah mengandungi komponen dan pembahagian markah sepertimana yang dinyatakan di bawah dan hendaklah dinilai serta digred mengikut cara yang sama sepertimana yang ditetapkan untuk Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal.

	<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis		
	MKGS6101 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan/Esei	100
	MKGS6102 Kertas 2	Soalan Pelbagai Pilihan/Esei	<u>100</u>
		Jumlah	200
B.	Praktikal		
	MKGS6111 Praktikal 1	Ujian Objektif Berstruktur	100
	MKGS6112 Praktikal 2	Ujian Objektif Berstruktur	<u>100</u>
		Jumlah	200
C.	Peperiksaan Viva		<u>100</u>
		<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>500</u></b>

- (iii) Walau apapun yang dinyatakan dalam perenggan 10(7)(a) diatas, calon yang telah gagal hanya komponen praktikal dalam Peperiksaan tersebut boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali. Dalam keadaan itu, peperiksaan semula hendaklah mengandungi komponen praktikal dan peperiksaan viva sahaja.
- (iv) Calon yang telah gagal peperiksaan semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal pada kali kedua tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (v) Calon yang telah lulus Peperiksaan Semula hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal.
- (b) Peperiksaan Semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan
- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan boleh dibenarkan peperiksaan semula selepas tempoh satu tahun.
- (ii) Peperiksaan Semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan hendaklah mengandungi komponen dan pembahagian markah sepertimana yang dinyatakan di bawah dan hendaklah dinilai serta digred mengikut cara yang sama sepertimana yang ditetapkan untuk Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan.

	<b>Komponen</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Pembahagian Markah (Maksimum)</b>
A.	Bertulis		
	MKGS6236 Kertas 1	Esei dan/atau Soalan Jawapan Pendek	200
	MKGS6237 Kertas 2	Esei dan/atau Soalan Jawapan Pendek	<u>200</u>
		Jumlah	400
B.	MKGS6243 Praktikal		400
C.	MKGS6250 Peperiksaan Viva		<u>100</u>
		<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>900</u></b>

- (iii) Walau apapun yang dinyatakan dalam peraturan 10(7)(b) diatas, calon yang telah gagal Peperiksaan tersebut hanya dalam komponen praktikal boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali. Dalam keadaan itu, peperiksaan semula hendaklah mengandungi komponen praktikal dan peperiksaan viva sahaja.

- (iv) Calon yang telah gagal peperiksaan semula bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan pada kali kedua tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (v) Calon yang telah lulus Peperiksaan Semula hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan.

## 10. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal atau Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dan Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

(a) Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dengan Cemerlang jika ia -

- (i) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal;
- (ii) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (iii) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

(b) Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan dengan Cemerlang jika ia:

- (i) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan bagi ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan;
- (ii) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (iii) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal**  
**Ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal dalam Pengkhususan**  
**Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I  I</b>	Tahun 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengambil masa satu tahun dan mengandungi pengajian lanjutan serta kerja praktikal dalam mana-mana satu bidang pengkhususan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Histopatologi</li> <li>• Hematologi</li> <li>• Patologi Kimia</li> <li>• Mikrobiologi Perubatan</li> <li>• Patologi Forensik</li> <li>• Sitopatologi</li> </ul> </li> </ul>	Peperiksaan MMedScClinPath (Pengkhususan)	
			Pendaftaran (Pengkhususan)	
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 2	Penempatan bergilir-gilir selama 14 minggu tiap-tiap satunya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Patologi Anatomi</li> <li>• Hematologi</li> </ul>	Peperiksaan MMedScClinPath (Minggu akhir bulan April) (4 minggu cuti sebelum Peperiksaan MMedScClinPath)
		Penempatan bergilir-gilir selama 7 minggu tiap-tiap satunya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Patologi Kimia</li> <li>• Mikrobiologi Perubatan</li> </ul>	
	Tahun 1	Penempatan bergilir-gilir selama 10 minggu tiap-tiap satunya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Patologi Anatomi</li> <li>• Hematologi</li> <li>• Patologi Kimia</li> <li>• Mikrobiologi Perubatan/ Parasitologi</li> </ul>	

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Surgeri  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Surgeri adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

Program pengajian terdiri daripada tiga peringkat seperti berikut:

- (1) Fasa I, mengandungi -
  - (a) penempatan enam (6) bulan dalam Surgeri Am termasuk kursus dalam Sains Asas Gunaan dan Prinsip Surgeri;
  - (b) pilihan samada enam (6) bulan lagi dalam Surgeri Am ATAU dua penempatan tiga (3) bulan dalam Trauma dan Kecemasan, Surgeri Ortopedik, Rawatan Rapi, Anestesiologi, Obstetrik & Ginekologi, dan Radiologi atau mana-mana pengkhususan surgeri yang tidak terdapat dalam Fasa II, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Surgeri dan Fakulti Perubatan
  - (c) permulaan projek penyelidikan

- (2) Fasa II, mengandungi -
  - (a) dua belas (12) bulan giliran dalam bidang pengkhususan surgery, merangkumi empat (4) posting selama tiga (3) bulan setiap satunya: dua posting wajib dalam Urologi dan Neurosurgery, dan dua lagi posting dalam mana-mana satu yang berikut: Surgery Kardiothoracic atau Perubatan Rawatan Kritikal, Surgery Plastik dan Rekonstruktif, Surgery Pediatrik;
  - (b) penerusan projek penyelidikan.
- (3) Fasa III, mengandungi –
  - (a) dua puluh empat (24) bulan dalam Surgery am termasuk giliran dalam pengkhususan seperti Colorectal, Upper GI, Hepatobiliari, Payudara dan Endokrin dan Vaskular.
  - (b) Penyerahan laporan penyelidikan.
- (4) Calon hendaklah menyimpan buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugasan yang dijalani.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku log dan laporan penempatannya pada setiap enam bulan untuk penilaian oleh Jabatan di Fakulti yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
  - (b) Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon hanya dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir sekiranya ia telah:
  - (a) lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I
  - (b) lulus penilaian tahunan klinikal,
  - (c) menyerahkan tiga 'case write-ups' yang memuaskan, dan
  - (d) menyerahkan laporan penyelidikan yang telah dinilai sebagai mencapai tahap yang mencukupi tidak lewat dari tiga bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (3) Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I sekiranya ia telah lulus-
  - (a) Section A of the Primary Fellowship mana-mana satu daripada Royal Colleges yang berikut:
    - (i) The Royal College of Surgeons of Edinburgh
    - (ii) The Royal College of Surgeons of England
    - (iii) The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow
    - (iv) The Royal College of Surgeons in Irelandatau
  - (b) Sections B and C of the Primary Fellowship mana-mana satu daripada Royal Colleges yang berikut:
    - (i) The Royal College of Surgeons of Edinburgh
    - (ii) The Royal College of Surgeons of England
    - (iii) The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow
    - (iv) The Royal College of Surgeons in Ireland
- (4) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung enam bulan yang pertama Fasa I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Fasa III program pengajian.
- (5) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah

- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Peperiksaan Bertulis	
	MSGD6101 Kertas 1 Soalan Esei	300
	MSGD6102 Kertas 2 Soalan Pelbagai Pilihan	200
	MSGD6103 Kertas 3 Soalan Pelbagai Pilihan	<u>200</u>
	Jumlah	700
B.	Peperiksaan Viva	
	MSGD6121 Anatomi	100
	MSGD6122 Fisiologi dan Prinsip Surgeri	100
	MSGD6123 Patologi (termasuk Mikrobiologi Perubatan)	<u>100</u>
	Jumlah	<u>300</u>
	<b>Jumlah Besar</b>	<b><u>1000</u></b>

Seseorang calon yang memperoleh markah kurang dari 50% bagi komponen teori, Peperiksaan Bahagian I tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Viva Voce.

(b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Pemarkahan komponen A menggunakan sistem terbuka pada skala berterusan dimana jumlah markah maksimum untuk Kertas 1 dan Kertas 2 ialah 360.

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MSGD6236 Kertas 1	180
	MSGD6237 Kertas 2	<u>180</u>
	Jumlah	360

Pemarkahan Komponen B dan C menggunakan sistem tertutup, dimana kategori markah adalah seperti berikut:

12	: Cemerlang
11	: Lulus dengan baik
10	: Lulus
9	: Markah Pinggiran
8	: Gagal

Bilangan markah untuk Viva voce	: 16
Markah maksimum untuk Viva voce	: 16 x 12 = 192
Markah lulus untuk Viva voce	: 16 x 10 = 160

Bilangan markah untuk Klinikal – Kes panjang	: 6
Markah maksimum untuk Klinikal - Kes panjang	: 6 x 12 = 72
Markah lulus untuk Klinikal - Kes panjang	: 6 x 10 = 60

Bilangan markah untuk Klinikal - Kes pendek	: 9
Markah maksimum untuk Klinikal - Kes pendek	: 9 x 12 = 108
Markah lulus untuk Klinikal - Kes pendek	: 9 x 10 = 90

B. Viva Voce		
MSGD6250	PrinsipSurgeri (termasuk rawatan kritikal) 1	40
	PrinsipSurgeri (termasuk rawatan kritikal) 2	40
MSGD6251	Pathologi Surgikal	40
MSGD6252	Surgeri Operatif	<u>40</u>
	Jumlah diperlukan untuk lulus komponen:	<u>160</u>

C. Klinikal		
MSGD6243	Kes panjang 1	30
	Kes panjang 2	<u>30</u>
	Jumlah diperlukan untuk lulus komponen:	<u>60</u>

MSGD6244	Kes pendek	<u>90</u>
	Jumlah diperlukan untuk lulus komponen:	<u>90</u>

(6) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperoleh –



- (a) Peperiksaan Bahagian I
  - (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul bagi semua komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
  - (ii) 50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut; dan
  - (iii) markah minimum 45% dalam setiap viva; dan
  - (iv) markah 50% atau lebih dalam sekurang-kurangnya dua viva
  
- (b) Peperiksaan Akhir
  - (i) 50% atau lebih daripada markah agregat terkumpul untuk Komponen A; dan
  - (ii) Markah lulus untuk Komponen B; dan
  - (iii) Markah lulus untuk setiap bahagian komponen C, iaitu kes panjang dan pendek mesti lulus secara berasingan.

Nota: Calon yang memperolehi kurang daripada 50% markah agregat terkumpul dalam komponen A tidak layak untuk menduduki komponen B dan C.

(7) Mengulang Peperiksaan

- (a) Peperiksaan Semula Bahagian I
  - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan (6) pada tiap-tiap kali.
  - (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I. Walau bagaimanapun, calon yang pernah lulus komponen bertulis tidak perlu menduduki semula komponen ini semasa Peperiksaan Semula Bahagian I.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
  
- (b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir
  - (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan menduduki peperiksaan semula setiap enam (6) bulan sehingga tempoh maksimum pencalonan iaitu tujuh (7) tahun telah tamat.
  - (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir. Walau bagaimanapun, calon yang telah lulus Komponen A semasa peperiksaan terdahulu tidak dikehendaki mengulangi komponen tersebut dalam dua Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir yang berikutnya. Sekiranya calon gagal dalam dua Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir calon dikehendaki untuk menduduki semula

komponen A dalam percubaan Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir kali ketiga.

- (iii) Calon yang gagal Peperiksaan Semula peperiksaan akhir buat kali terakhir yang dibenarkan dalam tempoh maksimum pengajian hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Surgeri melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia -

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Surgeri dengan Cemerlang jika ia -

- (i) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (ii) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (iii) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

**Ijazah Sarjana Surgeri  
Jadual Program**

<b>F A S A  III</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surgeri Am</li> <li>▪ Penempatan Bergilir-gilir Pengkhususan Surgeri (24 bulan)</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
<b>F A S A  II</b>	Tahun 3  Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penempatan Bergilir-gilir dalam bidang pengkhususan kecil (12 bulan)</li> <li>▪ Surgeri Am (6 bulan)</li> </ul>	
<b>F A S A  I</b>	Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surgeri Am (6 bulan)</li> <li>▪ Perubatan Kecemasan &amp; Kemalangan (3 bulan)</li> <li>▪ Surgeri Ortopedik atau Surgeri – berkaitan dengan posting elektif (3 bulan)</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I (6 bulan yang pertama selepas pendaftaran permulaan program)  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Surgeri Ortopedik  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Sarjana Surgeri Ortopedik adalah program secara kursus klinikal di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan kurang daripada tiga puluh (30) peratus bagi keseluruhan program pengajian.

### 2. Syarat Kemasukan

- (1) Kelayakan masuk
  - (a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; dan
  - (b) Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Syarat lain
  - (a) Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan
  - (b) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat tahun.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama tujuh tahun.

### 4. Struktur Program

- (1) Program Pengajian terdiri daripada dua peringkat seperti berikut:
  - (a) Peringkat I mengandungi dua puluh empat (24) bulan latihan dalam sains perubatan asas dangunaan, prinsip surgeri, surgeri ortopedik asas dan Tromatologi Ortopedik.
  - (b) Peringkat II mengandungi dua puluh empat (24) bulan latihan dalam Surgeri Ortopedik termasuk giliran dalam pengkhususan kecil berikut:
    - Pembedahan Spina
    - Ortopedik Onkologi
    - Ortopedik Pediatrik
    - Pembedahan anggota atas dan mikro surgeri rekonstruktif
    - Pembedahan Artroskopi, persukanan dan rekonstruksi sendi
    - Atroplasti (Penggantian sendi)
    - Tromatologi Ortopedik
    - Pemanjangan dan rekonstruksi anggota
- (2) Calon adalah dikehendaki menyimpan buku log sepanjang tempoh pengajiannya untuk mencatatkan tugasan yang dijalani.

- (3) Tiada calon dibenarkan meneruskan pengajian ke Peringkat II program pengajian kecuali ia telah lulus Peperiksaan Bahagian I.

## 5. Pendaftaran Kursus

Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum permulaan sesi akademik.

## 6. Kehadiran

Semasa program pengajiannya -

- (1) Calon boleh dibenarkan menjalankan sebahagian daripada latihannya di hospital atau pusat lain yang diiktiraf oleh Fakulti;
- (2) Calon yang tidak hadir bagi tempoh yang melebihi empat puluh dua (42) hari dalam mana-mana tahun akademik adalah dikehendaki menjalankan tempoh latihan lanjutan yang ditentukan oleh Fakulti; tertakluk kepada tempoh latihan lanjutan itu hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum pencalonan.

## 7. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas pendaftaran calon.
- (2) Seorang perunding hendaklah dilantik untuk calon yang menjalani sebahagian daripada program pengajiannya di luar Universiti. Perunding tersebut hendaklah dilantik tidak lewat daripada dua bulan selepas calon telah memulakan latihannya di tempat luar.

## 8. Tajuk Penyelidikan

Projek penyelidikan bagi calon hendaklah ditetapkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan penyelidikan.

## 9. Penyerahan

- (1) Calon adalah dikehendaki menyerahkan buku lognya tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir.
- (2) Calon adalah dikehendaki menyerahkan laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir.

## 10. Peperiksaan bagi Ijazah

- (1) Peperiksaan yang membawa kepada ijazah hendaklah seperti berikut:

- (a) Peperiksaan Bahagian I; dan
- (b) Peperiksaan Akhir.

Calon boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Bahagian I jika calon telah lulus *the Part I Fellowship Examination of the Royal Australasian College of Surgeons*.

- (2) Tiada calon dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir kecuali ia telah menyerahkan -
  - (a) buku lognya yang mengandungi pembedahan yang diperhatikan, dibantu dan dilakukan sendiri sepanjang kursus dan 10 laporan kes yang telah diuruskan dengan seliaan di dalam berbagai sub-kepakaran untuk disahkan oleh penyeliannya dan dianggap memuaskan oleh panel penilai yang dilantik oleh Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tersebut, tidak lewat daripada dua bulan sebelum Peperiksaan Akhir; dan

- (b) laporan penyelidikannya tidak lewat daripada enam bulan sebelum Peperiksaan Akhir. Laporan penyelidikan mesti disahkan memuatkan oleh panel penilai yang dilantik oleh Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon tersebut sebelum calon tersebut dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir.
- (3) Peperiksaan Bahagian I hendaklah diadakan pada penghujung enam bulan yang pertama Peringkat I program pengajian. Peperiksaan Akhir hendaklah diadakan pada penghujung Peringkat II program pengajian.
- (4) Komponen Peperiksaan dan Pembahagian Markah
- (a) Peperiksaan Bahagian I

Komponen Peperiksaan Bahagian I dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Peperiksaan Bertulis	
	MRGJ6104 Kertas 1	Soalan Pelbagai Pilihan
		Jumlah
		<u>100</u>
B.	MRGJ6124	OSCE
	MRGJ6125	Viva 1 Anatomi
	MRGJ6126	Viva 2 Fisiologi
	MRGJ6127	Viva 3 Patologi, Prinsip Pembedahan, Biobahan Dan Biomekanik
		Jumlah
		<u>400</u>
		<b>Jumlah Besar</b>
		<b><u>500</u></b>

Seorang calon yang perolehi markah kurang daripada 50% dalam komponen teori bagi Peperiksaan Bahagian I tidak akan dibenarkan menduduki komponen viva voce.

- (b) Peperiksaan Akhir

Komponen Peperiksaan Akhir dan pembahagian markah untuk setiap komponen hendaklah seperti berikut:

Komponen	Deskripsi	Pembahagian Markah (Maksimum)
A.	Bertulis	
	MRGJ6236 Kertas 1	Esei
	MRGJ6237 Kertas 2	Esei
	MRGJ6238 Kertas 3	Satu Jawapan Terbaik (BAQ)
		Jumlah
		<u>200</u>
B.	Klinikal	
	MRGJ6243	Kes Panjang
	MRGJ6244	Kes Pendek
		Jumlah
		<u>200</u>
C.	Peperiksaan Viva dan OSCE	
	MRGJ6251 OSCE:	Patologi, Biomekanik dan Implan Ortotik dan Prostetik, Pengimejan
		100
	MRGJ6252 Viva Voce	Cara-cara dan Prinsip Pembedahan Ortopedik
		100
	MRGJ6253 Viva Voce	Pembedahan Ortopedik
		<u>100</u>
		Jumlah
		<u>300</u>

(5) Syarat untuk Lulus Peperiksaan

Calon hendaklah dianggap telah lulus peperiksaan yang ditetapkan di bawah sekiranya ia telah memperolehi:-

(a) Peperiksaan Bahagian I

(1) Komponen A

- (i) Jumlah markah bagi peperiksaan Komponen A adalah 100 markah. Markah lulus bagi Komponen ini adalah 50 atau 50%.
- (ii) Hanya calon yang lulus Komponen A sahaja yang dibenar untuk meneruskan ke Komponen B.

(2) Komponen B

- (i) Jumlah markah untuk Peperiksaan OSCE ialah 100 markah. Markah lulus bagi peperiksaan OSCE ini adalah 70 markah atau 70%.
- (ii) Markah keseluruhan untuk tiga viva ialah 300 markah (100 markah bagi setiap viva)
- (iii) Markah lulus bagi setiap viva adalah 50 markah atau 50%
- (iv) Markah lulus keseluruhan untuk tiga viva adalah 150 markah atau 50%

(b) Peperiksaan Akhir

50% atau lebih daripada markah bagi setiap komponen dalam Peperiksaan tersebut.

Markah minimum 40% untuk kes panjang dan kes pendek dalam komponen klinikal.

(6) Mengulang Peperiksaan

(a) Peperiksaan Semula Bahagian I

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Bahagian I boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.
- (ii) Peperiksaan Semula Bahagian I hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Bahagian I.
- (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Bahagian I dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.

(b) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir

- (i) Calon yang telah gagal Peperiksaan Akhir boleh dibenarkan peperiksaan semula sebanyak dua kali secara berasingan selepas enam bulan pada tiap-tiap kali.

- (ii) Peperiksaan Semula Peperiksaan Akhir hendaklah mengandungi komponen yang sama dan hendaklah dinilai dan digred mengikut cara yang sama seperti mana yang ditetapkan bagi Peperiksaan Akhir.
  - (iii) Calon yang gagal peperiksaan semula pada kali kedua hendaklah dianggap telah gagal Peperiksaan Akhir dan tidak dibenarkan mengulang program pengajian kecuali dalam keadaan khas atas perakuan Fakulti Perubatan dan dengan kelulusan Senat.
- (c) Calon yang telah lulus peperiksaan semula bagi Peperiksaan yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap telah lulus Peperiksaan yang ditetapkan.

## 11. Pengijazahan

Tiada calon akan diperakukan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Surgeri Ortopedik melainkan ia telah menyempurnakan segala bahagian kursus, menyempurnakan tempoh minimum pengajian dan telah lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan.

### (1) Penganugerahan Lulus dengan Cemerlang bagi Peperiksaan

Calon boleh dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Bahagian I atau Peperiksaan Akhir jika ia –

- (a) telah memperolehi 75% atau lebih daripada markah agregat dalam setiap Peperiksaan yang ditetapkan;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.

### (2) Penganugerahan Ijazah dengan Cemerlang

Calon boleh dianugerahkan ijazah Sarjana Surgeri Ortopedik dengan Cemerlang jika ia -

- (a) telah lulus dengan Cemerlang dalam Peperiksaan Akhir;
- (b) tidak gagal dalam mana-mana komponen Peperiksaan yang ditetapkan;
- (c) tidak mengulang Peperiksaan yang ditetapkan atau mana-mana bahagian program pengajian kecuali atas alasan perubatan atau perikemanusiaan yang diterima oleh Fakulti.



**Ijazah Sarjana Operasi Ortopedik  
Jadual Program**

<b>P E R I N G K A T  I I</b>	Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Latihan dalam Operasi Ortopedik termasuk giliran dalam pengkhususan kecil berikut dan projek penyelidikan:   Pembedahan Spina  Ortopedik Onkologi  Ortopedik Pediatrik  Pembedahan anggota atas dan mikro operasi rekonstruktif  Pembedahan Artroskopi, persukanan dan rekonstruksi sendi  Atroplasti (Penggantian sendi)  Tromatologi Ortopedik  Pemanjangan dan rekonstruksi anggota</li> </ul>	Peperiksaan Akhir
	Tahun 3		
<b>P E R I N G K A T  I</b>	Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Operasi Ortopedik (Sains Perubatan Asas dan Gunaan, Prinsip Operasi, Operasi Ortopedik Asas dan Tromatologi)</li> </ul>	Peperiksaan Bahagian I (6 bulan yang pertama selepas pendaftaran permulaan program)  Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)
	Tahun 1		

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Sains Perubatan  
**Mod :** Secara Penyelidikan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. **Klasifikasi Program**

Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan yang ditawarkan adalah Program secara Penyelidikan di mana peratusan bahagian penyelidikan merupakan seratus peratus (100%) program pengajian berkenaan.

### 2. **Syarat Kemasukan**

Kelayakan bagi kemasukan program pengajian Ijazah hendaklah seperti berikut:

- (1) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan atau Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dari Universiti; atau
- (2) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang berkaitan dan PNGKnya tidak kurang daripada 3.0 (atau setaraf dengannya), atau
- (3) Kelayakan lain setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa, dan
- (4) Menunjukkan bukti yang mencukupi tentang latihan dan keupayaan untuk mengikuti program pengajian Ijazah; serta
- (5) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. **Tempoh Pengajian**

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama dua (2) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. **Struktur Program**

Struktur program pengajian untuk Ijazah adalah seperti berikut:

- (1) Program ini merupakan program penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan satu disertasi dan formatnya adalah sepertimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.
- (2) Di mana Fakulti menganggap ianya perlu, calon boleh dikehendaki mengikuti atau mengikuti dan lulus kursus atau kursus-kursus sepertimana yang ditentukan oleh Fakulti.

### 5. **Pendaftaran Kursus**

Melainkan ia telah dibenarkan menarik diri dari semester berkenaan, calon bagi program secara Penyelidikan yang disyaratkan mengikuti atau mengikuti dan lulus mana-mana kursus berkenaan dikehendaki mendaftar kursus atau kursus-kursus berkenaan dalam semester di mana kursus atau kursus-kursus tersebut ditawarkan.

**6. Penyeliaan**

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik semasa bidang penyelidikan diluluskan.
- (2) Penyelia bersama dan/atau perunding boleh dilantik pada bila-bila masa apabila diperlukan.

**7. Tajuk Penyelidikan**

Bidang penyelidikan bagi disertasi hendaklah ditetapkan semasa calon diterima masuk ke program pengajian ini.

**8. Penyerahan**

- (1) Calon yang disyaratkan mengikuti mana-mana kursus yang ditetapkan tidak dibenar menyerahkan disertasinya sehingga disahkan oleh Dekan bahawa beliau telah mengikuti kursus atau kursus-kursus tersebut dengan memuaskan.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasinya untuk pemeriksaan dalam tempoh pencalonannya.

**Nama Program:** Ijazah Sarjana Sains Perubatan  
**Mod :** Secara Kursus & Penyelidikan  
**Fakulti :** Fakulti Perubatan

### 1. Klasifikasi Program

Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan yang ditawarkan adalah Program secara Kursus dan Penyelidikan, dimana peruntukan jam kredit untuk bahagian penyelidikan merupakan tujuh puluh peratus (70%) atau lebih daripada jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian berkenaan.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan bagi kemasukan program pengajian Ijazah hendaklah seperti berikut:

- (1) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan atau Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dari Universiti; atau
- (2) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang berkaitan dan PNGKnya tidak kurang daripada 3.0 (atau setaraf dengannya), atau
- (3) Kelayakan lain setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa, dan
- (4) Menunjukkan bukti yang mencukupi tentang latihan dan keupayaan untuk mengikuti program pengajian Ijazah; serta
- (5) Memuaskan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap program pengajian calon dalam suatu Penilaian Kemasukan yang diiktiraf oleh Fakulti.

### 3. Tempoh Pengajian

- (1) Tempoh minimum pengajian adalah selama empat (4) semester.
- (2) Tempoh maksimum pengajian adalah selama lapan (8) semester.

### 4. Struktur Program

Struktur program pengajian untuk Ijazah adalah seperti berikut:

- (1) Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan Secara Kursus dan Penyelidikan mengandungi 56 jam kredit dan terdiri daripada dua bahagian iaitu:
  - (a) Bahagian I mengandungi enam (6) kursus teras berjumlah enam belas (16) jam kredit;
  - (b) Bahagian II yang melibatkan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan satu disertasi yang berjumlah 40 jam kredit;
- (2) Butir-butir kursus yang ditawarkan adalah sepertimana yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa atas perakuan Fakulti dan dimaklumkan kepada calon pada permulaan setiap sesi.
- (3) Senarai kursus untuk program Sarjana Sains Perubatan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Senarai I.

- (4) Gred kursus-kursus adalah tertakluk kepada peraturan Skim Pemarkaan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010.

## 5. Pendaftaran Kursus

- (1) Pendaftaran untuk program pengajian akan bermula pada minggu sebelum semester berkenaan bermula.
- (2) Calon adalah dikehendaki mendaftar sekurang-kurangnya 9 jam kredit kursus pada mana-mana semester kecuali :-
  - (a) pada semester terakhir program pengajiannya di mana ia boleh mendaftar kredit kurang daripada yang dinyatakan di atas; atau
  - (b) dimana calon telah dibenarkan menarik diri dari semester berkenaan.
- (3) Calon hanya boleh mendaftar untuk Bahagian II program pengajian selepas ia telah mendapat sekurang-kurangnya sembilan jam kredit.

## 6. Penyeliaan

- (1) Penyelia bagi calon hendaklah dilantik semasa bidang penyelidikan diluluskan.
- (2) Penyelia bersama dan/atau perunding boleh dilantik pada bila-bila masa apabila diperlukan.

## 7. Tajuk Penyelidikan

Bidang penyelidikan bagi disertasi hendaklah ditetapkan sebelum calon memulakan bahagian penyelidikan bagi program pengajiannya.

## 8. Penyerahan

- (1) Calon hanya dibenarkan menyerahkan disertasinya setelah menjalani penyelidikan selama sekurang-kurangnya satu semester selepas pendaftaran bahagian penyelidikan.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasinya untuk pemeriksaan dalam tempoh pencalonannya.

### Senarai 1

#### Kursus Teras (Modul Fisiologi)\*

KOD	TAJUK	JAM KREDIT
MWGN6108	Fisiologi Manusia I	3
MWGN6107	Fisiologi Manusia II	3
MWGN6109	Fisiologi Perubatan Lanjutan	3
MQQQ6112	Biostatistik	2
MWGN6170	Seminar dan Tinjauan Literatur I	2
MWGN6173	Seminar dan Tinjauan Literatur II	3
MWGN6181	Disertasi	40
<b>JUMLAH</b>		<b>56</b>

\*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

**Ijazah Sarjana Sains Perubatan Secara Kursus dan Penyelidikan  
Jadual Program**

<b>B A H A G I A N  I I</b>	Semester II	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Disertasi (progresif – lima belas (15) jam kredit).</li> </ul>	Peperiksaan
	Semester I	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Disertasi (progresif – dua puluh (20) jam kredit);</li> <li>▪ Calon hanya boleh mendaftar untuk Bahagian II program pengajian selepas beliau memperolehi sekurang-kurangnya sembilan (9) jam kredit kursus teras.</li> </ul>	
<b>B A H A G I A N  I</b>	Semester II	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Disertasi (progresif – lima (5) jam kredit);</li> <li>▪ tiga kursus teras yang setiap satunya berjumlah tiga (3) jam kredit, semuanya berjumlah sembilan (9) jam kredit.</li> </ul>	Peperiksaan  Akhir Semester II Akhir Semester I
	Semester I	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ satu kursus teras tiga (3) jam kredit;</li> <li>▪ dua kursus teras yang setiap satunya berjumlah dua (2) jam kredit, semuanya berjumlah empat (4) jam kredit.</li> </ul>	Pendaftaran (Penilaian Kemasukan)

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 1997**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2012**

**SUSUNAN KAEDAH**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Kaedah

1. Nama, mula berkuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**

3. Program pengajian
4. Syarat kemasukan

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran sebagai calon

**BAHAGIAN IV  
BAYARAN**

6. Yuran dan bayaran lain
7. Hak mengubah kadar yuran dan bayaran lain

**BAHAGIAN V  
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

8. Tempoh program pengajian
9. Tempoh minimum dan tempoh maksimum

**BAHAGIAN VI  
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

10. Struktur program pengajian

**BAHAGIAN VII  
SYARAT BAHASA**

11. Syarat bahasa Malaysia
12. Syarat bahasa Inggeris

**BAHAGIAN VIII  
PEPERIKSAAN**

13. Peperiksaan

**BAHAGIAN IX  
PENGIJAZAHAN**

14. Syarat pengijazahan

**BAHAGIAN X  
AM**

15. Kemasukan pelajar pemerhati
16. Penamatan pencalonan
17. Kuasa Senat membuat peraturan
18. Pengecualian
19. Pematuhan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti



**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 1997**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31 dan subseksyen 32(1) Perlembagaan Universiti Malaya 1997 [P.U. (A) 107], Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama, mula berkuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2012** dan hendaklah berkuat kuasa mulai sesi akademik **2012 /2013**.
- (2) Kaedah-kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam yang diterima masuk sebelum dan pada sesi akademik **2012/2013** dan selepas itu.

**Tafsiran**

2. Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

"bilik peperiksaan" ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

"calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian Ijazah;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Perubatan Universiti;

"Fakulti" ertinya Fakulti Perubatan Universiti;

"Ijazah" ertinya Ijazah Doktor Kesihatan Awam Universiti;

"Jabatan" ertinya Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan Fakulti;

"Jawatankuasa Pemeriksa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk maksud menimbang dan menilai keputusan peperiksaan calon sepertimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan kepada Kaedah-Kaedah ini;

"Ketua Jabatan" ertinya Ketua di Jabatan Fakulti;

"kursus" ertinya satu unit pengajian atau latihan yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan;

"Kursus internship" ertinya latihan penempatan wajib yang perlu dijalankan oleh calon untuk suatu tempoh masa dan dimana-mana organisasi seperti yang ditetapkan oleh Jabatan.

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

"pemeriksa dalam" ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus itu atau tesis calon;

"pemeriksa luar" ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Senat untuk memeriksa kursus program pengajian Ijazah atau tesis calon;  
"Pendaftar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13(1) Perlembagaan;

"pengawas" ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Dekan Fakulti untuk mengawas peperiksaan program pengajian Ijazah;

"penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan kakitangan akademik Universiti dan termasuk Profesor Emeritus Universiti, Profesor Adjung Universiti, penyelidik pasca-doktoral atau felo penyelidik untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"penyelia bersama" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan kakitangan akademik yang telah meninggalkan perkhidmatan Universiti di mana khidmat seliaannya masih diperlukan untuk membantu calonnya menyempurnakan program pengajian dan boleh termasuk kakitangan akademik dari universiti lain yang dilantik;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

"perunding" ertinya seseorang yang bukan kakitangan akademik mana-mana universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk membantu dalam penyeliaan calon dalam program pengajiannya;

"program pengajian" ertinya kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan ijazah;

"semester" ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi akademik dan terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

"semester biasa" ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Semester;

"Senat" ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 20(1) Perlembagaan;

"sesi akademik" ertinya tempoh pengajian sesuatu program pengajian yang terdiri daripada dua semester biasa termasuk semester khas;

"tahun akademik" ertinya tempoh dua belas bulan yang tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti;

"tahun kalendar" ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas bulan;

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"tesis" ertinya suatu hasil bertulis dari penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan dengan program pengajian Ijazah;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya.

## BAHAGIAN II PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN

### **Program pengajian**

3. Program pengajian hendaklah dinamakan sebagai Ijazah Doktor Kesihatan Awam yang merupakan suatu program pengajian yang terdiri daripada dua bahagian (Bahagian 1 dan Bahagian 2). Bahagian 1 mengandungi kursus-kursus termasuk kursus internship dan Bahagian 2 mengandungi penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis. Kecuali jika kebenaran

bertulis telah diperolehi daripada Dekan Fakulti, calon mesti menyempurnakan dengan jayanya Bahagian 1 sebelum dibenar meneruskan ke Bahagian 2.

#### Syarat kemasukan

4. (1) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian Ijazah hendaklah seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana Kesihatan Awam; atau
  - (b) Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau Pergigian; sertamenunjukkan bukti yang mencukupi tentang latihan dan keupayaan untuk mengikuti program pengajian Ijazah.
- (2) Walau apapun peruntukan dalam subkaedah (1), dalam kes-kes yang tertentu dan tertakluk kepada kelulusan Senat, Fakulti boleh diberi kelonggaran untuk menerima calon yang mempunyai kelayakan selain daripada yang terkandung dalam syarat kemasukan yang sedia ada.
- (3) Kemasukan seseorang calon hendaklah atas budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh, atas perakuan Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program pascasiswazah dan Ketua Jabatan, menerima masuk seseorang yang memenuhi kelayakan berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan dengan PNGK tidak kurang daripada 3.7 (atau setaraf dengannya) mengikut yang mana berkaitan; atau
  - (b) Ijazah Sarjana dengan PNGK 3.2 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK tidak kurang daripada 3.00; atau
  - (c) Ijazah Sarjana dengan PNGK 3.2 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.5 hingga 2.99 serta memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria berikut:
    - (i) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan; atau
    - (ii) Menghasilkan penerbitan dalam bidang yang berkaitan; atau
    - (iii) Adalah penerima biasiswa; atau
    - (iv) Merupakan graduan Universiti Malaya.Atau
  - (d) Ijazah Sarjana dengan PNGK 3.2 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.10 hingga 2.49 boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi kriteria berikut:
    - (a) Merupakan graduan Universiti Malaya; DAN
    - (b) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun ATAU telah menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan dalam jurnal berwasit dalam bidang berkaitan.

- (4) Walau apapun peruntukan dalam subkaedah (1), Fakulti boleh mempertimbangkan untuk menerima masuk seseorang calon terus ke Bahagian 2 program pengajian Ijazah bagi calon yang memenuhi kelayakan berikut:
- (a) Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dalam bidang Pengkhususan dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0 atau setara dengannya; atau
  - (b) Ijazah Sarjana dengan Cemerlang dalam bidang berkaitan dengan Kesihatan Awam.
- (5) Calon-calun yang diterima masuk di bawah subkaedah (4) adalah tertakluk kepada kemajuan pengajiannya akan dipantau dan calon dikehendaki membentangkan kemajuan penyelidikannya dalam satu seminar dalam tempoh dua semester dari tarikh pendaftaran permulaan.

### BAHAGIAN III PENDAFTARAN

#### **Pendaftaran sebagai calon**

5. (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2012.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3), sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Ijazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk program pengajian hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.
- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) dan tertakluk kepada subkaedah (3), Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana calon sekiranya pada pandangan Senat calon tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.

### BAHAGIAN IV BAYARAN

#### **Yuran dan bayaran lain**

6. Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2008 .

#### **Hak mengubah kadar yuran dan bayaran lain**

7. Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

BAHAGIAN V  
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

**Tempoh program pengajian**

8. Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

**Tempoh minimum dan tempoh maksimum**

9. (1) Tempoh minimum bagi program pengajian Ijazah **adalah selama enam (6) semester biasa dan satu (1) semester khas** melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.
- (2) Tempoh maksimum bagi program pengajian Ijazah adalah selama **dua belas (12) semester biasa**.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan (2) dalam keadaan tertentu Dekan Institut Pengajian Siswazah atau pegawai lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti boleh melanjutkan tempoh pencalonan yang melampaui tempoh maksimum sepertimana yang ditetapkan dalam subkaedah (2) dengan syarat bahawa pelanjutan berkenaan tidak melebihi tempoh dua semester.

BAHAGIAN VI  
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

**Struktur program pengajian**

10. Calon dikehendaki mengikuti program pengajian Ijazah berdasarkan struktur program pengajian sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN VII  
SYARAT BAHASA

**Syarat bahasa Malaysia**

11. (1) Calon warganegara Malaysia dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya gred lulus dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia Universiti atau di peringkat setaraf dengannya sebelum dianugerahkan Ijazahnya.
- (2) Calon bukan warganegara Malaysia dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus bahasa Malaysia yang dikendalikan oleh Universiti sebelum dianugerahkan Ijazahnya melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya gred lulus dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia Universiti atau kursus bahasa Malaysia yang diiktiraf oleh Universiti.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (1) dan (2) keperluan syarat bahasa Malaysia adalah dikecualikan bagi calon yang telah mengikuti pengajian dalam bahasa kebangsaan di Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

**Syarat bahasa Inggeris**

12. (1) Calon bukan warganegara Malaysia yang memperoleh ijazahnya atau ijazah-ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah atau ijazah-ijazah berkenaan, di mana berkaitan, dikehendaki -
- (a) memperoleh skor sebanyak 550 untuk jumlah berasaskan kertas, skor sebanyak 213 bagi jumlah berasaskan komputer atau skor sebanyak 80 bagi

jumlah berasaskan internet bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau

- (b) memperolehi band 6 bagi *International English Language Testing System* (IELTS).
- (2) Sekiranya calon tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan dalam perenggan (1)(a) dan (b), calon hendaklah menghadiri mana-mana kursus bahasa Inggeris dan lulus mana-mana ujian bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Senat sebelum memulakan penulisan tesisnya.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan dalam subkaedah (1) dan (2), Fakulti boleh berdasarkan keperluan program pengajian Ijazah, mengenakan—
- (a) peringkat kecekapan bahasa Inggeris yang lebih tinggi bagi calon bukan warganegara Malaysia;
  - (b) peringkat kecekapan bahasa Inggeris yang minimum bagi calon warganegara Malaysia; atau
  - (c) syarat minimum bahasa Inggeris sebagai syarat kemasukan ke program pengajian Ijazah.

#### BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN

##### Peperiksaan

13. Peperiksaan hendaklah diadakan bagi program pengajian Ijazah, yang tertakluk kepada peraturan-peraturan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) **2012**.

#### BAHAGIAN IX PENGIJAZAHAN

##### Syarat pengijazahan

14. Ijazah boleh dianugerahkan kepada calon yang telah—
- (1) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
  - (2) memuaskan Jawatankuasa Pemeriksa dan diperakukan untuk dianugerahkan Ijazah dan diluluskan oleh Senat; dan
  - (3) membayar semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.

#### BAHAGIAN X AM

##### Kemasukan pelajar pemerhati

15. (1) Pelajar Pemerhati ialah seseorang yang diluluskan untuk mengikuti mana-mana kursus yang ditawarkan bagi program pengajian Ijazah, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat kredit. Mereka bukanlah pelajar mana-mana program pengajian Universiti.
- (2) Kemasukan pelajar pemerhati hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

##### Penamatan pencalonan

16. Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu serta tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.

**Kuasa Senat membuat peraturan**

17. Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**Pengecualian**

18. Walau apapun dinyatakan di bawah Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**Pematuhan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti**

19. Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, semua Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Dibuat \_\_\_\_\_

Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 1997**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2012**

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian

**BAHAGIAN I  
PERMOHONAN KEMASUKAN**

2. Iklan dan permohonan

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

3. Pendaftaran permulaan
4. Pendaftaran kursus
5. Pembaharuan pencalonan
6. Pendaftaran serentak
7. Kehadiran dalam program pengajian
8. Penarikan diri

**BAHAGIAN IV  
BAYARAN**

9. Yuran dan bayaran lain

**BAHAGIAN V  
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

10. Penawaran dan penyempurnaan kursus
11. Pertukaran bidang penyelidikan
12. Pemindahan kredit
13. Pengecualian kredit
14. Permohonan pemindahan dan pengecualian kredit

**BAHAGIAN VI  
PENYELIAAN**

15. Penyeliaan dan kemajuan pencalonan

**BAHAGIAN VII  
TESIS**

16. Ketetapan tajuk tesis
17. Bahasa tesis
18. Penyerahan tesis



## **BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN**

19. Bilangan dan skop peperiksaan
20. Jawatankuasa Pemeriksa
21. Pemeriksa luar
22. Pemeriksa dalam
23. Perunding
24. Penilaian peperiksaan
25. Peperiksaan khas
26. Pengurusan markah dan gred
27. Kemasukan sebagai calon peperiksaan
28. Penarikan diri dari peperiksaan
29. Ketidakhadiran dalam peperiksaan
30. Pengendalian peperiksaan
31. Keputusan peperiksaan

## **BAHAGIAN IX PENGIJAZAHAN**

32. Penganugerahan Ijazah
33. Penganugerahan tesis cemerlang

## **BAHAGIAN X RAYUAN**

34. Rayuan untuk semakan semula keputusan peperiksaan kursus
35. Rayuan meneruskan pengajian

## **BAHAGIAN XI KEMASUKAN SEMULA KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

36. Kemasukan semula ke program pengajian Ijazah

## **BAHAGIAN XII AM**

37. Kuasa Senat
38. Mengaudit kursus
39. Pelajar tidak bergraduasi

## **JADUAL**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 1997**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh kaedah 17 Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2008, Senat membuat peraturan-peraturan berikut:

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2012** dan hendaklah berkuat kuasa mulai sesi akademik **2012 /2013**.
- (2) Kaedah-kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam yang diterima masuk **sebelum dan** pada sesi akademik **2012/2013** dan selepas itu.

**BAHAGIAN II  
PERMOHONAN KEMASUKAN**

**Iklan dan kemasukan**

2. (1) Program pengajian Ijazah Universiti hendaklah diiklankan dari semasa ke semasa.
- (2) Permohonan masuk ke program pengajian Ijazah hendaklah dibuat melalui borang permohonan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- (3) Permohonan kemasukan ke program pengajian Ijazah hendaklah sampai ke Institut Pengajian Siswazah Universiti atau mana-mana pusat sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti. Sekiranya Universiti menetapkan tarikh tutup permohonan untuk kemasukan ke program pengajian Ijazah, permohonan kemasukan tersebut hendaklah sampai pada atau sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

**Pendaftaran permulaan**

3. (1) Calon program pengajian Ijazah hendaklah mendaftar untuk program pengajiannya tidak lewat dari dua minggu dari tarikh permulaan semester di mana ia telah ditawarkan kemasukan ke program pengajian tersebut.
- (2) Sekiranya calon tidak mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam mana-mana tempoh penangguhan yang diluluskan maka tawaran kemasukan ke program pengajian Ijazah akan luput dengan sendirinya.
- (3) Dalam keadaan tertentu, Dekan Institusi Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh Universiti atas perakuan Dekan Fakulti boleh membenarkan calon menangguhkan pendaftaran permulaannya ke semester yang berikutnya.

**Pendaftaran kursus**

4. (1) Calon untuk program pengajian Ijazah dikehendaki mengikuti program tersebut berdasarkan struktur program pengajian sepertimana yang ditetapkan di bawah Jadual 1 kepada Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Calon dikehendaki mendaftar untuk kursus-kursus yang ditetapkan di bawah Jadual II kepada Peraturan-Peraturan ini bagi program pengajian Ijazah yang diikutinya.
- (3) Calon diberi tempoh masa selama dua minggu dari tarikh permulaan semester untuk menyempurnakan urusan pendaftaran kursus. Calon yang tidak menyempurnakan pendaftaran kursus dalam tempoh ini tidak boleh mengikuti kursus tersebut.
- (4) Walau apapun peruntukan subperaturan (3), seseorang calon boleh sebagai kes khas atas perakuan Dekan Fakulti, dibenarkan untuk mendaftar lewat atau secara kebelakangan sekiranya calon dapat memenuhi lapan puluh peratus daripada kehadiran kelas untuk semester berkenaan bagi kursus tersebut. Calon tersebut akan dikenakan bayaran denda atas kadar yang ditetapkan di samping yuran-yuran lain yang ditetapkan bagi kursus berkenaan.

#### **Pembaharuan pencalonan**

5. (1) Calon program pengajian Ijazah hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari dua minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan.
- (2) Kegagalan calon untuk memperbaharui pencalonannya dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam subperaturan (1) boleh menyebabkan pencalonannya diluputkan melainkan calon dibenarkan mendaftar lewat. Calon akan dikenakan bayaran denda atas kadar yang ditetapkan di samping yuran-yuran lain yang ditetapkan.

#### **Pendaftaran serentak**

6. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), calon tidak dibenarkan berdaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah di Universiti ini atau di universiti atau institusi lain.
- (2) Fakulti boleh membenarkan calon mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah di Universiti ini atau di universiti atau institusi lain dengan syarat—
  - (a) calon itu telah mengemukakan kepada Fakulti tesisnya untuk pemeriksaan; dan
  - (b) program pengajian itu tidak sama dengan program pengajian yang didaftarnya di Universiti ini.
- (3) Dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah, calon boleh dibenarkan untuk pendaftaran serentak.
- (4) Calon dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti boleh mendaftar dan mengikuti pada mana-mana satu masa, suatu program latihan dalam perkhidmatan yang diminta oleh majikannya jika program tersebut dijalankan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun.
- (5) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), mana-mana calon yang didapati melanggar subperaturan (1) boleh ditamatkan pengajiannya tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang telah dibayar.

#### **Kehadiran dalam program pengajian**

7. (1) Calon hendaklah menghadiri semua program latihan dan penyelidikan berkaitan program pengajian yang diikutinya melainkan calon berkenaan diberi cuti sakit atau cuti bersalin oleh pegawai perubatan berdaftar atau diberi kebenaran untuk tidak hadir oleh Dekan Fakulti.

- (2) Calon boleh dengan kelulusan Fakulti menjalani sebahagian program pengajiannya di institusi lain.

### **Penarikan diri**

8. (1) Peruntukan berikut adalah terpakai bagi penarikan diri dari kursus:
- (a) “Penarikan diri dari kursus” bermakna penarikan diri dari satu atau lebih kursus dalam sesuatu semester. Walau bagaimanapun, calon adalah tertakluk kepada syarat minimum jam kredit yang ditetapkan untuk semester biasa.
  - (b) Calon boleh menarik diri dari kursus tidak lewat dari minggu kuliah ketujuh semester biasa atau minggu kedua semester khas. Calon tidak akan dikenakan yuran pengajian dan rekod kursus akan dihapuskan.
  - (c) Calon yang menarik diri dari kursus selepas minggu kuliah kedua tetapi sebelum minggu kuliah ketujuh semester biasa akan dikenakan yuran pengajian dan dicatatkan Gred W bagi kursus berkenaan.
  - (d) Penarikan diri dari kursus selepas minggu kuliah ketujuh semester biasa atau selepas minggu kuliah kedua semester khas adalah tidak dibenarkan kecuali diluluskan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah atau pegawai yang ditetapkan oleh Universiti atas permohonan calon yang dibuat secara bertulis melalui Dekan Fakulti.
  - (e) Permohonan hanya akan dipertimbangkan atas alasan kecemasan yang disokong dengan bukti dokumentasi berkenaan atau atas alasan perubahan yang disokong dengan laporan perubahan yang dikeluarkan oleh pegawai perubahan berdaftar.
  - (f) Sekiranya permohonan diluluskan, kursus berkenaan akan dicatatkan dengan Gred W. Yuran pengajian bagi kursus berkenaan akan tetap dikenakan.
  - (g) Sekiranya permohonan tidak diluluskan, calon dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus berkenaan. Calon akan diberikan Gred F sekiranya tidak menghadiri kursus dan tidak menduduki peperiksaan yang diadakan pada akhir semester berkenaan.
  - (h) Penarikan diri dari kursus atas alasan berikut tidak dibenarkan:
    - (i) Prestasi calon tidak memuaskan bagi mana-mana kursus;
    - (ii) Kekurangan persediaan bagi kursus berkenaan; atau
    - (iii) Tidak puas hati terhadap mana-mana kursus; dan
  - (i) Penarikan diri dari mana-mana kursus tidak dibenarkan apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula.
- (2) Peruntukan berikut adalah terpakai bagi penarikan diri dari semester:
- (a) “Penarikan diri dari semester” bermakna penarikan diri dari semua kursus yang didaftarkan atau program latihan atau penyelidikan bagi semester berkenaan. Calon hanya dibenarkan menarik diri dari sesuatu semester selepas ia telah menjalani program pengajian sekurang-kurangnya satu semester. Fakulti boleh dalam keadaan tertentu membenarkan calon menarik diri daripada mana-mana semester.
  - (b) Permohonan penarikan diri dari semester boleh diluluskan oleh Fakulti tertakluk kepada ianya diterima sebelum jam 12.00 tengah hari, hari Jumaat minggu kuliah ketujuh semester berkenaan.

- (c) Calon yang diluluskan untuk menarik diri dari semester sebelum 12.00 tengah hari, hari Jumaat minggu kuliah ketujuh semester—
    - (i) tidak akan dikenakan yuran pengajian; dan
    - (ii) rekod pendaftaran semester berkenaan dihapuskan.
  - (d) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari semester selepas jam 12.00 tengah hari, hari Jumaat minggu kuliah ketujuh semester kecuali diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor berkenaan atas permohonan calon yang dibuat secara bertulis melalui Dekan Fakulti. Permohonan hanya akan dipertimbangkan atas alasan kecemasan yang disokong dengan bukti dokumentasi berkenaan atau atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan berdaftar.
  - (e) Sekiranya permohonan diluluskan, kursus berkenaan (sekiranya ada) akan dicatatkan dengan Gred W. Yuran pengajian akan tetap dikenakan.
  - (f) Sekiranya permohonan tidak diluluskan, calon dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi semester berkenaan.
  - (g) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari semester apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula.
  - (h) Tempoh maksimum penarikan diri dari semester bagi calon adalah sebanyak empat semester biasa sepanjang tempoh pengajiannya yang boleh diambil secara berterusan atau sebaliknya kecuali pada semester akhir pencalonan.
  - (i) Melainkan atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan daripada pegawai perubatan berdaftar, tempoh di mana calon telah menarik diri akan diambilkira sebagai sebahagian dari tempoh maksimum pengajiannya.
- (3) Peruntukan berikut adalah terpakai bagi penarikan diri dari program pengajian Ijazah:
- (a) Permohonan penarikan diri dari program pengajian Ijazah hendaklah dibuat secara bertulis melalui Dekan Fakulti kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - (b) Sebarang keputusan terhadap penarikan diri dari program pengajian Ijazah adalah muktamad.

#### BAHAGIAN IV BAYARAN

##### **Yuran dan bayaran lain**

9. (1) Calon hendaklah menjelaskan segala yuran dan bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti pada masa permulaan pendaftaran atau pada masa memperbaharui pencalonan melainkan ia dikecualikan daripada mana-mana yuran atau bayaran atau kedua-duanya.
- (2) Calon yang hendak menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti secara ansuran hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan borang yang ditetapkan yang boleh diperolehi dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau mana-mana pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Calon yang gagal menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain atau sebahagian daripada yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti tidak akan dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan program pengajian Ijazah.

BAHAGIAN V  
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

**Penawaran dan penyempurnaan kursus**

10. (1) Fakulti akan menentukan kursus-kursus yang ingin ditawarkan dalam mana-mana semester. Setiap kursus baru boleh ditawarkan jika ia memenuhi syarat tertentu dan mendapat kelulusan Senat.
- (2) Setiap kursus yang ditawarkan hendaklah diajar, diselesaikan dan diperiksa dalam satu semester. Hanya kursus-kursus tertentu yang telah terlebih dahulu mendapat kelulusan Senat boleh dikendalikan bagi tempoh melebihi satu semester.
- (3) Jumlah jam kredit untuk komponen kursus bagi program pengajian Ijazah hendaklah sepertimana yang ditentukan oleh Fakulti dan Senat.

**Pertukaran bidang penyelidikan**

11. Calon boleh mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan untuk menukar bidang penyelidikannya. Pertukaran bidang penyelidikan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Fakulti..

**Pemindahan kredit**

12. (1) "Pemindahan kredit" bermakna pemindahan jam kredit bersama-sama dengan gred yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh calon selepas diterima masuk untuk mengikuti program pengajian Ijazah.
- (2) Dalam proses pemindahan kredit, jam kredit yang diperolehi bersama-sama dengan gred dan mata gred bagi kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK calon. Kebenaran untuk pemindahan kredit antara lain, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;
  - (b) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada B atau 3.0; dan
  - (c) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit hendaklah kursus dari program pengajian yang setaraf dengan program pengajian Ijazah.

**Pengecualian kredit**

13. (1) "Pengecualian kredit" bermakna pengecualian dari mendaftar dan mengikuti kursus yang ditetapkan untuk program pengajian Ijazah sepertimana yang diluluskan oleh Senat. Kebenaran untuk pengecualian kredit ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit telah diambil oleh calon sebelum diterima masuk ke program pengajian Ijazah;
  - (b) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;
  - (c) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada B atau 3.0; dan
  - (d) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit hendaklah kursus dari program pengajian yang setaraf dengan program pengajian Ijazah.

- (2) Kursus yang diluluskan pengecualian kredit akan diberikan Gred K dan jam kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- (3) Dalam keadaan tertentu, kursus yang tidak diluluskan untuk pemindahan kredit boleh dipertimbangkan untuk pengecualian kredit tertakluk kepada syarat-syarat di subperaturan (1).

#### **Permohonan pemindahan dan pengecualian kredit**

14. (1) Permohonan untuk pemindahan atau pengecualian kredit hendaklah dibuat dengan menggunakan borang tertentu yang boleh didapati di Fakulti. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat dari hari Jumaat minggu kuliah kedua semester biasa bersama-sama dengan—
  - (a) bayaran yuran proses atas kadar yang ditetapkan. Yuran ini tidak akan dikembalikan;
  - (b) silibus dan sistem pemarkahan kursus yang dipohon untuk pemindahan atau pengecualian kredit; dan
  - (c) satu salinan transkrip.
- (2) Jumlah maksimum jam kredit yang boleh dipindah dan dikecualikan tidak boleh melebihi satu pertiga jam kredit daripada komponen kursus program pengajian Ijazah.
- (3) Calon akan dimaklumkan secara bertulis mengenai keputusan permohonan pemindahan atau pengecualian kredit yang dipohon.

### BAHAGIAN VI PENYELIAAN

#### **Penyeliaan dan kemajuan pencalonan**

15. (1) Fakulti hendaklah melantik seorang penyelia bagi setiap calon. Bagi pencalonan yang memerlukan lebih daripada seorang penyelia, Fakulti boleh melantik penyelia tambahan mengikut bilangan yang difikirkan wajar yang hendaklah mempunyai status yang sama dengan penyelia pertama yang dilantik. Penyelia hendaklah menjalankan peranan dan tanggungjawab sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Profesor Adjung Universiti, penyelidik pasca-doktoral atau felo penyelidik boleh dilantik oleh Fakulti sebagai penyelia calon dengan syarat seorang penyelia tambahan daripada kalangan kakitangan akademik Universiti dilantik bersama untuk menyelia calon tersebut.
- (3) Fakulti boleh melantik seorang penyelia bersama bagi mana-mana calon tertakluk kepada persetujuan antara staf tersebut dan Fakulti.
- (4) Fakulti boleh melantik seorang perunding bagi mana-mana calon. Bagi maksud peraturan ini, istilah “perunding” hendaklah digunakan bagi pelantikan pakar luar yang bukan daripada kalangan kakitangan akademik.
- (5) Penyelia, penyelia bersama (jika ada) dan perunding (jika ada) hendaklah dilantik sebelum pendaftaran permulaan calon atau pada masa lain mengikut keperluan. Fakulti berhak menambah, mengurangkan atau menukar mana-mana penyelia, penyelia bersama atau perunding dari semasa ke semasa sebagaimana dianggap wajar oleh Universiti.
- (6) Calon adalah dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya pada akhir setiap semester kepada penyeliannya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penyelia, penyelia bersama dan perunding yang dilantik hendaklah membuat penilaian

mengenai laporan kemajuan yang dikemukakan tersebut kepada Dekan Fakulti melalui Ketua Jabatan.

- (7) Calon yang kemajuannya memuaskan akan diperakukan untuk pencalonan diteruskan. Calon yang kemajuannya tidak memuaskan boleh ditamatkan pencalonannya oleh Senat.

## BAHAGIAN VII TESIS

### Ketetapan tajuk tesis

16. Tajuk tesis hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan tesis di bawah peraturan 18 Peraturan-Peraturan ini.

### Bahasa tesis

17. Tesis hendaklah ditulis dalam bahasa Inggeris. Dalam keadaan tertentu, Fakulti boleh meluluskan tesis ditulis dalam bahasa Malaysia.

### Penyerahan Tesis

18. (1) Calon hendaklah menyerahkan tesisnya untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan tesis dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut tesis yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.
- (2) Calon hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga bulan notis bertulis kepada Fakulti sebelum penyerahan tesis untuk pemeriksaan.
- (3) Calon hendaklah mengemukakan dalam bentuk percetakan sekurang-kurangnya **empat (4) salinan bercetak dan dua (2) salinan elektronik** tesis atau mengikut bilangan salinan yang ditetapkan oleh Fakulti untuk pemeriksaan. Tesis tersebut hendaklah—
  - (a) didahulukan dengan—
    - (i) ringkasan (abstrak) yang tidak melebihi lima ratus patah perkataan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dalam keadaan di mana bahasa tesis adalah selain daripada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, abstrak dalam bahasa tersebut hendaklah juga disediakan; dan
    - (ii) perakuan keaslian penulisan berdasarkan format yang ditetapkan oleh Universiti;
  - (b) ditaip atau dicetak dua barisan langkau di atas kertas bersaiz A4, kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruangan berukuran empat sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri; dan
  - (c) dijilid dengan kertas nipis berwarna merah 'rexine' dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang dan pada kulit hadapan.
- (4) Tesis hendaklah tidak melebihi seratus ribu patah perkataan melainkan Senat telah meluluskan jumlah bilangan patah perkataan yang lain.
- (5) Walau apapun peruntukan subperaturan (4), yang berikut tidak termasuk dalam had patah perkataan tersebut:
  - (a) Nota kaki atau nota hujung, lampiran, jadual dan rajah; dan



- (b) Pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks. Ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon mengenainya hendaklah tertakluk kepada had patah perkataan tersebut.
- (6) Calon yang ingin melebihi had patah perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan kepada Fakulti sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh penyerahan tesis untuk pemeriksaan, dengan memberi alasan mengapa ia tidak dapat mematuhi had panjang yang telah ditetapkan.
- (7) Calon tidak boleh menyerahkan sebagai tesis, apa-apa hasil kerja termasuk idea, penulisan, data atau apa-apa ciptaan orang lain atau kerja yang telah diserahkan untuk ijazah di Universiti ini atau universiti atau institusi lain, tetapi ia tidak dilarang memasukkan mana-mana bahagian kerja tersebut ke dalam tesisnya sekiranya ia menunjukkan dengan terang dalam tesisnya bahagian kerja yang telah dimasukkan ke dalam tesisnya.
- (8) Calon boleh menyerahkan sebarang sumbangan yang telah dicetak dan diterbitkan secara perseorangan atau secara berkumpulan untuk peningkatan bidangnya. Kerja yang dilakukan secara berkumpulan hendaklah disertakan dengan kenyataan yang menjelaskan dengan terang bahagian kerja yang dibuat oleh calon sendiri. Kenyataan ini hendaklah ditandatangani oleh rakan penulis yang lain.
- (9) Calon tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain. Bagi maksud subperaturan ini dan subperaturan 30(9) di bawah, plagiarisme termasuk—
- (a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
- (b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
- (10) Calon yang didapati memplagiat tesisnya boleh diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.
- (11) Mana-mana tesis yang diserahkan untuk peperiksaan hendaklah mengikut peraturan dan prosedur seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana pindaan kepada Peraturan-Peraturan ini dari semasa ke semasa. Dekan Fakulti boleh menolak mana-mana tesis yang diserahkan yang tidak mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.
- (12) Tesis atau sebahagian daripadanya yang telah diluluskan dan kemudiannya diterbitkan, hendaklah mengandungi kenyataan yang terang bahawa ianya telah dikemukakan untuk Ijazah Doktor Kesihatan Awam Universiti. Sepanjang pengajiannya, calon boleh, dengan persetujuan penyeliannya, menerbitkan kertas-kertas hasil kerjanya, dengan syarat rujukan sewajarnya diberi kepada Universiti di dalam kertas-kertas itu.
- (13) Tesis itu sama ada telah diluluskan atau tidak, untuk penganugerahan Ijazah termasuk semua hak harta intelek di dalamnya hendaklah terletak pada dan tetap menjadi hak milik Universiti. Universiti mempunyai hak untuk menghadkan atau membataskan pencetakan, pemberitahuan dan penggunaan, atau mana-mana urusan dengan yang berikut bagi tempoh yang diperlukan untuk maksud melindungi atau memperolehi hak harta intelek—
- (a) Tesis;
- (b) Hasil penyelidikan yang membawa kepada tesis berkenaan; atau
- (c) Kedua-dua yang dinyatakan di atas.

- (14) Selepas tesis telah diperiksa dan keputusan mutakhir telah dicapai mengenai tesis calon, calon hendaklah mengemukakan kepada Universiti—
- (a) tiga naskah tesis dalam bentuk percetakan yang hendaklah dijilid dalam kulit tebal berwarna merah "rexine" dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang dan pada kulit hadapan; dan
  - (b) satu salinan elektronik mengikut format yang ditetapkan.

## BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN

### **Bilangan dan skop peperiksaan**

19. (1) Bilangan dan skop peperiksaan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh Senat atas prakar Fakulti.
- (2) Peperiksaan dalam mana-mana kursus dan tesis boleh meliputi ujian-ujian bertulis, lisan, amali dan klinikal dalam apa jua bentuknya serta kaedah penilaian lain sepertimana yang diluluskan oleh Senat atas prakar Fakulti.
- (3) Jawatankuasa Pemeriksa boleh atas budibicaranya menghendaki calon menduduki mana-mana peperiksaan tambahan yang dianggap perlu untuk penilaian tesisnya.

### **Jawatankuasa Pemeriksa**

20. Satu Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah dilantik bagi setiap peperiksaan atau sebahagian daripadanya untuk program pengajian Ijazah. Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan adalah diperlukan bagi komponen kursus dan komponen penyelidikan seperti berikut:
- (1) Komponen kursus:
    - (a) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa untuk komponen kursus hendaklah terdiri daripada berikut yang diluluskan oleh Senat:
      - (i) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
      - (ii) Pengerusi Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti atau Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program pascasiswazah di Fakulti di mana Timbalan Dekan berkenaan bukan Pengerusi Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti;
      - (iii) Seorang profesor yang dilantik oleh Fakulti;
      - (iv) Ketua Jabatan;
      - (v) Penyelaras bidang berkenaan yang bertanggungjawab untuk mana-mana kursus atau rancangan pengajian yang bukan dalam Jabatan/Fakulti.
      - (vi) Pemeriksa luar berkenaan; dan
      - (vii) Mana-mana pemeriksa yang terdiri daripada guru sepenuh masa atau orang lain yang dilantik oleh Fakulti.
    - (b) Korum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa bagi komponen kursus adalah terdiri daripada Pengerusi dan satu pertiga daripada keahlian Jawatankuasa Pemeriksa.

- (c) Guru separuh masa Universiti boleh dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
  - (d) Ahli Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana orang lain yang bukan ahli Jawatankuasa Pemeriksa untuk mewakili beliau dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
  - (e) Pendaftar atau wakilnya akan menjadi setiausaha dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
  - (f) Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor boleh melantik mana-mana guru sepenuh masa Universiti sebagai ahli sesuatu Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat pelantikan sedemikian hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.
  - (g) Fungsi Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:
    - (i) Menimbang keputusan peperiksaan menurut Skim Pemarkahan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 24(1)(c) di bawah dan menentukan calon yang telah lulus atau gagal sesuatu peperiksaan;
    - (ii) Memperakukan kepada Senat bahawa calon yang telah gagal peperiksaan dalam mana-mana kursus dibenarkan mengulang kursus dan mengambil semula peperiksaan dalam kursus berkenaan atau tidak dibenarkan mengambil peperiksaan itu atau tidak diterima masuk semula ke program pengajian Ijazah; dan
    - (iii) Melaporkan kepada Senat mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan mutu atau perjalanan suatu peperiksaan.
- (2) Komponen penyelidikan:
- (a) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah terdiri daripada—
    - (i) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
    - (ii) Seorang Wakil Senat yang dilantik oleh Senat;
    - (iii) Pengerusi Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti atau Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program pascasiswazah di Fakulti di mana Timbalan Dekan berkenaan bukan Pengerusi Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti;
    - (iv) Ketua Jabatan; dan
    - (v) Tiga orang pemeriksa yang pakar dalam bidang berkenaan yang mana sekurang-kurangnya dua orang adalah terdiri daripada pemeriksa luar yang dilantik oleh Senat.
  - (b) Korum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah sekurang-kurangnya empat termasuk seorang pemeriksa dan wakil Senat.
  - (c) Sekiranya Dekan Fakulti adalah penyelia atau pemeriksa untuk tesis calon, pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa boleh terdiri daripada seorang Profesor dalam bidang berkenaan atau Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.
  - (d) Sekiranya Dekan Fakulti atau Pengerusi Jawatankuasa Ijazah Tinggi atau Timbalan Dekan bertanggungjawab untuk program pascasiswazah atau Ketua Jabatan adalah penyelia untuk calon berkenaan, beliau akan menghadiri

mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa atas jemputan dan bukan sebagai ahli Jawatankuasa Pemeriksa.

- (e) Melainkan apa yang diperuntukkan dalam perenggan (2)(c), jika Dekan Fakulti atau Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atas apa-apa sebab tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk pascasiswazah atau Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti boleh menjalankan kewajipan Dekan sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa dengan persetujuan Naib Canselor.
- (f) Ahli Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana orang lain yang bukan ahli Jawatankuasa Pemeriksa untuk mewakili beliau dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Naib Canselor.
- (g) Pendaftar atau wakilnya akan menjadi setiausaha dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
- (h) Penyelia boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud menasihati perkara yang dibincangkan tetapi tidak berhak mengambil bahagian dalam pertimbangan dan apa-apa keputusan peperiksaan tesis calon.
- (i) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah menimbang laporan pemeriksa mengenai tesis calon, menjalankan peperiksaan viva dan mengambil suatu keputusan mengenai tahap pencapaian tesis itu menurut peruntukan Peraturan-Peraturan ini untuk diperakukan kepada Senat. Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah juga melaporkan kepada Senat apa-apa perkara yang berkaitan dengan mutu atau perjalanan sesuatu peperiksaan.

### **Pemeriksa luar**

21. Pemeriksa luar hendaklah dilantik bagi program pengajian Ijazah seperti berikut:

- (1) Bagi komponen kursus:
  - (a) Sekurang-kurangnya seorang pemeriksa luar hendaklah dilantik oleh Fakulti.
  - (b) Pemeriksa luar hendaklah sejauh mana yang boleh dilantik daripada kalangan ahli akademik luar Universiti yang berkelayakan, berpengalaman dan mempunyai kepakaran berkaitan dengan program pengajian Ijazah.
  - (c) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung Universiti tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa luar.
  - (d) Pemeriksa luar yang dilantik untuk komponen kursus hendaklah—
    - (i) memeriksa dan menilai kertas soalan peperiksaan dan kertas jawapan peperiksaan dan melaporkan ulasan/perakuan beliau kepada Dekan Fakulti;
    - (ii) di mana disyaratkan dalam surat pelantikan, melawat Fakulti untuk suatu tempoh yang akan ditetapkan oleh Dekan Fakulti untuk bertemu dengan guru dan calon di Fakulti, mengkaji kemudahan pengajaran dan penyelidikan Fakulti, menilai mutu peperiksaan, menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan jika perlu, menjalankan seminar untuk guru dan calon di Fakulti; dan

- (iii) mengkaji dan menilai secara am, struktur dan kurikulum program pengajian Ijazah dan memberi laporannya kepada Naib Canselor dan Dekan Fakulti.
- (2) Bagi komponen penyelidikan:
- (a) Sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa luar hendaklah dilantik oleh Senat untuk memeriksa tesis calon. Sekiranya tiada guru Universiti yang sesuai boleh dilantik sebagai pemeriksa dalam, seorang lagi pemeriksa luar boleh dilantik untuk menjalankan kewajipan pemeriksa dalam.
  - (b) Pemeriksa luar biasanya dilantik daripada kalangan ahli akademik luar Universiti yang berkelayakan, berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan tesis calon. Dalam keadaan tertentu pakar dalam bidang berkenaan dari luar Universiti yang tidak terdiri dari kalangan ahli akademik boleh dilantik sebagai pemeriksa luar.
  - (c) Pemeriksa luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai tali persaudaraan rapat dengan calon.
  - (d) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung Universiti tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa luar.
  - (e) Tertakluk kepada perenggan (b), bekas guru sepenuh masa Universiti boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau telah meninggalkan perkhidmatan Universiti untuk tempoh tidak kurang lima tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
  - (f) Siswazah Universiti yang merupakan bekas pelajar kepada penyelia calon boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau telah menamatkan pengajian di Universiti dalam tempoh tidak kurang lima tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
  - (g) Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor boleh melantik pemeriksa luar untuk memeriksa tesis calon dengan syarat pelantikan tersebut itu hendaklah dilaporkan oleh Fakulti kepada Senat dengan secepat mungkin.
  - (h) Pemeriksa luar yang dilantik untuk memeriksa tesis calon hendaklah menyerahkan laporannya dalam format yang ditetapkan dengan seberapa segera yang boleh tetapi tidak melebihi dua bulan dari tarikh tesis dihantar kepada beliau. Fakulti boleh memperakukan kepada Senat bagi menggantikan pemeriksa luar yang tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan dengan pemeriksa luar yang lain.

### **Pemeriksa dalam**

22. (1) Tertakluk kepada subperaturan (4), Fakulti hendaklah melantik—
- (a) guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti sebagai pemeriksa dalam untuk komponen kursus; dan
  - (b) guru sepenuh masa Universiti untuk memeriksa tesis seseorang calon.
- (2) Pemeriksa dalam yang dilantik untuk memeriksa tesis calon hendaklah sejauh mana yang boleh mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran yang berkaitan dengan bidang penyelidikan tesis calon.
- (3) Guru sepenuh masa Universiti tidak boleh dilantik menjadi pemeriksa dalam untuk memeriksa tesis calon yang ada tali persaudaraan rapat dengannya.

- (4) Tutor tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa dalam untuk memeriksa mana-mana kursus atau tesis. Walau bagaimanapun, beliau boleh dengan persetujuan dan seliaan pemeriksa kursus, membantu dalam pemeriksaan sesuatu kursus.
- (5) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan Fakulti boleh melantik pemeriksa dalam untuk memeriksa mana-mana kursus dengan syarat pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Fakulti dengan secepat mungkin.
- (6) Pemeriksa dalam yang dilantik untuk memeriksa tesis seseorang calon hendaklah menyediakan dan menyerahkan laporannya dalam format yang ditetapkan dalam tempoh tidak melebihi dua bulan dari tarikh tesis dihantar kepada beliau. Fakulti boleh menggantikan pemeriksa dalam yang tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan dengan pemeriksa dalam yang lain.

### **Perunding**

23. Jika seorang perunding telah dilantik untuk membantu dalam penyeliaan calon, Fakulti boleh menghendaki perunding tersebut menyediakan dan mengemukakan laporan mengenai tesis. Laporan perunding hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa untuk peperiksaan tesis calon.

### **Penilaian peperiksaan**

24. (1) Kaedah penilaian komponen kursus hendaklah seperti berikut:
  - (a) Kaedah penilaian kursus bergantung kepada hasil pembelajaran dan kandungan kursus. Nisbah sumbangan atau pemberatan kaedah penilaian dalam jumlah markah akhir kursus akan ditentukan oleh Fakulti dan hendaklah diluluskan oleh Senat.
  - (b) Kehadiran dalam kelas
    - (i) Calon diwajibkan menghadiri semua kelas. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pensyarah untuk memaklumkan kepada calon tentang akibat ketidakhadiran kelas. Adalah menjadi tanggungjawab calon untuk memastikan bahawa pensyarah diberitahu awal tentang ketidakhadirannya. Pensyarah dikehendaki menyimpan rekod kehadiran kelas dan melaporkan tentang ketidakhadiran yang melebihi dua puluh peratus kepada Pejabat Dekan Fakulti.
    - (ii) Mana-mana calon dengan kehadiran kelas kurang daripada lapan puluh peratus untuk sesuatu kursus dalam suatu semester tanpa sebab munasabah yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pensyarah berkenaan akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan dalam sesuatu semester oleh Dekan Fakulti. Apabila calon dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sesuatu kursus pada sesuatu semester ia hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Dekan Fakulti selewat-lewatnya satu minggu sebelum peperiksaan semester berkenaan bermula.
    - (iii) Mana-mana calon yang dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir untuk sesuatu kursus dalam sesuatu semester akan diberi markah sifar untuk peperiksaan akhir kursus itu.
  - (c) Skim pemarkahan
    - (i) Penilaian peperiksaan untuk komponen kursus hendaklah berdasarkan skim pemarkahan seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
80-100 75-79	A A-	4.0 3.7	Cemerlang
70-74 65-69	B+ B	3.3 3.0	Lulus
60-64 55-59 50-54	B- C+ C	2.7 2.3 2.0	Lulus Bersyarat
45-49 40-44 35-59 <35	C- D+ D F	1.7 1.5 1.0 0	Gagal

- (ii) Bagi maksud perenggan ini, Lulus Bersyarat bermakna lulus dalam kursus berkenaan jika PNGK adalah 3.0 atau lebih pada semester kursus tersebut diambil.
- (iii) Gred I, diberi apabila—
- (A) calon tidak mengambil peperiksaan akhir bagi mana-mana kursus dalam sesuatu semester atas alasan perubahan (sakit) atau perikemanusiaan (simpati) dan gred itu diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan; atau
- (B) sebahagian daripada keperluan kursus masih belum disempurnakan atas alasan di luar kawalan calon yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan.
- (iv) Dalam keadaan (A), calon dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kursus berkenaan tanpa disyaratkan mengikuti semula kursus tersebut. Manakala dalam keadaan (B), calon dibenarkan menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan pada kesempatan pertama dalam semester berikutnya.
- (v) Dalam kedua-dua keadaan (A) dan (B), calon hendaklah mendaftar untuk mengikuti kursus berkenaan apabila ditawarkan dalam semester berikut yang terdekat. Yuran tidak akan dikenakan untuk pendaftaran kursus berkenaan dan jam kredit kursus berkenaan tidak akan diambil kira dalam bilangan jam kredit yang boleh didaftarkan dalam sesuatu semester.
- (vi) Calon akan diberikan markah sifar untuk peperiksaan akhir atau untuk sebahagian daripada keperluan kursus berkenaan sekiranya—
- (A) ia tidak mendaftar dan mengambil peperiksaan akhir kursus berkenaan apabila kursus tersebut ditawarkan dalam semester berikut yang terdekat; atau
- (B) ia tidak menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus tersebut pada kesempatan pertama dalam semester berikut, mengikut yang mana berkenaan.
- (vii) Markah yang dicapai dalam peperiksaan akhir atau selepas menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus berkenaan seperti yang dinyatakan di atas akan ditambahkan kepada markah bagi

kursus yang diberi Gred I supaya gred sebenar bagi kursus tersebut diperolehi.

- (viii) Calon yang diberi Gred I untuk sesuatu kursus tidak dibenarkan mengulang kursus berkenaan dalam apa-apa keadaan sekalipun sehingga Gred I tersebut digugurkan.
- (ix) Selain daripada gred-gred seperti yang ditunjukkan dalam Skim Pemarkahan dan dalam subperenggan (i) dan Gred I dalam subperenggan (iii), gred-gred berikut juga boleh diberikan kepada calon untuk kursus yang diikutinya:
  - (A) Gred K, diberi bagi kursus yang diluluskan pengecualian kredit.
  - (B) Gred P, diberi bagi kursus yang dijalankan lebih daripada satu semester.
  - (C) Gred S, diberi bagi kursus yang prestasi calon dinilai hanya dari segi memuaskan.
  - (D) Gred U, diberi bagi kursus yang prestasi calon dinilai hanya dari segi tidak memuaskan.
  - (E) Gred R, diberi bagi kursus yang didaftar oleh calon untuk mengaudit sahaja. Jam kredit tidak akan diberi untuk gred ini.
  - (F) Gred W, diberi bagi kursus di mana calon telah menarik diri secara rasmi daripada satu atau lebih kursus dalam sesuatu semester.
  - (G) Gred W1, diberi apabila calon telah menarik diri secara rasmi daripada sesuatu semester.
  - (H) Gred W2, diberi apabila calon telah menarik diri secara rasmi dari Universiti.
  - (I) Gred UW, diberi bagi mana-mana kursus yang calon tidak menghadiri dan tidak menarik diri secara rasmi daripada sesuatu semester.
- (a) Penentuan prestasi akademik
  - (i) Prestasi akademik calon dalam sesuatu semester ditunjukkan oleh PNG dan PNGK. PNG ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah jam kredit yang diambil dalam sesuatu semester.

Berikut adalah contoh bagaimana PNG ditentukan:

Kursus	Gred	Mata Gred	Jam Kredit	Jam Kredit x Mata Gred
K1	A	4.0	4	4x4.0=16.0
K2	C+	2.3	3	3x2.3= 6.9
K3	F	0.0	3	3x0.0= 0.0
K4	C	2.0	3	3x2.0= 6.0
Jumlah			13	28.9
				PNG = $\frac{28.9}{13}$
				= 2.22



PNGK ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah jam kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini.

- (ii) Mata gred dan jam kredit yang diperolehi bagi kursus-kursus yang didaftar dalam sesuatu semester hendaklah dimasukkan ke dalam pengiraan PNG dan PNGK untuk semester itu.
- (iii) Jam kredit bagi sesuatu kursus dengan Gred C-, D+, D atau F akan dimasukkan dalam pengiraan PNG dan PNGK semester berkenaan. Kursus dengan gred ini tidak akan diberikan sebarang nilai jam kredit. gred UW akan ditukarkan kepada Gred F pada penghujung semester berkenaan dan diambilkira dalam penentuan PNG dan PNGK.
- (iv) Gred I atau P bagi sesuatu kursus akan diambilkira dalam penentuan PNG dan PNGK apabila gred akhir bagi kursus itu diperolehi pada semester berkenaan yang berikut.
- (v) Gred K, R, S, U, W, W1 dan W2 tidak akan diambilkira dalam penentuan PNG dan PNGK.
- (vi) Nilai jam kredit akan diberi untuk kursus dengan Gred A, A-, B+, B, B-, C+, C, K dan S. Tiada nilai jam kredit akan diberi untuk kursus dengan Gred C-, D+, D, F, R, U, UW, W, W1 dan W2. Bagi kursus yang disyaratkan lulus dengan sekurang-kurangnya Gred B, nilai jam kredit akan diberi apabila calon telah mencapai sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus berkenaan.

Kursus-kursus dengan Gred I dan P akan diberi nilai jam kredit apabila gred akhir melainkan Gred C-, D+, D, F atau U bagi kursus itu diperolehi pada semester yang berikut.

- (vii) Di mana calon telah mengulang sesuatu kursus, markah dan gred yang diambilkira dalam penentuan PNGK hendaklah markah dan gred terbaik yang dicapainya.
  - (viii) Mana-mana calon yang telah didapati bersalah di bawah Kaedah 6 atau Kaedah 8 dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah tersebut akan diberikan markah sifar bagi skrip jawapan berkenaan melainkan Senat memutuskan sebaliknya.
- (a) Keperluan minimum pengajian
- (i) Untuk memenuhi keperluan minimum pengajian di Universiti, calon hendaklah memperolehi PNG dan PNGK tidak kurang daripada 3.0 pada setiap semester sehingga tamat pengajiannya.
  - (ii) Fakulti hendaklah menentukan sebelum semester pertama pada setiap sesi akademik dan memberitahu awal kepada calon, kursus-kursus yang ia disyaratkan untuk lulus pada gred-gred minimum yang tertentu.
  - (iii) Bagi kursus yang disyaratkan untuk lulus pada gred-gred minimum yang tertentu, calon hendaklah mengulang mana-mana kursus dengan gred yang kurang daripada gred minimum supaya calon dapat mencapai gred minimum yang ditetapkan dalam tempoh maksimum pencalonannya. Calon yang mencapai gred kurang daripada gred lulus minimum yang diperlukan selepas tiga kali percubaan bagi sesuatu kursus yang disyaratkan, akan ditamatkan daripada program pengajiannya.

- (iv) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (ii) dan (iii) dan had tempoh maksimum pencalonannya, calon yang memperolehi PNGK 3.0 dan ke atas dalam suatu semester—
    - (A) boleh mengekalkan Gred B-, C+ atau C yang telah dicapai olehnya untuk mana-mana kursus; atau
    - (B) mengulang untuk mempertingkatkan Gred yang telah dicapai dalam mana-mana kursus.
  - (v) Calon yang memperolehi PNGK kurang daripada 3.0 dalam suatu semester—
    - (A) tidak boleh mengekalkan Gred B-, C+ atau C yang telah dicapai dalam mana-mana kursus sehingga calon telah mencapai PNGK 3.0 dan ke atas pada semester berikut; dan
    - (B) hendaklah mengulangi mana-mana kursus pada semester berikut bagi mempertingkatkan PNGKnya kepada 3.0 dan ke atas tertakluk kepada had tempoh maksimum pencalonannya.
  - (vi) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (iv), calon yang memperolehi PNG kurang daripada keperluan minimum PNG yang ditetapkan bagi program pengajiannya akan diletakkan dalam Tempoh Pemerhatian Akademik pada semester biasa yang berikut. Tempoh itu akan terus kekal dan hendaklah tamat apabila calon telah mencapai keperluan minimum PNG yang ditetapkan pada semester biasa yang berikut. Mana-mana calon yang diletakkan dalam Tempoh Pemerhatian Akademik lebih dari dua semester biasa berturut-turut akan ditamatkan daripada program pengajiannya.
  - (vii) Calon yang memperolehi PNG atau PNGK kurang daripada 2.0 dalam dua semester biasa berturut-turut akan ditamatkan daripada program pengajiannya.
  - (viii) Bagi maksud subperenggan (vi) dan (vii), hanya semester biasa yang calon telah mendaftar, mengikuti dan mengambil peperiksaan bagi kursus berkenaan akan diambilkira.
  - (ix) Apabila calon diletakkan dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dalam sesuatu semester, Dekan Fakulti hendaklah memberikan amaran kepada calon dan memaklukkannya mengenai status kemajuannya. Amaran itu hendaklah mengandungi pernyataan yang jelas tentang apa yang dianggap sebagai “kemajuan yang memuaskan” dan apa yang calon perlu lakukan untuk mencapainya.
  - (x) Apabila calon ditamatkan daripada program pengajiannya, notis penamatan hendaklah dihantar kepada calon oleh Dekan Fakulti di mana calon telah mendaftar program pengajiannya.
- (2) Kaedah penilaian komponen penyelidikan hendaklah seperti berikut :
- (a) Kaedah penilaian bagi program pengajian secara Penyelidikan hendaklah melalui pemeriksaan sebuah tesis dan peperiksaan viva mengenai tesis tersebut.
  - (b) Tesis hendaklah diperiksa, dinilai dan diperakukan oleh setiap pemeriksa sama ada—
    - (i) dianugerahkan Lulus atau Gagal;
    - (ii) dirujuk untuk pembetulan tanpa peperiksaan semula; atau

- (iii) dirujuk untuk kajian lanjut dan diserahkan untuk peperiksaan semula.
- (c) Markah dan gred tidak akan diberi dalam pemeriksaan tesis.
- (d) Calon adalah diwajibkan untuk menghadiri satu peperiksaan viva mengenai tesisnya. Jawatankuasa Pemeriksa mempunyai kuasa untuk menentukan kaedah pengendalian peperiksaan viva untuk tesis calon. Jawatankuasa Pemeriksa boleh, jika perlu, menjemput seorang guru Universiti yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan peperiksaan viva calon berkenaan.
- (e) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah setelah menimbang laporan pemeriksa, tesis calon dan peperiksaan viva, memutuskan dan memperakukan sama ada tesis calon tersebut—
  - (i) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan Ijazah tanpa perlu membuat pembetulan;
  - (ii) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan Ijazah tertakluk kepada calon membuat pembetulan dalam tempoh kurang dari enam bulan tanpa peperiksaan semula;
  - (iii) dirujuk untuk menjalani kajian lanjut dalam satu tempoh antara **enam (6) hingga dua belas (12) bulan** sepertimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan hendaklah diserahkan untuk peperiksaan semula sebelum tamat tempoh yang ditetapkan; atau
  - (iv) tidak mencapai merit akademik yang mencukupi dan calon telah gagal dalam peperiksaan tesisnya.
- (f) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperenggan (e)(iii), kajian lanjut untuk tempoh yang melebihi **dua belas (12) bulan** hanya boleh diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa atas keadaan tertentu dan berdasarkan laporan pemeriksa yang berkenaan.
- (g) Bagi maksud peraturan ini “kajian lanjut” ertinya semakan dan penulisan semula tesis termasuk penyelidikan lanjut dalam topik tesis tersebut. Manakala “peperiksaan semula” ertinya penilaian semula tesis calon oleh Jawatankuasa Pemeriksa selepas menjalani kajian lanjut.
- (h) Calon yang dirujuk untuk kajian lanjut boleh diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk menghadiri peperiksaan viva mengenai tesisnya untuk kali kedua.
- (i) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah berdasarkan laporan pemeriksa dan prestasi calon semasa viva voce dan seboleh-bolehnya dicapai melalui sebulat suara. Sekiranya keputusan tidak dapat dicapai, seorang pemeriksa tambahan boleh dilantik bagi membantu Jawatankuasa Pemeriksa membuat keputusan.
- (j) Pembetulan dan peperiksaan semula tesis hendaklah seperti berikut:
  - (i) Calon yang dikehendaki membuat pembetulan menurut peruntukan subperenggan (2)(e)(ii) di atas hendaklah menyerahkan tesisnya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk membuat pembetulan tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan tesisnya melainkan dalam keadaan yang tertentu suatu tempoh lanjutan yang tidak melebihi sembilan puluh hari kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Dekan Fakulti.

- (ii) Calon yang dikehendaki menjalani kajian lanjut menurut peruntukan subperenggan (2)(e)(iii) di atas hendaklah menyerahkan tesisnya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk menjalani kajian lanjut tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan tesisnya melainkan suatu tempoh lanjutan kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa. Bagi maksud perenggan ini, tempoh yang ditentukan akan bermula sehari selepas tamat tempoh kajian lanjut yang ditetapkan.
- (iii) Tesis yang telah diserahkan untuk peperiksaan semula hendaklah dihantar kepada semua pemeriksa yang berkenaan untuk diperiksa semula dan suatu laporan baru hendaklah disediakan oleh setiap pemeriksa dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa untuk dipertimbangkan.
- (iv) Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan hendaklah selepas menimbang laporan pemeriksa, tesis calon dan peperiksaan viva (jika ada), memutuskan dan memperakukan sama ada tesis calon dianugerahkan Lulus atau Gagal. Sekiranya tesis tidak mencapai merit yang mencukupi untuk dianugerahkan Ijazah Doktor Kesihatan Awam, Jawatankuasa Pemeriksa boleh memperakukan calon dianugerahkan Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan selepas berpuashati bahawa tesis calon tersebut telah mencapai merit yang mencukupi untuk dianugerahkan ijazah Sarjana.
- (v) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (2)(b)(iii) dan (2)(e)(iii) di atas tiada calon dibenarkan untuk menyerahkan tesisnya untuk peperiksaan semula lebih daripada sekali.
- (vi) Calon yang dikehendaki menyerahkan tesisnya untuk peperiksaan semula hendaklah meneruskan pendaftarannya sebagai calon dan membayar yuran pendaftaran berkenaan.

### Peperiksaan khas

25. Dalam keadaan tertentu, Senat boleh atas perakuan Fakulti, meluluskan peperiksaan khas bagi calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan untuk sesuatu kursus atas alasan luar biasa. Calon yang diluluskan untuk menduduki peperiksaan khas bagi sesuatu kursus hendaklah mengambil peperiksaan itu sebelum minggu kedua semester yang berikut.

### Pengurusan markah dan gred

26. (1) Selepas peperiksaan akhir untuk sesuatu kursus pada akhir setiap semester, pemeriksa hendaklah menyerahkan markah dan gred kursus kepada Dekan Fakulti atau Ketua Jabatan yang hendaklah menyemak dan memutuskan sama ada markah dan gred itu perlu dinilai semula. Markah dan gred asal dan markah dan gred jika berkenaan, daripada hasil penilaian semula hendaklah dibincang di peringkat jabatan untuk mencapai markah dan gred muktamad yang kemudiannya hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa melalui Dekan Fakulti. Markah dan gred muktamad adalah sepertimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan.
- (2) Gred akhir sesuatu kursus selepas peperiksaan akhir pada penghujung setiap semester hendaklah dipaparkan oleh pemeriksa di papan kenyataan Fakulti.
- (3) Institut Pengajian Siswazah Universiti atau mana-mana pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod rasmi calon dan mengeluarkan kepada setiap calon—
- (a) keputusan peperiksaan untuk program pengajiannya; dan
  - (b) rekod akademiknya selepas penamatan program pengajiannya.

### **Kemasukan sebagai calon peperiksaan**

27. Calon tidak dibenarkan mengambil sesuatu peperiksaan dalam manamana kursus atau menyerahkan tesis untuk peperiksaan kecuali—
- (a) ia telah mendaftar sebagai calon untuk kursus atau kursus-kursus yang ditetapkan untuk program pengajian Ijazah semasa mengambil peperiksaan atau telah mendaftar sebagai calon untuk program pengajian Ijazah semasa menyerahkan tesis untuk peperiksaan, mengikut yang mana berkenaan;
  - (b) ia telah membayar yuran yang ditetapkan; dan
  - (c) yang mana perlu, Dekan Fakulti telah mengesahkan bahawa calon telah mengikuti kursus atau kursus-kursus berkenaan yang disyaratkan dengan memuaskan.

### **Penarikan diri dari peperiksaan**

28. (1) Calon yang ingin menarik diri dari peperiksaan mana-mana kursus yang beliau telah mendaftar dalam sesuatu semester hendaklah memberi notis bertulis kepada Dekan Fakulti selewat-lewatnya dua minggu sebelum mulanya tempoh peperiksaan yang dijadualkan dalam sesuatu semester dengan memberi sebab-sebab untuk penarikan diri itu.
- (2) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari peperiksaan sesuatu kursus apabila tempoh peperiksaan yang ditetapkan pada semester berkenaan telah bermula kecuali dibenarkan oleh Dekan Fakulti atas alasan luar biasa yang disokong dengan bukti dokumentasi.
- (3) Calon tidak boleh menarik diri daripada sesuatu pemeriksaan tesis apabila tesis telah diserahkan untuk peperiksaan.
- (4) Apabila calon telah menarik diri daripada peperiksaan semua kursus yang beliau telah mendaftar dalam sesuatu semester, semester itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonannya. Senat atas perakuan Fakulti boleh meluluskan, atas alasan luar biasa yang dikemukakan oleh calon, bahawa semester berkenaan tidak dikira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon itu.

### **Ketidakhadiran dalam peperiksaan**

29. (1) Calon yang telah mendaftar dan mengikuti sesuatu kursus hendaklah mengambil peperiksaan yang ditetapkan untuk kursus itu selagi dia tidak menarik diri atau dihalang daripada peperiksaan berkenaan.
- (2) Calon yang tidak mengambil sepenuh atau sebahagian sesuatu kursus hendaklah memberitahu Dekan Fakulti secara bertulis dengan memberi sebab mengenai ketidakhadirannya. Surat itu hendaklah dihantar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh peperiksaan untuk kursus berkenaan dan hendaklah disertakan bersama dengan—
- (a) laporan perubahan daripada pegawai perubatan berdaftar sekiranya ketidakhadiran dari peperiksaan kursus itu adalah atas alasan perubatan; atau
  - (b) laporan daripada pegawai daerah atau pegawai polis atau pegawai kerajaan berkenaan sekiranya ketidakhadiran peperiksaan untuk kursus berkenaan adalah atas alasan perikemanusiaan.
- (3) Surat calon bersama dengan laporan sepertimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2) di atas hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mengesyorkan sama ada calon harus diberi Gred I atau Gred F atau peperiksaan khas bagi kursus berkenaan.

- (4) Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh dalam apa jua keadaan, menimbang apa-apa permintaan calon yang telah tidak menduduki peperiksaan untuk sesuatu kursus apabila Jawatankuasa Pemeriksa telah bermesyuarat untuk menentukan keputusan peperiksaan bagi kursus itu.
- (5) Calon yang jatuh sakit semasa menduduki peperiksaan hendaklah melaporkan kepada ketua pengawas atau mana-mana pengawas yang hendaklah mengurus supaya calon itu diperiksa dengan serta-merta oleh Doktor Kesihatan Pelajar Universiti atau Pusat Perubatan Universiti Malaya atau Hospital Kerajaan. Laporan doktor serta laporan ketua pengawas atau pengawas mengenai kejadian tersebut, hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dengan seberapa segera tetapi tidak lewat dari tujuh hari dari tarikh kertas peperiksaan berkenaan.
- (6) Calon yang tidak mengambil sepenuh atau sebahagian peperiksaan sesuatu kursus yang didaftar tanpa sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa akan diberi markah sifar bagi sepenuh atau sebahagian kursus itu.
- (7) Di mana calon dikehendaki oleh pemeriksa atau Dekan Fakulti untuk menyerahkan tugas atau sebarang kerja bertulis bagi sesuatu kursus dalam satu tempoh yang ditetapkan dan calon gagal berbuat demikian, beliau dianggap sebagai telah gagal dalam tugas atau kerja bertulis itu melainkan pemeriksa atau Dekan Fakulti membenarkan tempoh lanjutan untuk penyerahan tugas atau kerja bertulis itu.

### **Pengendalian peperiksaan**

30. (1) Calon tidak dibenarkan menghadiri diri untuk peperiksaan sesuatu kursus lewat dari tiga puluh minit selepas mulanya peperiksaan bagi kursus itu. Dalam keadaan tertentu ketua pengawas boleh membenarkan calon yang datang lewat selepas tiga puluh minit untuk menduduki peperiksaan bagi kursusnya sekiranya ketua pengawas berpuashati dengan alasan dan bukti yang dikemukakan oleh calon berkenaan. Alasan yang diberi oleh calon hendaklah dicatatkan oleh ketua pengawas dalam laporan peperiksaannya dan hendaklah dibentangkan bersama-sama dengan bukti yang dikemukakan oleh calon dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
- (2) Calon yang lewat menghadirkan diri untuk peperiksaan sesuatu kursus yang dibenarkan menduduki peperiksaan di bawah subperaturan (1) tidak akan diberi masa tambahan untuk peperiksaan itu.
- (3) Calon tidak dibenarkan meninggalkan bilik peperiksaan sehingga tiga puluh minit selepas bermulanya sesuatu peperiksaan atau lima belas minit sebelum waktu tamat sesuatu peperiksaan.
- (4) Calon yang dibenarkan oleh ketua pengawas atau pengawas untuk meninggalkan bilik peperiksaan atas alasan tertentu hendaklah diawasi dari masa beliau meninggalkan bilik peperiksaan sehingga beliau masuk semula ke bilik peperiksaan.
- (5) Calon tidak boleh—
  - (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau keluar dari bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali calon boleh semasa di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
  - (b) menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya atau di atas pakaiannya;

- (c) berhubung dengan mana-mana calon lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa jua cara; atau
  - (d) menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba menipu dalam sesuatu peperiksaan semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.
- (6) Calon tidak dibenarkan merokok dalam mana-mana bilik peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
- (7) Ketua pengawas dan pengawas hendaklah dilantik daripada guru sepenuh masa dalam bilangan dan bagi tempoh peperiksaan yang perlu oleh Naib Canselor atau pegawai yang diberi kuasa oleh Naib Canselor. Guru sepenuh masa yang dilantik sebagai ketua pengawas atau pengawas hendaklah menjalankan tugas-tugas pengawasan sepertimana yang ditetapkan.
- (a) Ketua pengawas atau pengawas hendaklah melaporkan kepada Naib Canselor, jika pada pandangan ketua pengawas atau pengawas, timbul kejadian semasa peperiksaan yang—
    - (i) memerlukan pembatalan atau penangguhan peperiksaan itu;
    - (ii) menjadikan peperiksaan itu dijalankan secara tidak betul; atau
    - (iii) menjadikan peperiksaan itu tidak adil kepada mana-mana calon.
  - (b) Di mana sesuatu kejadian sepertimana yang dinyatakan dalam subperenggan (i) telah dilaporkan kepada Naib Canselor, Naib Canselor boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan wajar termasuk mengarahkan supaya satu peperiksaan baru diadakan bagi kursus berkenaan dan di mana perlu, melaporkan keputusan beliau kepada Senat.
- (8) Di mana Naib Canselor mempunyai sebab mempercayai bahawa kandungan untuk mana-mana kertas peperiksaan atau mana-mana maklumat bersabit dengan sesuatu peperiksaan atau kerja yang dijalankan bersabit dengan sesuatu peperiksaan mungkin telah diketahui sebelum tarikh dan waktu peperiksaan oleh mana-mana orang selain daripada pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar, ia boleh mengarahkan penggantungan atau pembatalan kertas peperiksaan atau peperiksaan berkenaan dan menggantikannya dengan kertas peperiksaan atau peperiksaan baru.
- (9) Calon yang didapati memplagiat tugas atau sebarang kerja bertulisnya yang merupakan sebahagian daripada penilaian kursus, boleh diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

### **Keputusan peperiksaan**

31. (1) Laporan Jawatankuasa Pemeriksa untuk mana-mana peperiksaan akhir yang melayakkan calon berkenaan bagi penganugerahan Ijazah hendaklah dibentang kepada Senat untuk kelulusan.
- (2) Nombor pendaftaran dan identiti calon berkenaan bagi sesuatu kursus tidak boleh diberitahu kepada pemeriksa kecuali dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa yang diadakan untuk menentukan keputusan peperiksaan bagi calon berkenaan.
- (3) Markah peperiksaan yang diberi kepada calon untuk mana-mana kursus, prosedur dan perjalanan mesyuarat serta laporan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah rahsia dan tidak boleh diberitahu kepada sesiapa yang bukan ahli Jawatankuasa Pemeriksa atau Senat.
- (4) Walau apapun dinyatakan dalam subperaturan (2), pemeriksa sesuatu kursus boleh memberitahu kepada calon berkenaan gred bagi kursus individu sebelum mesyuarat

Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat gred yang dimaklumkan sedemikian hendaklah tertakluk kepada pengesahan Jawatankuasa Pemeriksa dan kelulusan Senat. Keputusan peperiksaan boleh diumumkan kepada calon selepas mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat apa-apa keputusan yang diumumkan adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

## BAHAGIAN IX PENGIJAZAHAN

### Penganugerahan Ijazah

32. Calon perlu memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan:

- (1) Memenuhi keperluan komponen kursus, iaitu—
  - (a) mencapai PNGK terakhir 3.0 dan ke atas;
  - (b) menyempurnakan bilangan jam kredit seperti mana yang ditetapkan untuk program pengajiannya. Daripada jumlah jam kredit yang diperlukan untuk pengijazahan, sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah jam kredit yang diperolehi hendaklah daripada kursus yang dijalankan oleh Universiti; dan
  - (c) memenuhi keperluan Fakulti, jika ada; dan
- (2) Memenuhi keperluan komponen penyelidikan, iaitu—
  - (a) mencapai tahap Lulus dalam peperiksaan tesisnya;
  - (b) lulus peperiksaan viva yang ditetapkan; dan
  - (c) memenuhi keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti, jika ada; dan
- (3) Memenuhi keperluan bahasa sepertimana yang ditetapkan untuk program pengajiannya.

### Penganugerahan tesis cemerlang

33. Tesis layak dianugerahkan sebagai cemerlang sekiranya—

- (1) diperakukan cemerlang dalam laporan semua pemeriksa;
- (2) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa; dan
- (3) disempurnakan dan diserahkan oleh calon untuk peperiksaan:
  - (a) tidak melebihi sepuluh (10) semester biasa dari tarikh pendaftaran permulaan calon berkenaan; atau
  - (b) tidak melebihi lapan (8) semester biasa dari tarikh pendaftaran permulaan jika calon diterima masuk terus ke Bahagian 2.

## BAHAGIAN X RAYUAN

### Rayuan untuk semakan semula keputusan peperiksaan kursus

34. (1) Calon yang tidak berpuashati dengan keputusan peperiksaannya boleh merayu untuk semakan semula keputusan peperiksaan. Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Bagi



maksud perenggan ini, “tarikh pengumuman rasmi” hendaklah tarikh yang tercatat dalam slip keputusan peperiksaan yang dihantar kepada calon.

- (2) Satu bayaran atas kadar yang ditetapkan hendaklah dikenakan bagi memproses rayuan untuk semakan semula keputusan peperiksaan. Bayaran itu tidak akan dikembalikan sama ada rayuan berjaya atau tidak.
- (3) Rayuan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti berkenaan. Borang yang telah diisi hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti bersama dengan salinan resit yang menunjukkan bayaran untuk rayuan itu telah dibuat.
- (4) Borang rayuan tidak akan diterima sekiranya ia—
  - (a) dikemukakan selepas tempoh yang dinyatakan di dalam subperaturan (1);
  - (b) tidak lengkap; atau
  - (c) dikemukakan tanpa resit bayaran.

### **Rayuan untuk meneruskan pengajian**

35. (1) Calon yang luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonannya, boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajiannya. Rayuan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti.
- (2) Kelulusan untuk mengaktifkan pencalonan hanya boleh diberi sekiranya tempoh peluputan pencalonannya tidak melebihi dua semester pada satu-satu masa, tertakluk kepada baki tempoh pencalonan yang masih ada. Calon yang rayuannya diluluskan perlu membayar denda mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Calon yang menghampiri tempoh maksimum pencalonan tetapi masih memerlukan masa untuk menyiapkan tesis boleh mengemukakan rayuan untuk melanjutkan tempoh maksimum pencalonannya. Rayuan tersebut perlu dibuat pada semester terakhir sebelum pencalonan tamat dan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh universiti atau Fakulti.
- (4) Pelanjutan tempoh maksimum pencalonan boleh diberi untuk satu semester sahaja pada satu-satu masa. Walau apapun peruntukan subperaturan ini, tempoh pelanjutan maksimum yang boleh diluluskan untuk seseorang calon hendaklah tidak melebihi dua semester.
- (5) Calon yang telah gagal peperiksaan tesisnya dan tidak berpuashati dengan keputusan tersebut boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Timbalan Naib Canselor yang berkenaan dalam tempoh enam bulan dari tarikh surat pemberitahuan keputusan peperiksaannya.
- (6) Rayuan calon akan dikaji oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan bersama Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti. Sekiranya rayuan calon tidak wajar dipertimbangkan, calon akan dimaklumkan bahawa rayuannya tidak diluluskan. Sekiranya rayuan calon wajar dipertimbangkan, Timbalan Naib Canselor yang berkenaan akan mengemukakan rayuan tersebut kepada Senat untuk dipertimbangkan sama ada—
  - (a) keputusan Jawatankuasa Pemeriksa asal dikekalkan;
  - (b) pemeriksa tambahan dilantik untuk memeriksa tesis calon; atau

- (c) suatu Jawatankuasa Pemeriksa baru dilantik untuk mengkaji keputusan calon dan mengemukakan perakuannya kepada Senat.
- (7) Calon program pengajian Ijazah yang telah gagal peperiksaan bagi komponen kursus dan tidak berpuashati dengan keputusan tersebut boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Bagi maksud perenggan ini, "tarikh pengumuman rasmi" hendaklah tarikh yang tercatat dalam slip keputusan peperiksaan yang dihantar kepada calon.
- (8) Dekan Fakulti, berdasarkan perakuan Fakulti akan mengemukakan rayuan calon kepada Senat untuk kelulusan.

## BAHAGIAN XI KEMASUKAN SEMULA KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

### **Kemasukan semula ke program pengajian Ijazah**

- 36. (1) Calon yang telah menarik diri dari program pengajian Ijazah boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk ke program pengajian Ijazah atau mana-mana program pengajian ijazah tinggi lain di Universiti.
- (2) Calon yang telah luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonan atau telah melampaui tempoh maksimum pencalonan boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajian Ijazah tertakluk kepada syarat ia mengikuti pengajian dalam bidang yang berlainan dan diselia oleh penyelia yang berlainan.
- (3) Calon yang ditamatkan pengajian kerana gagal dalam peperiksaan atau atas alasan selain daripada gagal dalam peperiksaan tidak boleh diterima masuk semula ke program pengajian Ijazah atau mana-mana program pengajian Ijazah tinggi lain Universiti.

## BAHAGIAN XII AM

### **Kuasa Senat**

- 37. Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda mana-mana peraturan yang menguasai program pengajian Ijazah sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan ini. Mana-mana peraturan baru, pembatalan atau pindaan kepada peraturan-peraturan tersebut hendaklah diumumkan kepada calon sebelum mulanya sesi akademik calon.

### **Mengaudit kursus**

- 38. (1) Calon boleh mendaftar untuk mengaudit mana-mana kursus setelah mendapat kelulusan pensyarah yang mengelola kursus tersebut dan dekan fakulti di mana calon mengaudit kursus.
- (2) Dekan fakulti di mana calon mengaudit kursus hendaklah mengesahkan calon memenuhi syarat minimum lapan puluh peratus kehadiran untuk melayakkan calon diberi Gred R bagi kursus yang diaudit dan dicatat dalam transkrip.
- (3) Calon audit tidak diwajibkan menduduki peperiksaan bagi kursus berkenaan. Sekiranya menduduki, setelah mendapat kelulusan dekan fakulti di mana calon mengaudit kursus berkenaan, gred sebenar akan dicatat dan sekiranya calon gagal, Gred R akan dicatat di dalam transkrip. Sebarang gred yang dicatat tidak diambilkira untuk pengiraan PNG/PNGK.

- (4) Dalam keadaan tertentu dan tertakluk kepada syarat program pengajian Ijazah berkenaan, kursus audit boleh diterimapakai sebagai kursus yang memenuhi prasyarat kursus atau prasyarat program pengajian Ijazah.

**Pelajar tidak bergraduat**

39. Dekan Fakulti diberi kuasa untuk menerima masuk seseorang sebagai pelajar tidak bergraduat tertakluk kepada syarat berikut:
  - (1) Tidak lebih dari satu tahun kalendar jika ia menjalani penyelidikan atau tidak lebih dari satu sesi akademik jika ia mengikuti kursus; dan
  - (2) Jumlah kursus yang boleh diambil oleh pelajar tidak bergraduat tidak boleh lebih daripada dua pertiga jumlah jam kredit maksimum yang ditetapkan untuk calon program pengajian Ijazah dalam sesuatu semester.

Dibuat pada ..... oleh Senat Universiti Malaya

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2012**

**JADUAL I  
(Subperaturan 4(1) )**

**Senarai Struktur Program Ijazah Doktor Kesihatan Awam**

- (1) Program pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam yang berjumlah 84 jam kredit terdiri daripada dua bahagian berikut:
  - (a) Bahagian 1 yang melibatkan kursus berjumlah 24 jam kredit yang terdiri daripada—
    - (a) Satu Kursus Teras Wajib yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit;
    - (b) Satu Kursus Wajib Internship yang berjumlah enam jam kredit;
    - (c) Dua Kursus Teras Wajib Bidang Profesional yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit; dan
    - (d) Tiga Kursus Pengkhususan Bidang Profesional yang setiap satunya berjumlah tiga jam kredit; dan
  - (b) Bahagian 2 yang melibatkan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis berjumlah 60 jam kredit.
- (2)
  - (1) Calon perlu menyempurnakan dengan jayanya Bahagian 1 sebelum dibenar meneruskan pengajian ke Bahagian 2.
  - (2) **Calon perlu memperoleh minimum gred B di dalam Kursus Teras Wajib.**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH DOKTOR KESIHATAN AWAM) 2008**

**JADUAL II  
(Subperaturan 4 (2) )**

**Senarai Kursus**

**Kursus Teras Wajib**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
MOHX 7101	Penyediaan Cadangan Penyelidikan <i>Research Protocol Development</i>	3

**Kursus Wajib Internship**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
MOHX 7180	Internship Profesional <i>Professional Internship</i>	6

**Kursus Teras Wajib Bidang Profesional**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
MOHX 7102	Epidemiologi Asas di bidang Kesihatan Awam <i>Essentials of Epidemiology in Public Health</i>	3
MOHX 7103	Polisi Kesihatan dan Kepimpinan <i>Health Policy and Leadership</i>	3

**Kursus Pengkhususan Bidang Profesional**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
<b>(1) Bidang : Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan <i>Health Services Management</i></b>		
MOHX 7301	Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia <i>Human Resource Planning and Management</i>	3
MOHX 7302	Etika dan Perundangan Kesihatan <i>Health Law and Ethics</i>	3
MOHX 7303	Ekonomi Kesihatan <i>Health Economics</i>	3
MOHX 7304	Pengurusan Logistik Kesihatan <i>Health Logistics Management</i>	3
MOHX 7305	Kualiti dalam Kesihatan <i>Quality in Health</i>	3
<b>(2) Bidang : Kesihatan Keluarga <i>Family Health</i></b>		
MOHX 7306	Kesihatan Wanita <i>Women's Health</i>	3
MOHX 7307	Kesihatan Kanak-Kanak dan Remaja <i>Child and Adolescent Health</i>	3
MOHX 7308	Kesihatan Sepanjang Hayat <i>Lifetime Health</i>	3
MOHX 7309	Nutrition and Lactation Management <i>Pemakanan dan Pengurusan Penyusuan</i>	3
MOHX 7310	Masyarakat, Tingkahlaku dan Kesihatan <i>Society, Behaviour and Health</i>	3
<b>(3) Bidang : Kesihatan Persekitaran <i>Environmental Health</i></b>		

MOHX 7311	Pencemaran Persekitaran <i>Environmental Pollution</i>	3
MOHX 7312	Teknologi Makanan dan Kesihatan <i>Food Technology and Health</i>	3
MOHX 7313	Pengurusan Sisa Buangan <i>Waste Management</i>	3
<b>(4) Bidang : Perubatan Pekerjaan <i>Occupational Medicine</i></b>		
MOHX 7314	Faktor Kemanusiaan dan Ergonomik <i>Human Factor and Ergonomics</i>	3
MOHX 7315	Penilaian Ketidakupayaan <i>Disability Assessment</i>	3
MOHX 7316	Penyakit berkaitan Paru-Paru dalam Pekerjaan <i>Occupational Lung Diseases</i>	3
MOHX 7317	Sistem Pengurusan Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan <i>OSH Management Systems</i>	3
<b>(5) Bidang : Epidemiology dalam Kesihatan <i>Epidemiology in Health</i></b>		
MOHX 7318	Epidemiologi Lanjutan <i>Advanced Epidemiology</i>	3
MOHX 7319	Epidemiologi Klinikal <i>Clinical Epidemiology</i>	3
MOHX 7320	Epidemiologi Penyakit Berjangkit <i>Epidemiology of Communicable Diseases</i>	3
MOHX 7321	Epidemiologi Penyakit Tidak Berjangkit <i>Epidemiology of Non Communicable Diseases</i>	3
<b>(6) Bidang : Statistik Perubatan <i>Biomedical Statistics</i></b>		
MOHX 7322	Analisis Perkadaran dan Nisbah <i>Analysis of Rates and Proportions</i>	3
MOHX 7323	Statistik Berkomputer <i>Statistical Computing</i>	3
MOHX 7324	Pengenalan Kepada Analisis–Meta <i>Introduction to Meta-Analysis</i>	3
MOHX 7325	Prinsip-Prinsip Percubaan Klinikal <i>Principles of Clinical Trials</i>	3
MOHX 7326	Analisis-Analisis Faktor <i>Factor Analyses</i>	3
MOHX 7327	Perkataan Masa <i>Time Series</i>	3

### **HADIAH PERINGATAN K. PATHMARAJAH**

Hadiah Peringatan K. Pathmarajah adalah hadiah tahunan yang ditubuhkan daripada pendapatan tabung bernilai RM10,800.00 sumbangan daripada ahli Persatuan Alumni Manipal, keluarga dan kawan-kawan bagi memperingati mendiang Dr. K. Pathmarajah bekas seorang pensyarah di Fakulti Perubatan.

#### **Peraturan**

1. Hadiah Peringatan K. Pathmarajah akan dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam Peperiksaan Bahagian II untuk Ijazah Sarjana Anesthesiologi.
2. Hadiah tersebut akan dianugerahkan oleh Senat atas perakuan Lembaga Pemeriksa bagi Peperiksaan berkenaan.
3. Hadiah tersebut akan berupa pingat emas yang bernilai sehingga RM500.00.
4. Pingat emas tersebut akan dianugerahkan sekiranya tiada calon yang dianggap layak menerima hadiah dalam mana-mana tahun akademik. Dalam keadaan demikian wang yang didapati dalam tahun akademik tersebut akan dibawa ke hadapan untuk menyediakan hadiah tambahan dalam mana-mana tahun yang berikutan sekiranya ada lebih daripada seorang calon yang dianggap layak menerima hadiah tersebut.

### **HADIAH DR. RANJEET BHAGWAN SINGH**

Hadiah Dr. Ranjeet Bhagwan Singh telah ditubuhkan dari pendapatan satu kumpulan wang sebanyak Ringgit 5,000 yang didermakan kepada Universiti Malaya oleh Dr. Ranjeet Bhagwan Singh untuk dihadiahkan kepada calon terbaik dalam Peperiksaan Sarjana Patologi.

#### **Peraturan**

1. Hadiah Dr. Ranjeet Bhagwan Singh akan berupa satu pingat emas yang akan dianugerahkan tiap-tiap tahun oleh Senat Universiti Malaya kepada pelajar terbaik dalam Peperiksaan Sarjana Patologi.
2. Hadiah ini akan dibuat oleh Senat atas perakuan Lembaga Pemeriksa yang berkenaan.
3. Hadiah tidak akan dianugerahkan jika tidak ada calon dengan merit yang cukup dalam mana-mana tahun akademik. Dalam hal ini, wang yang ada akan dibawa ke hadapan untuk mengadakan hadiah tambahan dalam tahun lain sekiranya terdapat lebih daripada satu calon yang mempunyai merit akademik yang mencukupi.
4. Kos hadiah ini akan dibiayai dari pendapatan yang diperolehi tiap-tiap tahun daripada derma tersebut.

## **HADIAH SARJANA RADIOLOGI**

Hadiah Sarjana Radiologi ditubuhkan dengan derma sebanyak Sepuluh Ribu Ringgit dari Primabumi Sdn. Bhd. dan Lima Ribu Ringgit dari Meditel Electronics Sdn. Bhd. kepada Universiti Malaya. Hadiah Sarjana Radiologi ini akan dianugerahkan tiap-tiap tahun kepada pelajar dengan pencapaian terbaik keseluruhan dalam program Sarjana Radiologi berdasarkan peperiksaan akhir untuk Ijazah Sarjana Radiologi. Kos hadiah akan dibiayai dari pendapatan derma ini tiap-tiap tahun.

### **Peraturan**

1. Hadiah Sarjana Radiologi akan dianugerahkan pada tiap-tiap tahun kepada seorang pelajar terbaik dalam Peperiksaan Akhir untuk Ijazah Sarjana Radiologi.
2. Pelajar yang gagal dalam mana-mana Bahagian I, Bahagian II atau Penilaian Akhir tidak layak dipertimbangkan untuk hadiah ini.
3. Hadiah akan dianugerahkan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan.
4. Hadiah pertama akan dibuat berdasarkan pencapaian akademik terbaik pelajar bagi peperiksaan sesi akademik 2001/2002.
5. Bentuk hadiah yang diberi merupakan wang tunai bernilai RM600.00.
6. Hadiah tidak akan dianugerahkan dalam mana-mana tahun akademik sekiranya tidak ada calon yang mencapai taraf akademik yang mencukupi. Dalam hal ini, wang yang ada akan dibawa ke hadapan untuk membolehkan hadiah tambahan dibuat dalam tahun akademik berikutnya sekiranya terdapat lebih dari seorang calon mencapai taraf akademik yang mencukupi.

## **HADIAH SARJANA FIZIK PERUBATAN**

Hadiah Sarjana Fizik Perubatan ditubuhkan dengan derma sebanyak Sepuluh Ribu Ringgit dari Primabumi Sdn. Bhd. dan Lima Ribu Ringgit dari Meditel Electronics Sdn. Bhd. kepada Universiti Malaya. Hadiah Sarjana Fizik Perubatan ini akan dianugerahkan tiap-tiap tahun kepada pelajar dengan pencapaian terbaik keseluruhan dalam Program Sarjana Fizik Perubatan berdasarkan Peperiksaan akhir untuk Ijazah Sarjana Fizik Perubatan. Kos hadiah akan dibiayai dari pendapatan derma ini tiap-tiap tahun.

### **Peraturan**

1. Hadiah Sarjana Fizik Perubatan akan dianugerahkan pada tiap-tiap tahun kepada seorang pelajar terbaik dalam Peperiksaan Akhir untuk Ijazah Sarjana Fizik Perubatan.
2. Pelajar yang gagal dalam mana-mana Peperiksaan Semester I atau Semester II tidak layak dipertimbangkan untuk hadiah ini.
3. Hadiah ini akan dianugerahkan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan.
4. Hadiah pertama akan dibuat berdasarkan pencapaian akademik terbaik pelajar bagi peperiksaan sesi akademik 2001/2002.
5. Bentuk hadiah yang diberi merupakan wang tunai bernilai RM600.00
6. Hadiah tidak akan dianugerahkan dalam mana-mana tahun akademik sekiranya tidak ada calon yang mencapai taraf akademik yang mencukupi. Dalam hal ini, wang yang ada akan dibawa ke hadapan untuk membolehkan hadiah tambahan dibuat dalam tahun akademik berikutnya sekiranya terdapat lebih dari seorang calon mencapai taraf akademik yang mencukupi.



## **HADIAH PERINGATAN DR. JOHN BOSCO**

Hadiah Peringatan Dr. John Bosco diwujudkan dari sumbangan kewangan oleh keluarga dan rakan-rakan untuk memperingati mendiang Profesor John Bosco yang juga bekas Ketua Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan.

### **Peraturan**

1. Hadiah Peringatan Dr. John Bosco akan dianugerahkan kepada pelajar terbaik yang lulus Peperiksaan Bahagian II dan Penilaian Akhir untuk Ijazah Sarjana Perubatan Dalamam. Pemenang mestilah tidak pernah gagal dalam mana-mana peperiksaan klinikal atau bertulis dalam mana-mana bahagian peperiksaan berkenaan dan hendaklah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan konsisten sepanjang pengajiannya.
2. Hadiah Peringatan Dr. John Bosco berupa hadiah buku bernilai RM2000.00.
3. Penganugerahan Hadiah Peringatan Dr. John Bosco akan dibuat tiap-tiap sesi oleh Senat atas perakuan Lembaga Pemeriksa bagi Peperiksaan Sarjana Perubatan Dalamam.
4. Tiada penganugerahan akan dibuat dalam mana-mana sesi jika tidak ada calon yang difikirkan layak untuk menerima hadiah ini berdasarkan prestasi akademik. Sekiranya tiada penganugerahan dibuat dalam mana-mana sesi, wang yang ada akan dibawa ke hadapan untuk menyediakan penganugerahan tambahan dalam mana-mana sesi berikutnya di mana terdapat lebih dari seorang calon yang layak berdasarkan prestasi akademik.

Pal/update: 19.5.2014